LAPORAN TAHUNAN 2019

MEMPERKUKUHKAN KEYAKINAN

PIDM

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

MENGENAI LAPORAN INI

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) kini mengguna pakai amalan pelaporan bersepadu. Dalam Laporan Tahunan ini, kami berusaha untuk memberikan gambaran komprehensif mengenai cara-cara PIDM mewujudkan nilai melalui pentadbiran sistem-sistem perlindungannya.

Laporan ini boleh didapati di www.pidm.gov.my.

PERATURAN DAN GARIS PANDUAN

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah disediakan mengikut Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM)[1] dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards – MFRS). Ia juga mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards – IFRS).

Kami merujuk kepada International Integrated Reporting Framework yang diterbitkan oleh International Integrated Reporting Council (IIRC) ketika menyediakan Laporan Tahunan ini.

Lembaga Pengarah PIDM telah menyemak dan meluluskan Laporan Tahunan dan penyata kewangan ini. Perakuan dan jaminan kawalan dalaman dan risiko juga telah diperoleh daripada pihak pengurusan untuk memastikan bahawa Laporan Tahunan dan penyata kewangan ini menggambarkan prestasi dan hal ehwal PIDM secara menyeluruh. Lembaga Pengarah juga telah memantau pengenalpastian dan penilaian perkara-perkara material dalam pewujudan nilai oleh PIDM.

NAVIGASI, PAUTAN DAN RUJUKAN

Maklumat lanjut dalam Laporan Tahunan ini

Maklumat lanjut dalam talian

MAKLUM BALAS

Sebarang maklum balas mengenai Laporan Tahunan kami ini boleh disalurkan ke info@pidm.gov.my

[1] *Dipinda pada tahun 2010 dan 2016*

ISI KANDUNGAN

DARIPADA KEPIMPINAN KAMI	3
PENGENALAN	5
USAHA KAMI MEWUJUDKAN NILAI	8
PEMEGANG KEPENTINGAN	13
TADBIR URUS	22
RISIKO	36
PERKARA-PERKARA MATERIAL	40
STRATEGI	46
PRESTASI	54
Ulasan Prestasi	
Ulasan Kewangan	
TINJAUAN KEAHLIAN	89
PENYATA KEWANGAN	99
Laporan Lembaga Pengarah	
Pernyataan Pengarah	
Akuan Berkanun	
Sijil Ketua Audit Negara	
Penyata Kedudukan Kewangan	
Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain	
Penyata Perubahan dalam Kumpulan Dana dan Rizab	
Penyata Aliran Tunai	
Nota Kepada Penyata Kewangan	
Glosari Istilah	173
Rujukan Teknikal	175

Laporan Tahunan ini boleh didapati melalui:
www.pidm.gov.my

DARIPADA KEPIMPINAN KAMI

Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff
Pengerusi

Rafiz Azuan Abdullah
Ketua Pegawai Eksekutif

Pengenalan

Tahun 2020 bermula dengan cabaran besar di mana penularan wabak coronavirus (COVID-19), telah memberi kesan kepada dunia secara keseluruhan. Ketidaktentuan ini telah memberi impak terhadap pasaran kewangan Asia dan masih terdapat banyak persoalan sama ada virus ini akan menjejaskan ekonomi global. Ketidaktentuan maklumat mengenai virus ini yang menambahkan lagi kekeliruan dan kegusaran. Penyebaran maklumat tidak tepat secara meluas lagi pantas, dan keraguan orang ramai menyukarkan lagi kebolehan pihak berkuasa memberi respons yang meyakinkan dan konsisten.

Keadaan ini mengingatkan kami kepada krisis-krisis kewangan yang lalu, di mana orang awam dan pasaran kewangan berdepan dengan ketidaktentuan dan risiko-risiko yang tidak dijangka.

Dalam situasi sebegini, kepercayaan dan keyakinan adalah amat penting. Mengimbas kembali kegagalan bank-bank dan institusi kewangan ketika krisis kewangan global, reaksi orang awam sangat berhubung kait dengan tahap kepercayaan dan keyakinan mereka terhadap pihak berkuasa yang berkenaan. Tahap ini pula bergantung kepada reputasi pihak berkuasa yang dinilai dari aspek etika dan kewibawaan mereka, serta kesediaan membuat ketentuan dan berkomunikasi secara konsisten untuk memberi kepercayaan dan keyakinan kepada orang awam.

Dengan ini, PIDM sentiasa berusaha untuk meningkatkan kepercayaan dan keyakinan orang awam sebagai sebahagian urusan harian kami. Kami mengamalkan pelaporan yang telus kepada pemegang kepentingan. Kami juga berusaha untuk memastikan tahap kesediaan operasi yang tinggi dan mampu menangani pelbagai senario dan keadaan luar jangka sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli. Bersedia untuk menangani risiko ketidaktentuan dalam dunia kewangan masa kini adalah fokus utama kami sejak beberapa tahun yang lalu.

Usaha kami pada tahun 2019

Sepanjang tahun 2019, kami terus berusaha mengukuhkan peranan kami dalam melindungi konsumer kewangan dan juga sebagai pihak berkuasa dalam resolusi kegagalan institusi kewangan. Sorotan pencapaian kami pada tahun 2019 adalah:

- kemajuan dalam menyediakan satu lagi opsyen pembayaran balik untuk pendeposit bank ahli dengan memanfaatkan teknologi terkini;
- melancarkan program rintis perancangan resolusi bagi bank perintis; dan
- memulakan perbincangan yang aktif dengan anggota jaringan keselamatan kewangan lain untuk memastikan pengurusan krisis yang terurus dan teratur, serta perancangan luar jangka untuk intervensi atau resolusi kegagalan.

Portal industri dan penglibatan lain dengan institusi ahli

Pada tahun 2019, PIDM telah melancarkan portal industri untuk institusi ahli dengan jayanya. Portal ini merupakan satu kemudahan bagi institusi ahli mengemukakan maklumat mengenai pulangan tahunan deposit yang diinsuranskan serta pengiraan premium dan levi kepada PIDM dalam talian secara selamat, berbanding dengan pengemukaan maklumat secara manual. Dalam proses pelaksanaan portal industri, kami bekerjasama dengan pengguna portal di institusi ahli untuk menguji dan memastikan fungsi portal ini adalah seperti yang dikehendaki.

Bagi program rintis perancangan resolusi pada tahun 2019, kami meneruskan penglibatan bersama industri untuk memberi penerangan tentang perancangan resolusi dan pendekatan PIDM dalam menjalankan program rintis ini. Proses ini membabitkan aktiviti pengumpulan maklumat institusi ahli dan perancangan awal oleh PIDM.

Tadbir urus dan pelaporan

Lembaga Pengarah PIDM telah mematuhi semua standard tadbir urus yang ditetapkan dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah, seperti yang dilaporkan di laman web kami di www.pidm.gov.my. Sepanjang tahun 2019, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah turut memantau usaha kami dalam memperbaiki pendekatan pelaporan tahunan kami.

Seperti pengawal selia lain, adalah sukar bagi orang awam dan pemegang kepentingan untuk mengenal pasti dan mengukur usaha kami dalam mewujudkan nilai kerana tugasan harian kami mungkin tidak ketara jika tidak berlaku kegagalan. Oleh itu, Lembaga Pengarah bersetuju untuk menerima pakai prinsip-prinsip pelaporan bersepadu untuk memberi gambaran lebih jelas mengenai usaha-usaha kami kepada pemegang kepentingan. Melalui pendekatan ini berserta dengan aktiviti keterlibatan dengan pemegang kepentingan, kami berharap dapat meningkatkan kefahaman pemegang kepentingan mengenai operasi PIDM serta usaha kami dalam mewujudkan nilai.

Melangkah ke hadapan – memacu kesediaan

"Pengalaman Amerika Utara dan negara-negara Eropah, Timur Tengah dan Afrika dalam menangani kegagalan mencadangkan bahawa pelan perancangan pemulihan dan resolusi awal boleh mengurangkan impak krisis kewangan dan menyediakan jaringan keselamatan yang efektif."[1]

Perubahan persekitaran yang pantas dan ketidaktentuan yang semakin meningkat sejak kebelakangan ini mendorong kami untuk mempertingkatkan lagi tahap kesediaan operasi kami bagi proses pembayaran balik dan perancangan resolusi dalam tahun-tahun mendatang.

Ringkasan Rancangan Korporat 2020 - 2022 kami yang bertemakan "Melangkah ke Hadapan: Memacu Kesediaan PIDM", menjelaskan bidang fokus utama kami, iaitu untuk meneruskan usaha mempertingkatkan kesediaan operasi pada tahap yang sebaik bolehnya bagi menangani sebarang intervensi dan resolusi kegagalan institusi ahli. Terutamanya:

- Kami merancang untuk melaksanakan simulasi antara agensi untuk menguji aspek kesediaan luaran kami sekiranya berlaku intervensi dan resolusi kegagalan institusi ahli.
- Kami menjangka untuk melancarkan garis panduan akhir kepada industri setelah selesai program rintis dan perundingan dengan pihak industri. Seterusnya, kami akan bekerjasama dengan institusi ahli yang lain untuk membangunkan pelan resolusi mereka.

Kepastian dan keyakinan dalam persekitaran yang tidak menentu

Visi kami berasaskan daya tahan kewangan Malaysia dan rakyatnya. Bagi individu, daya tahan kewangan bermakna keupayaan untuk meneruskan kehidupan harian selepas menghadapi masalah kewangan yang mengejut. Bagi sesebuah negara pula, daya tahan kewangan adalah keupayaan untuk menghadapi sebarang kejutan ke atas kestabilan sistem kewangan. Dalam persekitaran yang sentiasa berubah, terdapat pelbagai faktor yang boleh menyumbang kepada ketidakstabilan sistem kewangan.

Walaupun kami tidak dapat menjangka atau mengawal masa hadapan, kami boleh merangka rancangan yang jelas dan teratur untuk bertindak apabila perlu. Langkah-langkah ini pula mesti dilaksanakan dengan penuh keazaman serta gandingan bersama rakan kongsi strategik kami bagi merealisasikan visi kami untuk rakyat Malaysia dan negara kita.

Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff

Rafiz Azuan Abdullah

[1] *"Perspectives on Recovery and Resolution Planning in Asia Pacific" by Oliver Wyman, Asia Pacific Risk Centre https://www.oliverwyman.com/content/dam/oliver-wyman/v2/publications/2017/nov/Perspectives_On_Recovery_And_Resolution_Planning_In_Asia_Pacific.pdf*

PENGENALAN

6 PENGENALAN

MENGENAI KAMI

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Akta PIDM. Ia ditadbir oleh Lembaga Pengarah yang terdiri daripada sembilan orang ahli dan melapor kepada Parlimen melalui Menteri Kewangan.

MANDAT – objek berkanun PIDM (Seksyen 4 Akta PIDM)	Bagaimana kami menjalankan mandat kami
Mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Kami bertanggungjawab untuk melaksanakan mandat kami selaras dengan tadbir urus yang baik dan nilai korporat kami.
Menyediakan perlindungan kepada pendeposit atau pemilik sijil takaful atau polisi insurans sekiranya institusi ahli gagal	Kami memantau kekukuhan institusi ahli dan kekal bersedia untuk intervensi dan resolusi kegagalan.
Menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang wajar	Kami menyediakan insentif kepada institusi ahli melalui sistem premium dan levi berbeza untuk menggalakkan mereka mengamalkan amalan pengurusan risiko yang wajar. Kami juga menyokong tadbir urus korporat yang baik dalam institusi ahli.
Menggalakkan atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan	Kami membentuk jaringan keselamatan kewangan negara bersama dengan Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia. Pemegang kepentingan kami perlu mempunyai kepercayaan dan keyakinan terhadap PIDM.

VISI KAMI

Memperkukuhkan keyakinan dengan menjadi pihak berkuasa perlindungan konsumer kewangan dan resolusi dengan amalan terbaik

MISI KAMI

Melaksanakan mandat secara efektif, dengan komitmen untuk membawa perubahan kepada komuniti dan kakitangan kami

PIDM, bersama-sama dengan Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia (BNM), adalah sebahagian daripada jaringan keselamatan kewangan negara. Sebagai pihak berkuasa resolusi, kami perlu bekerjasama dengan institusi ahli untuk merangka pelan resolusi yang boleh dilaksana dan berwibawa bagi mengurangkan kesan negatif terhadap keseluruhan sistem kewangan. Kerjasama rapat dengan anggota jaringan keselamatan kewangan lain juga penting.

Standard kami

Kami berusaha untuk mencapai kecemerlangan kawal selia[1] dengan menerima pakai amalan-amalan utama berikut:

- mencapai amalan terbaik dalam tadbir urus korporat sektor awam;
- mengkaji selidik dan menanda aras secara meluas, menyesuaikan diri mengikut keperluan khusus industri dan persekitaran operasi kami. Kami belajar daripada pengalaman pihak lain dan mempunyai kerjasama rapat dan rangkaian yang luas dengan rakan sejawat antarabangsa;
- perundingan mengenai perkara yang mungkin memberi kesan yang ketara ke atas pemegang kepentingan utama, dengan mengambil kira pendapat mengenai perkara yang bermanfaat kepada orang awam; dan
- memberi perhatian kepada perkara yang penting terhadap kemampanan jangka panjang dan kejayaan PIDM serta pencapaian mandat kami. Kunci kejayaan kami adalah pelaburan dalam pembangunan kakitangan kami supaya dapat mengekalkan tahap kecekapan, sikap dan budaya yang terbaik dalam PIDM.

Sebagai sebuah entiti sektor awam, kami komited dalam memastikan pengagihan sumber manusia secara efektif, mengurus prestasi dan memperkukuhkan akauntabiliti.

[1] *Rujuk "Listening, Learning, Leading: A Framework for Regulatory Excellence", Cary Coglianese*

PERSEKITARAN OPERASI

Ulasan keahlian

Sehingga Disember 2019, PIDM mempunyai 92 institusi ahli, yang terdiri daripada 42 bank ahli (bank konvensional dan institusi perbankan Islam) dan 50 ahli penginsurans (syarikat insurans dan pengendali takaful).

- Bank ahli:[2] Deposit yang diinsuranskan oleh PIDM berjumlah RM569 bilion atau 30.6% daripada jumlah deposit di mana 97% pendeposit dilindungi sepenuhnya.
- Ahli penginsurans:[2] Jumlah liabiliti penilaian aktuari syarikat insurans hayat dan pengendali takaful keluarga berjumlah RM156 bilion dan jumlah liabiliti syarikat insurans am dan pengendali takaful am berjumlah RM20 bilion. PIDM melindungi sepenuhnya 99% pemilik polisi hayat dan sijil takaful keluarga, dan 96% daripada pemilik polisi dan sijil takaful am.

Secara keseluruhan, institusi ahli PIDM mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh, dengan modal dan asas lain yang kukuh untuk mengatasi sebarang kemungkinan kejutan ekonomi. Walau bagaimanapun, memandangkan ketidakpastian dalam persekitaran operasi dan kemungkinan rintangan, PIDM perlu terus memberi tumpuan terhadap pemantauan ke atas risiko yang memberi kesan kepada institusi ahlinya serta keseluruhan persekitaran risiko supaya ia kekal bersedia.

Rujuk Bahagian Tinjauan Keahlian untuk maklumat lanjut.

Persekitaran dalaman

Dalam menilai penarafan risiko pada tahun 2019, PIDM memberi perhatian kepada faktor risiko persekitaran utama kepada PIDM, terutamanya trend ancaman keselamatan siber yang semakin meningkat dan kemungkinan kelemahan yang timbul daripada persekitaran luaran. Faktor-faktor ini diambil kira dalam pendekatan kami untuk mengurus risiko dan membangunkan rancangan korporat serta pelan tindakan untuk tahun 2020 dan seterusnya. Kami juga telah membangunkan rancangan jangka panjang kami berpandukan penilaian kami tentang perkara-perkara material. Ini khususnya untuk mempersiapkan kepimpinan masa hadapan PIDM, pembangunan dan pemindahan pengetahuan dan kemahiran sedia ada, serta langkah-langkah lain untuk kemampanan tenaga kerja masa hadapan kami.

Rujuk Bahagian Risiko dan Bahagian Perkara-Perkara Material untuk maklumat lanjut.

Keadaan ekonomi pada tahun 2019 dan prospek masa hadapan

Pada tahun 2019 momentum ekonomi global telah menyusut disebabkan oleh aktiviti perkilangan global yang semakin perlahan. Sentimen perniagaan dan pengguna terus dipengaruhi oleh pelbagai rintangan besar seperti ketegangan perdagangan yang berterusan, kebimbangan mengenai Brexit, ketegangan di Timur Tengah dan protes di Hong Kong. Kebimbangan mengenai kemelesetan ekonomi Amerika Syarikat juga meningkat dengan keluk kadar hasil yang songsang. Bank-bank pusat di seluruh dunia bertindak balas dengan pemotongan kadar faedah. Walaupun rintangan semakin meningkat, ekonomi Malaysia terus berdaya tahan dengan merekodkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar sebanyak 4.3%.

Ekonomi global pada tahun 2020 masih dalam keadaan ketidakpastian yang berlanjutan akibat peristiwa seperti perundingan perdagangan, penularan COVID-19 dan risiko geopolitik yang memberi impak yang ketara ke atas kemudahubahan (*volatility*) pasaran kewangan. Sesetengah peristiwa ini, termasuk perkembangan domestik baru-baru ini dan penularan COVID-19, akan terus memberi cabaran besar kepada prospek ekonomi Malaysia sekiranya tidak diselesaikan dengan segera.

[2] *Pada akhir tahun 2018*

USAHA KAMI MEWUJUDKAN NILAI

USAHA KAMI MEWUJUDKAN NILAI

NILAI SISTEM PERLINDUNGAN KAMI

Pewujudan nilai untuk sistem perlindungan PIDM boleh disimpulkan daripada mandat kami dan pengenalan kepada Akta PIDM.

"Bahawasanya kestabilan sistem kewangan ialah penentu utama pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran Malaysia:

Bahawasanya sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans adalah untuk melindungi pengguna kewangan… sekiranya berlaku kegagalan sesebuah institusi ahli dan PIDM hendaklah menjalankan fungsi yang dimandatkan dengan cepat dan berkesan; … dan menggalakkan pengurusan risiko yang wajar dalam sistem kewangan dan mengukuhkan perlindungan pengguna kewangan" (Pengenalan kepada Akta PIDM seperti yang diluluskan Parlimen).

Perlindungan asas bagi konsumer kewangan adalah untuk memastikan sistem kewangan stabil di mana institusi ahli digalakkan untuk tidak mengambil risiko berlebihan. Ini bermakna, PIDM perlu bersedia untuk memenuhi tanggungjawabnya untuk membayar balik amaun yang dilindungi atau untuk intervensi awal bagi institusi ahli yang bermasalah, bagi mengurangkan kesan negatif ke atas sistem kewangan.

Sistem perlindungan PIDM menggalakkan pengurusan risiko yang wajar dalam sistem kewangan, dan mengukuhkan keyakinan orang awam terhadap kestabilan sistem kewangan. Keyakinan ini dijana, antara lainnya, melalui perlindungan yang disediakan oleh PIDM kepada konsumer kewangan ketika berlakunya kegagalan institusi ahli. Mengikut asas sistem ini, kos perlindungan ditanggung oleh industri, menerusi sistem premium atau levi berbeza kami. Sistem premium dan levi berbeza ini membantu mengawal pengambilan risiko berlebihan oleh institusi ahli.

Seperti yang dinyatakan dalam pengenalan kepada Akta PIDM, keupayaan untuk melaksanakan intervensi awal dan bertindak dengan segera adalah penting. Pengalaman pihak berkuasa lain menunjukkan bahawa tindakan segera mengukuhkan keyakinan orang awam dan mengurangkan kos keseluruhan kegagalan dan kemungkinan kesan negatif ke atas sistem kewangan. PIDM juga mempunyai kuasa yang luas untuk bertindak dengan segera untuk intervensi dan resolusi kegagalan institusi ahli.

Ciri-ciri pembentukan PIDM membolehkannya mengumpul dana melalui sistem premium atau levi berbeza supaya ia dapat melindungi konsumer kewangan terhadap kegagalan institusi ahli dan menggalakkan kestabilan sistem kewangan negara. Dalam penggubalan dasar-dasar, PIDM juga mempertimbangkan kepentingan pemegang kepentingan yang pelbagai dan seharusnya membuat keputusan yang dapat memenuhi kepentingan mereka.

Sistem kami telah ditubuhkan untuk memenuhi mandat berkanun kami sejajar dengan Core Principles for Effective Deposit Insurance Systems.[1] Ciri-ciri utama adalah:

(a) perundangan yang jelas mewajibkan keahlian;
(b) PIDM dan ahli Lembaga Pengarah bebas daripada konflik kepentingan atau pengaruh tidak wajar;
(c) mengurangkan pertindihan peranan dan tanggungjawab dengan pengawal selia utama;
(d) mengenakan premium atau levi berbeza berdasarkan risiko institusi ahli;
(e) dana berasingan untuk industri konvensional dan Islam; dan
(f) pembiayaan untuk kos-kos kami dan keupayaan untuk meminjam bagi melaksanakan fungsi-fungsi berkanun kami.

[1] *Diterbitkan oleh International Association of Deposit Insurers (edisi terkini pada tahun 2014)*

10 USAHA KAMI MEWUJUDKAN NILAI

Pemacu nilai

Kami menggunakan sifat-sifat 'kecemerlangan kawal selia'[2] sebagai pemacu nilai kami:

(a) mandat yang jelas, supaya tidak ada kekeliruan mengenai tanggungjawab dan peranan kami;
(b) akauntabiliti, menjadi asas bagaimana kami melaksanakan tadbir urus korporat dan tanggungjawab kepada pemegang kepentingan kami;
(c) memastikan kami sentiasa mempunyai tenaga kerja berkebolehan tinggi dengan sikap dan kecekapan yang sesuai; dan
(d) penglibatan pemegang kepentingan yang bersesuaian.

'Nilai' ini bukan sahaja memenuhi keperluan masa kini atau keperluan pihak kepentingan tertentu sahaja, tetapi juga kebaikan awam untuk tempoh jangka panjang. Untuk mencapai objektif berkanun, kami memerlukan keseimbangan dalam memutuskan peruntukan sumber kami dan menangani persaingan antara sumber-sumber nilai, serta mencapai keseimbangan di antara pemegang kepentingan dalaman dan luaran bagi jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Semua ini adalah penting untuk menjalankan fungsi dan peranan berkanun PIDM dengan efektif.

[2] *Dibincangkan dalam "Achieving Regulatory Excellence" disunting oleh Cary Coglianese, Brookings Institution Press, 2016*

Usaha kami mewujudkan nilai

Input (Sumber dan keupayaan dan peruntukan sumber)

Modal insan

Modal sosial dan perhubungan

Modal kewangan

Modal intelektual

Modal pembangunan

Rujuk halaman 12

Apa yang kami lakukan ('Nilai' atau model pengurusan)

Memastikan konsumer kewangan dilindungi daripada kehilangan deposit serta manfaat takaful dan insurans sekiranya institusi ahli gagal

- Membentuk dan mengekalkan sistem, kakitangan dan proses untuk memastikan kesediaan operasi tahap tinggi untuk menangani intervensi dan resolusi kegagalan
- Memantau dan menilai risiko institusi ahli bagi kesediaan
- Melaksanakan kajian semula secara berkala ke atas instrumen intervensi dan resolusi kegagalan untuk memastikan keberkesanan dan kecekapan
- Melaksanakan perancangan resolusi

Menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang wajar

- Mentadbir sistem premium dan levi berbeza
- Menyediakan sokongan untuk tadbir urus baik dalam institusi ahli melalui FIDE FORUM

Mengukuhkan kepercayaan dan keyakinan

- Melaksanakan inisiatif kesedaran awam dan inisiatif komunikasi yang sewajarnya

Pemacu-pemacu nilai (Rujuk halaman 10)

- Mandat yang jelas
- Akauntabiliti
- Tenaga kerja
- Penglibatan pemegang kepentingan

Output (Rujuk Bahagian Prestasi di halaman 54)

Modal kewangan, modal insan, serta modal sosial dan perhubungan diterjemah sebagai modal intelektual (termasuk jenama, dan reputasi, sistem dan prosedur organisasi). Modal pembangunan membolehkan kecekapan yang lebih tinggi dalam melaksanakan fungsi kami. Rujuk halaman 12 untuk keterangan bagaimana modal kami diterjemahkan ke dalam pencapaian mandat kami.



Modal intelektual

Hasil / Nilai

Akauntabiliti

- Mempamerkan tadbir urus yang baik dan akauntabiliti dalam sektor awam
- Inisiatif yang mampan, contohnya pemberian biasiswa dan inisiatif celik kewangan

Tenaga kerja

- Kakitangan yang berkebolehan tinggi
- Pemindahan pengetahuan dan membina kepakaran

Pengurusan pemegang kepentingan

- Dasar dan undang-undang yang efektif

Nilai kepada konsumer kewangan

- Memastikan pendeposit, pemilik sijil takaful dan pemilik polisi insurans memiliki akses yang berterusan kepada sumber kewangan mereka sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli

Nilai kepada orang awam dan industri – kestabilan keseluruhan sistem kewangan

- Mengurangkan risiko *bank run*
- Menggalakkan keyakinan dalam sistem kewangan, kelancaran fungsi-fungsinya dan menyokong ekonomi secara keseluruhannya
- Membantu mengurangkan risiko kegagalan (memberi insentif untuk pengurusan risiko)
- Mengurangkan bahaya moral
- Mengurangkan kos kepada sistem kewangan

Nilai kepada ekonomi

- Mengembalikan aset-aset institusi yang gagal kepada ekonomi untuk kegunaan yang produktif
- Kos kegagalan ditanggung oleh industri dan mengurangkan beban kewangan kepada Kerajaan

Daya tahan operasi

Kecemerlangan Kawal Selia

Integriti institusi

Mencapai objektif dasar awam Akta PIDM iaitu memelihara kestabilan sistem kewangan

Mengembalikan aset kepada ekonomi untuk kegunaan yang produktif

Mengurangkan beban kewangan ke atas Kerajaan

Pemegang kepentingan utama kami

- **Orang awam**
- **Institusi ahli dan persatuan industri**
- **Anggota jaringan keselamatan kewangan dan agensi-agensi Kerajaan**
- **Media**
- **Rakan sejawat antarabangsa**
- **Penyedia perkhidmatan dan rakan kongsi strategik**
- **Kakitangan**

Rujuk Bahagian Pemegang Kepentingan di halaman 13

Risiko utama kami

- **Modal insan**
  – Risiko kakitangan
- **Ancaman siber dan kelemahan**
  – Risiko operasi
- **Kesediaan untuk melaksanakan mandat** – Risiko insurans
- **Kerosakan kepada imej dan reputasi**
  – Risiko reputasi

Rujuk Bahagian Risiko di halaman 36

Tindakan kami dipandu oleh nilai-nilai korporat kami: Pengelolaan kewangan yang berhemat, Kecemerlangan dan profesionalisme, Hormat dan adil, Integriti dan kebolehpercayaan serta Komunikasi dan kerja berpasukan

12 USAHA KAMI MEWUJUDKAN NILAI

Modal

Modal insan	• Kecekapan, keupayaan dan pengalaman kakitangan
Modal sosial dan perhubungan	• Hubungan yang erat dalam PIDM dan dengan pemegang kepentingan luaran kami • Reputasi dan imej
Modal kewangan	• Pendapatan berkanun daripada premium dan levi yang dikumpul daripada institusi ahli dan pendapatan pelaburan daripada dana-dana • Keupayaan untuk membuat pinjaman untuk melaksanakan fungsi-fungsi berkanun kami
Modal intelektual	• Pengetahuan dan kepakaran mengenai Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans • Pengetahuan mengenai amalan tadbir urus korporat dalam sektor awam • Pengetahuan yang diperoleh dan dikumpul menerusi inisiatif pembelajaran organisasi kami
Modal pembangunan	• Sistem dan infrastruktur untuk operasi harian serta intervensi dan resolusi kegagalan • Pusat pemulihan bencana dan infrastruktur keselamatan teknologi maklumat

Hubung kait dan penterjemahan modal-modal kami untuk mencapai mandat PIDM



Sumber modal kewangan

Sumber utama modal kewangan PIDM adalah premium atau levi yang dikenakan ke atas institusi ahli, dan pendapatan daripada pelaburan dana-dana. Kadar premium dan levi yang dikenakan diputuskan oleh Menteri Kewangan atas cadangan PIDM. Kadar berkenaan adalah seperti yang telah dimandatkan oleh Akta PIDM – untuk memberi insentif kepada pengurusan risiko yang wajar dalam industri perkhidmatan kewangan.

Pengumpulan dana bagi sistem perlindungan PIDM dilakukan sebelum berlaku kegagalan mana-mana institusi ahli (sistem ex-ante). Saiz dana sasaran ditentukan dengan merujuk kepada apa yang dianggap mencukupi untuk memenuhi kewajipan masa hadapan PIDM serta untuk menampung kos operasi dan kos berkaitan. Dana sasaran berkenaan tidak bertujuan untuk menanggung semua deposit yang dilindungi, liabiliti insurans atau takaful. Ini adalah untuk mengelakkan PIDM memegang dana-dana yang tidak diperlukan dan boleh digunakan oleh industri untuk pinjaman atau tujuan perniagaan lain. Ini bermakna, untuk PIDM melaksanakan tanggungjawabnya dengan segera semasa intervensi atau resolusi kegagalan, ia mesti mempunyai akses segera kepada pendanaan kecairan, sekiranya terdapat kekurangan dalam pembiayaan dalaman.

Modal kewangan dan modal perhubungan membentuk modal intelektual, dan modal-modal lain untuk mewujudkan nilai

Sebahagian besar kos operasi PIDM berkait dengan modal insan. Model 'nilai' atau urusan kami amat bergantung kepada aset tidak ketara (modal intelektual, serta sosial dan perhubungan). Oleh itu, nilai PIDM bergantung kepada kakitangannya. Hanya dengan tenaga kerja yang sesuai, kami dapat memanfaatkan nilai pengetahuan aset tidak ketara dan mengukuhkan keperluan modal sosial dan perhubungan untuk melaksanakan mandat kami dengan jayanya.

Pengetahuan – termasuk pengalaman, kaji selidik dan pembelajaran – merupakan modal utama PIDM. Bagi menjadikan pengetahuan itu satu aset yang berharga, ia tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada kakitangan sedia ada. Ia perlu diperolehi, dikumpulkan dan dipindahkan secara terancang untuk tempoh sederhana ke jangka panjang. Pembinaan modal intelektual ini amat perlu untuk kejayaan PIDM.

Sebagai sebahagian daripada jaringan keselamatan kewangan, PIDM perlu membina hubungan yang relevan untuk mengurus sumber-sumber kewangan dan keperluan kecairan dengan jayanya semasa intervensi dan resolusi kegagalan. Modal sosial dan perhubungan (reputasi dan imej) juga penting untuk orang awam memberi kepercayaan dan keyakinan terhadap PIDM, dan supaya kami dapat menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Kebanyakan ini bergantung bukan sahaja kepada kecekapan kakitangan kami, tetapi juga struktur tadbir urus, etika dalaman dan sikap kami, serta komunikasi dan perhubungan awam yang sepatutnya.

Modal pembangunan kami, seperti infrastruktur teknologi maklumat, penting untuk keberkesanan dan kecekapan kami. Melangkah ke hadapan, apabila kami mengumpul data dan maklumat daripada institusi ahli dan menjalankan kaji selidik yang lebih mendalam, kami perlu menangani sumber nilai tambahan – data yang kami dan orang lain boleh menganalisis dan menggunakan, dengan tujuan memudahkan pewujudan nilai untuk masyarakat secara keseluruhannya.

PEMEGANG KEPENTINGAN

14 PEMEGANG KEPENTINGAN

Penglibatan pemegang kepentingan merupakan sebahagian daripada tadbir urus PIDM. Usaha ini dilaksanakan melalui program jangkauan, sesi dialog dan perundingan berkumpulan atau rundingan terus. Laporan berikut menerangkan penglibatan kami dengan pemegang kepentingan, mekanisme maklum balas, perkara yang penting bagi mereka dan pendekatan utama aktiviti keterlibatan kami. Butiran terperinci mengenai penglibatan PIDM pada tahun 2019 boleh didapati dalam Bahagian Prestasi di halaman 54.

Pemegang kepentingan utama	Mekanisme maklum balas	Perkara penting bagi mereka
Orang awam	• Maklum balas tinjauan indeks kesedaran dan kepercayaan • Soal selidik atau tinjauan khusus • Tahap minat media dalam menerbitkan laporan mengenai PIDM • Pematuhan terhadap peraturan maklumat • Maklum balas daripada kumpulan fokus • Audit persepsi pemegang kepentingan (media)	**Pencapaian mandat** Kami perlu memenuhi mandat berkanun kami dengan akauntabiliti dan ketelusan.
		Kestabilan sistem kewangan Mengikut tinjauan kesedaran konsumer, perlindungan PIDM adalah relevan kepada mereka yang tahu mengenai insurans deposit. **Pewujudan nilai** Tahap kesedaran dan kepercayaan terhadap PIDM dapat menggalakkan keyakinan terhadap kestabilan sistem kewangan. Sistem kewangan yang stabil membolehkan institusi ahli menjalankan perniagaan dan fungsi ekonomi mereka.
Institusi ahli dan persatuan industri	• Audit persepsi pemegang kepentingan • Tinjauan kepuasan selepas acara (contoh: daripada pengarah FIDE FORUM) • Program keterlibatan dengan industri seperti dialog tahunan bersama persatuan dan industri • Perjumpaan PIDM dengan pengurusan kanan institusi ahli dan ketua atau wakil persatuan industri • Sesi keterlibatan khusus dengan lembaga pengarah dan pengurusan kanan institusi ahli (contoh: taklimat perancangan resolusi) • Sesi perundingan bagi perkara tertentu seperti peraturan-peraturan premium dan levi berbeza • Maklum balas yang diterima melalui pengarah, pengurusan kanan dan penyertaan dalam Forum Ketua Pegawai Risiko yang dikendalikan oleh Asian Institute of Chartered Bankers	**Pemahaman utama daripada maklum balas** • Pihak industri ingin melihat nilai PIDM dari segi operasi harian memandangkan keseluruhan sistem kewangan stabil. • Persatuan industri inginkan lebih banyak peluang untuk bekerjasama dengan PIDM dalam bidang yang kedua-dua pihak mempunyai kepentingan bersama. • PIDM diharapkan untuk mempamerkan kompetensi, keberkesanan dan kecekapan sebagai pengawal selia, terutamanya dalam permintaannya untuk pengemukaan maklumat. • Pihak industri mengharapkan PIDM dapat mengamalkan pengurusan kewangan yang berhemat. **Pewujudan nilai** Melalui penglibatan kami, PIDM menggalakkan penggubalan dasar, peraturan dan penyelesaian kawal selia yang efektif.

Respons kami	Rancangan masa hadapan
Prestasi kami terhadap inisiatif dalam rancangan korporat dilaporkan dalam laporan tahunan PIDM. Penyata kewangan dibentangkan di Parlimen melalui Menteri Kewangan setiap tahun. Semua rancangan korporat dan laporan tahunan kami boleh didapati di laman web.	Kami akan meneruskan amalan semasa kami dan mematuhi Akta PIDM.
Kami melaksanakan proses perundingan untuk mendapatkan maklum balas daripada pemegang kepentingan kami mengenai perkara-perkara berkaitan seperti pengawalseliaan.	Kertas perundingan boleh didapati di laman web kami. Untuk tahun 2020, kami menjangka akan mengeluarkan kertas perundingan berikut: • Garis Panduan Pengesahan Audit Luar yang disemak semula; dan • Kajian semula Rangka Kerja Sistem Premium Berbeza.
Kami menggalakkan kesedaran awam mengenai PIDM melalui pelbagai saluran dan aktiviti.	Kami akan terus menjalankan program kesedaran awam termasuk melalui laman Facebook kami. Pada tahun 2020, kami merancang untuk melaksanakan kempen penglibatan awam mengenai daya tahan kewangan.
Peraturan-peraturan Maklumat Sistem Insurans Deposit menghendaki bank ahli mempamerkan maklumat mengenai PIDM di premis dan laman web mereka serta menyediakan maklumat untuk pelanggan mereka.	Peraturan-peraturan Maklumat Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans akan mengenakan syarat yang sama terhadap ahli penginsurans.
Kami mengadakan taklimat khusus, sesi perundingan, dialog dan perbincangan kumpulan fokus dengan wakil institusi ahli.	Kami merancang untuk melancarkan audit persepsi pemegang kepentingan pada tahun 2021 untuk menilai kemajuan.
Kami berjumpa dengan pegawai kanan institusi ahli dan memberikan sesi penerangan sebelum melaksanakan inisiatif penting yang membabitkan institusi ahli, contohnya inisiatif perancangan resolusi.	Kami akan mengadakan sesi perundingan dengan institusi ahli mengenai garis panduan perancangan resolusi sebelum ianya dilancarkan kepada industri.
Kami telah mengadakan taklimat mengenai perancangan resolusi melalui program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan ICLIF. Kami telah mengadakan beberapa sesi keterlibatan dengan bank perintis bagi program perancangan resolusi termasuk: • pemeriksaan berkala; • mesyuarat; • bengkel kerja dengan pihak pengurusan; dan • taklimat kepada pengarah.	Kami akan menyelesaikan program rintis perancangan resolusi dalam tempoh perancangan 2020 - 2022. Berikutan itu, kami akan menyemak semula garis panduan perancangan resolusi berdasarkan maklum balas daripada bank perintis. Kami akan terus mengadakan sesi penerangan kepada institusi ahli melalui program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan. Kami juga akan bekerjasama dengan Asian Institute of Chartered Bankers untuk menyediakan program mengenai perancangan pemulihan dan resolusi.

16 PEMEGANG KEPENTINGAN

Pemegang kepentingan utama	Mekanisme maklum balas	Perkara penting bagi mereka
Anggota jaringan keselamatan kewangan dan agensi Kerajaan	• Jawatankuasa Perhubungan Perjanjian Kerjasama Strategik BNM • Ahli Lembaga Pengarah *ex officio* • Perjumpaan Ketua Pegawai Eksekutif PIDM dengan agensi lain termasuk Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit • Penglibatan dengan pegawai kanan kerajaan • Maklum balas peringkat pasukan kerja	**Kestabilan sistem kewangan** Kementerian Kewangan dan BNM mempunyai objektif dasar awam yang sama, iaitu kestabilan sistem kewangan.
		Tanggungjawab dan peranan kawal selia yang jelas Komunikasi dan kerjasama yang efektif perlu ada untuk menangani kebimbangan mengenai kestabilan sistem kewangan. Peranan dan tanggungjawab yang jelas perlu digariskan, terutama semasa krisis. **Pewujudan nilai** Memastikan kerjasama dan kejelasan peranan dan tanggungjawab dalam kalangan anggota jaringan keselamatan kewangan.
		Menggalakkan literasi kewangan dalam kalangan orang awam **Pewujudan nilai** Kami bekerjasama dengan anggota Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network) untuk menggalakkan literasi kewangan, yang merupakan faktor penting dalam meningkatkan kesedaran terhadap PIDM untuk jangka panjang.
		Pematuhan piawaian laporan kebangsaan Jabatan Audit Negara memperolehi maklumat daripada PIDM untuk menjalankan audit berkanunnya. Ia bertujuan untuk memastikan kami mematuhi piawaian perakaunan Malaysia.

Respons kami	Rancangan masa hadapan
Kami bekerjasama dengan BNM untuk mengurangkan pertindihan pengemukaan maklumat. Seperti yang dilaporkan dalam laporan tahunan 2018: • Kami berusaha memperbaiki kecekapan operasi kami. Kami melaksanakan inisiatif penjimatan kos termasuk menghentikan salinan pencetakan laporan tahunan selain salinan yang diperlukan oleh Kementerian Kewangan dan Parlimen. • Kami juga telah mencapai tahap mampu biaya diri, di mana pendapatan pelaburan kami sudah mencukupi untuk menampung perbelanjaan. Pada tahun 2019, kami telah melancarkan portal industri PIDM kepada institusi ahli untuk kemudahan pengemukaan maklumat dalam talian yang lebih selamat dan efisien.	Kami akan terus berusaha untuk mengurangkan pertindihan pengemukaan maklumat. Kami akan terus mengamalkan pengurusan kewangan yang berhemat. Kami mengadakan perbincangan dengan persatuan industri untuk kolaborasi dalam bidang kepentingan bersama.
Kami mempunyai Perjanjian Perikatan Strategik dan bekerjasama rapat dengan BNM. Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Gabenor BNM merupakan Pengarah *ex officio* PIDM. Ini akan membantu koordinasi antara anggota jaringan keselamatan kewangan.	Sekiranya diperlukan, kami akan mengkaji semula pengaturan dengan BNM dan akan bekerjasama untuk memperbaiki Perjanjian Perikatan Strategik.
Kami juga mengadakan sesi perundingan dengan agensi yang berkenaan sebelum membuat sebarang pindaan kepada Akta PIDM.	
Kami menyertai sesi perkongsian maklumat antara agensi untuk mencapai pemahaman yang lebih jelas mengenai peranan dan tanggungjawab masing-masing sekiranya berlaku intervensi dan resolusi kegagalan. Pada tahun 2019, PIDM menjadi tuan rumah kepada satu bengkel simulasi pengurusan krisis yang dikendalikan oleh Bank Dunia. Seramai 80 peserta dari Kementerian Kewangan, BNM dan PIDM menghadiri bengkel ini.	Kami sedang membincangkan protokol pengurusan krisis untuk tujuan ini dan juga simulasi untuk menguji pengaturan ini.
Pada tahun 2019, PIDM bekerjasama dengan anggota Jaringan Pendidikan Kewangan untuk melancarkan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan.	Kami akan membangunkan dan melaksanakan rancangan untuk meningkatkan akses maklumat, peralatan dan sumber pengurusan kewangan kepada orang awam.
Kami memberi kerjasama kepada Jabatan Audit Negara bagi tujuan audit luaran mereka. Di bawah Piagam Jawatankuasa Audit, Jabatan Audit Negara perlu dijemput ke mesyuarat Jawatankuasa Audit kami.	Kami akan terus bekerjasama rapat dengan Jabatan Audit Negara terhadap audit luaran bagi memastikan pematuhan terhadap piawaian perakaunan Malaysia.

18 PEMEGANG KEPENTINGAN

Pemegang kepentingan utama	Mekanisme maklum balas	Perkara penting bagi mereka
Media	• Audit persepsi pemegang kepentingan • Sesi maklum balas bersama media	**Menyediakan maklumat yang jelas dan tepat** Media memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi umum. Pihak media memerlukan maklumat yang jelas dan tepat daripada PIDM untuk disampaikan kepada orang awam. **Pemahaman utama daripada maklum balas** Perkara penting bagi media mengenai PIDM pada masa kini lebih cenderung ke arah laporan yang berkaitan penipuan kewangan dan profil pemimpin berbanding topik mengenai insurans deposit atau skim jaminan insurans. **Pewujudan nilai** Pemahaman mengenai PIDM dan tugasnya, serta hubungan baik dengan pihak media dapat membantu PIDM ketika krisis, seperti intervensi dan resolusi kegagalan.
Rakan sejawat antarabangsa	• Sesi perkongsian pengetahuan dan lawatan sambil belajar oleh penginsurans deposit atau skim jaminan insurans • Pelantikan dalam jawatankuasa eksekutif dan jawatankuasa lain bagi institusi antarabangsa • Jemputan untuk berucap di persidangan antarabangsa • Tawaran peminjaman kakitangan (*secondments*) daripada organisasi antarabangsa atau rakan sejawat • Penyertaan dalam persidangan dan Crisis Management Groups	**Perkongsian pengetahuan dan jaringan sokongan** Jaringan antarabangsa membolehkan perkongsian pengetahuan, pembangunan amalan terbaik, pengumpulan data, penyelidikan dan kepimpinan pemikiran (*thought leadership*) yang efektif. **Penyelarasan berkaitan perancangan resolusi untuk institusi ahli yang mempunyai operasi rentas sempadan** Bagi menangani kegagalan bank rentas sempadan, agensi penguatkuasa masing-masing berusaha untuk memastikan mekanisme yang menyeluruh untuk resolusi dan kerjasama rentas sempadan. Ini bertujuan mencapai resolusi yang teratur untuk kumpulan kewangan rentas sempadan. PIDM telah dijemput untuk menyertai beberapa Crisis Management Groups yang berkaitan. **Pewujudan nilai** Hasil penglibatan ini, kami berupaya menyumbang kepada penanda aras dasar antarabangsa dan kepimpinan pemikiran dalam bidang seperti deposit insurans Islam dan membangunkan standard dalam bidang ini. Kami juga berupaya memperkukuhkan penyelarasan dan perancangan dengan pihak berkuasa resolusi asing berkaitan isu resolusi rentas sempadan.

Respons kami	Rancangan masa hadapan
Kami mengadakan sesi keterlibatan dengan pengurusan kanan dan kakitangan media untuk membina hubungan baik. Ia juga bertujuan untuk membentuk profil yang bersesuaian pada pandangan umum serta membantu mengekalkan reputasi dan imej PIDM.	Kami akan terus menyediakan bahan bacaan berkaitan kesedaran awam PIDM serta intervensi dan resolusi kegagalan, termasuk perancangan resolusi.
Kami mengadakan sesi keterlibatan dengan agensi media yang berkaitan.	Kami akan meneruskan sesi keterlibatan dengan media.
Kami turut memeterai memorandum persefahaman untuk pengetahuan dan perkongsian kepakaran. Setakat ini, kami sudah menandatangani memorandum persefahaman dengan Federal Deposit Insurance Corporation, Central Deposit Insurance Corporation (Taiwan), Philippines Deposit Insurance Corporation, Korea Deposit Insurance Corporation dan Lembaga Penjamin Simpanan (Indonesia). Kami juga telah membuat perjanjian dengan pihak berkuasa resolusi untuk memudahkan resolusi rentas sempadan.	Kami akan mengekalkan hubungan baik dengan penginsurans deposit dan skim jaminan insurans lain melalui International Association of Deposit Insurers (IADI), International Forum of Insurance Guarantee Schemes (IFIGS) dan penglibatan dua hala.
Kami mengambil bahagian dalam forum dan seminar antarabangsa.	Pada tahun 2020, kami merancang untuk menjadi tuan rumah IADI Asia Pacific Regional Committee Annual Meeting ke-18 dan IFIGS International Conference and Annual General Meeting ke-7.
Kami mengadakan penglibatan dengan organisasi antarabangsa, terutamanya mereka yang terbabit dalam bidang resolusi, pasaran kewangan dan menggalakkan pertumbuhan dan kestabilan sistem kewangan. Kami juga mengadakan penglibatan dengan pihak berkuasa asing bagi perkara berkaitan perancangan pemulihan dan resolusi rentas sempadan.	Kami akan terus mengadakan perbincangan dua hala dengan pihak berkuasa asing melalui pelbagai platform seperti Crisis Management Groups dan Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks (EMEAP).

20 PEMEGANG KEPENTINGAN

Pemegang kepentingan utama	Mekanisme maklum balas	Perkara penting bagi mereka
Penyedia perkhidmatan dan rakan kongsi strategik	Maklum balas daripada anggota Jaringan Pendidikan Kewangan tertentu diperoleh melalui audit persepsi pemegang kepentingan. Audit persepsi akan turut dipanjangkan kepada penyedia perkhidmatan pada masa hadapan.	**Proses pemilihan telus dan saksama serta perkongsian strategik dengan penyedia perkhidmatan** Penyedia perkhidmatan berharap proses pemilihan penyedia perkhidmatan oleh PIDM adalah adil. PIDM mempunyai polisi perolehan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah yang berpandukan prosedur amalan terbaik. Pemahaman urusan PIDM juga akan membolehkan mereka memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan. **Pewujudan nilai** Kerjasama rapat dengan penyedia perkhidmatan dan meningkatkan pemahaman mereka terhadap urusan kami akan membolehkan PIDM memanfaatkan mereka sebagai sumber tambahan sekiranya berlaku intervensi dan resolusi kegagalan.
Kakitangan	• Sesi keterlibatan yang diketuai pengurusan kanan atau mesyuarat di peringkat bahagian • Tinjauan kepuasan kakitangan dwitahunan • Penilaian 360-darjah (kepimpinan) • Maklum balas tinjauan rentas bahagian • Maklum balas tinjauan organisasi pembelajaran • Tinjauan tahap kematangan pengurusan risiko organisasi • Penyedia perkhidmatan luar • Kadar susutan kakitangan • Bengkel kerja pengurusan risiko organisasi • Audit pengurusan dan kajian kemahiran dan potensi • Sesi *townhall*	Untuk penglibatan kakitangan, mereka mempunyai keperluan untuk: • memahami dan melaksanakan tugasan mereka sejajar dengan matlamat PIDM; • menyumbang kepada kejayaan PIDM; • mempunyai peluang pembelajaran dan pembangunan; dan • mempunyai tempat kerja yang selamat dan selesa. **Lain-lain pemahaman** PIDM mempunyai persekitaran kerja yang kondusif dan indeks keterlibatan kakitangan berterusan yang tinggi pada tahap 81% pada tahun 2019. Melalui tinjauan kematangan organisasi pembelajaran, PIDM boleh menambahbaik usaha untuk memupuk budaya pembelajaran. **Pewujudan nilai** Penglibatan dengan kakitangan adalah penting untuk membentuk budaya, wawasan yang sehaluan, kejelasan mengenai objektif utama dan persekitaran kerja yang kondusif bagi membantu mengekalkan tenaga kerja PIDM.

Ringkasan Rancangan Korporat kami yang menetapkan rancangan 2020 - 2022, boleh didapati di www.pidm.gov.my.

Respons kami	Rancangan masa hadapan
Kami memberikan penerangan kepada mereka tentang perkara-perkara relevan seperti perundangan, mandat, pendekatan dan proses. Sebagai sebahagian daripada latihan simulasi, kami mengadakan latihan dan sesi perkongsian pengetahuan untuk mempertingkatkan kesediaan penyedia perkhidmatan kami.	Kami akan mengadakan sesi keterlibatan dengan penyedia perkhidmatan dan rakan kongsi strategik yang dilantik untuk meningkatkan pemahaman mereka mengenai peranan PIDM.
Terdapat beberapa saluran komunikasi dengan kakitangan, termasuk sesi *townhall* dan aktiviti keterlibatan kakitangan. Kelab Sukan, Rekreasi dan Kebajikan PIDM menganjurkan pelbagai aktiviti keterlibatan kakitangan termasuk aktiviti tanggungjawab sosial korporat. Pada tahun 2019, kami menjalankan tinjauan kepuasan kakitangan untuk menilai penglibatan kakitangan.	Untuk menggalakkan keterbukaan komunikasi dalam kalangan kakitangan, kami akan terus mengadakan sesi keterlibatan. Pihak pengurusan juga akan mengkaji semula dan membangunkan pelan tindakan yang relevan untuk menangani maklum balas yang diterima daripada tinjauan kepuasan kakitangan dwitahunan.
Pembangunan kepimpinan dan tenaga kerja terus menjadi agenda penting. Pada tahun 2019, purata tempoh latihan bagi setiap kakitangan adalah 13 hari. Kami juga meneruskan inisiatif organisasi pembelajaran untuk memupuk budaya pembelajaran.	Kami akan terus menggalakkan budaya pembelajaran memandangkan pengawal selia perlu menyesuaikan diri dan mengekalkan kecekapan bagi memastikan kemampanan jangka panjang.

TADBIR URUS

TADBIR URUS

TINJAUAN TADBIR URUS

PIDM menanda aras amalan tadbir urusnya dengan amalan terbaik walaupun tiada kod amalan tadbir urus korporat khusus yang perlu diguna pakai oleh PIDM. Ini termasuk amalan terbaik yang disarankan dalam beberapa penerbitan seperti Good Governance in the Public Sector[1] oleh Federation of International Accountants, Core Principles for Effective Deposit Insurance Systems[2] oleh IADI dan Best Practice Principles on the Governance of Regulators[3] oleh Organisation of Economic Cooperation and Development. Struktur tadbir urus PIDM adalah seperti gambarajah di bawah.



Struktur Tabdir Urus PIDM

Mengikut Akta PIDM, Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada dua pengarah *ex officio* iaitu Gabenor BNM dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Lantikan ini perlu untuk menyokong koordinasi dan kerjasama dengan anggota jaringan keselamatan kewangan lain. Pengarah lain terdiri daripada individu daripada sektor awam dan swasta yang dilantik oleh Menteri Kewangan.

[1] *2 Julai 2014*
[2] *Dikemas kini pada tahun 2014*
[3] *Tahun 2012*

Kebebasan

Lembaga Pengarah PIDM mesti bebas dan "bertindak demi kepentingan Perbadanan".

Satu ciri penting dalam keberkesanan penginsurans deposit ialah kebebasan operasi.[4] Akta PIDM memperuntukkan bahawa Lembaga Pengarah semestinya "… bertindak demi kepentingan Perbadanan" dan menangani risiko yang berkemungkinan menghalang kebebasan Lembaga Pengarah seperti berikut:

- Seperti yang termaktub di bawah Akta PIDM, ahli Parlimen, pemegang jawatan dalam parti-parti politik dan pegawai dalam institusi ahli tidak boleh dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah.
- Ketua Pegawai Eksekutif bukan ahli Lembaga Pengarah.
- Pelanggaran Kod Konflik Kepentingan untuk Pengarah merupakan satu kesalahan berkanun.

Komposisi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap perjalanan urusan dan hal ehwal PIDM. Ia dibantu oleh Jawatankuasa Lembaga Pengarah dalam memantau pewujudan nilai PIDM.

JAWATANKUASA TADBIR URUS	JAWATANKUASA AUDIT	JAWATANKUASA GANJARAN
Menyokong pemantauan Lembaga Pengarah dalam mengekalkan tadbir urus korporat yang efektif. Ia merangkumi prinsip dan amalan tadbir urus, penilaian lembaga pengarah, pelantikan lembaga pengarah dan perancangan penggantian pegawai korporat.	Menyokong pemantauan Lembaga Pengarah dalam memastikan integriti penyata kewangan, pelaporan kewangan, perakaunan dalaman, kawalan kewangan, audit dalaman, pengurusan risiko serta pematuhan terhadap etika dan keperluan perundangan dan kawal selia.	Menyokong pemantauan Lembaga Pengarah dalam hal-hal berkaitan dengan polisi sumber manusia, polisi pampasan dan perancangan penggantian pihak pengurusan.
Ahli: Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood (*Pengerusi*) Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff Puan Gloria Goh Ewe Gim	**Ahli:** Puan Gloria Goh Ewe Gim (*Pengerusi*) Datuk Saat Esa *(sehingga persaraan beliau pada 30 Oktober 2019)* Datuk Dr. Yacob Mustafa *(berkuatkuasa pada 1 Januari 2020)* Dato' Dr. Gan Wee Beng Encik Alex Foong Soo Hah	**Ahli:** Encik Alex Foong Soo Hah (*Pengerusi*) Dato' Dr. Gan Wee Beng

[4] *Prinsip 5 (Tadbir Urus), The Core Principles for Effective Deposit Insurance Systems, Disemak semula pada tahun 2014*

Lembaga Pengarah PIDM terdiri daripada 44% wanita dan 56% lelaki yang memiliki kepelbagaian kemahiran dan pengalaman yang diperlukan oleh PIDM. Ini termasuk kepakaran dalam bidang perundangan, perakaunan, kewangan korporat, penggabungan dan pengambilalihan, intervensi dan insolvensi, insurans dan takaful, serta tadbir urus korporat. Ahli Lembaga Pengarah secara amnya, dilantik bagi tempoh dua penggal iaitu tiga tahun untuk setiap penggal. Persaraan ahli Lembaga Pengarah adalah secara berperingkat.

Bagi tahun 2019, kehadiran adalah seperti berikut:

Ahli	Kehadiran mesyuarat			
	Lembaga Pengarah	Jawatankuasa Audit	Jawatankuasa Tadbir Urus	Jawatankuasa Ganjaran
Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff	5/5	–	2/2	–
Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus	4/5	–	–	–
Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir	5/5	–	–	–
Tan Sri Dr. Ismail Haji Bakar[5]	1/5	–	–	–
Datuk Saat Esa[6]	3/4	2/2	–	–
Datuk Dr. Yacob Mustafa[7]	1/1	–	–	–
Encik Alex Foong Soo Hah	4/5	5/5	–	2/2
Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood	4/5	–	2/2	–
Dato' Dr. Gan Wee Beng	4/5	5/5	–	2/2
Puan Gloria Goh Ewe Gim	5/5	5/5	1/2	–

Ahli Lembaga Pengarah telah menghadiri 17 sesi latihan dan pendidikan pada tahun 2019.

STRATEGI, RISIKO DAN TADBIR URUS

Tadbir urus

Pada tahun 2019, Lembaga Pengarah telah mematuhi standard yang ditetapkan dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah.

Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah PIDM adalah dokumen rujukan utama PIDM yang berdasarkan kepada amalan terbaik. Ia menggariskan standard tadbir urus korporat yang perlu dipatuhi oleh ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan dari segi tanggungjawab tadbir urus utama. Laporan prestasi terhadap standard ini dikeluarkan setiap tahun dan boleh diperolehi dalam Penyataan Tadbir Urus di www.pidm.gov.my.

Budaya beretika

Budaya, nilai dan etika adalah penting bagi menjamin prestasi PIDM dalam memenuhi mandat berkanunnya.

Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan berperanan dalam mencorak asas amalan etika yang kukuh dalam PIDM. Ahli Lembaga Pengarah dan semua kakitangan adalah tertakluk kepada kod tatalaku dan kod konflik kepentingan serta perlu membuat deklarasi pematuhan tahunan. Kakitangan diberi latihan mengenai kod-kod berkenaan dan juga diuji untuk menilai tahap pemahaman mereka setiap tahun. Lembaga Pengarah menerima laporan pematuhan dan laporan pendedahan maklumat daripada pengurusan kanan melalui Jawatankuasa Audit.

[5] *Tan Sri Dr. Ismail Haji Bakar – dilantik pada 18 Februari 2019 dan bersara pada 19 Januari 2019*
[6] *Datuk Saat Esa – dilantik pada 18 Februari 2019 dan bersara pada 30 Oktober 2019*
[7] *Datuk Dr. Yacob Mustafa – dilantik pada 1 November 2019*

Pengurusan risiko dan kawalan dalaman

Lembaga Pengarah memastikan terdapat kawalan yang efektif untuk mengenal pasti dan mengurus risiko-risiko utama serta memantau secara efektif pengurusan strategik.

Kawalan dalaman PIDM termasuk kod etika, keperluan deklarasi konflik kepentingan dan aset, serta polisi pendedahan maklumat. Kawalan ini diaplikasikan dalam semua aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan sistem-sistem yang ditadbir PIDM.

Lembaga Pengarah memastikan bahawa risiko-risiko utama difahami dengan jelas dan juga memastikan risiko-risiko tersebut diurus dengan sewajarnya. Risiko yang didepani oleh PIDM dibincangkan dengan meluas melalui bengkel pengurusan risiko organisasi dengan kakitangan PIDM. Selain itu, usaha untuk meningkatkan budaya kesedaran risiko dilakukan secara berterusan dan penilaian dijalankan secara berkala bagi menilai tahap kematangan budaya risiko dalam PIDM. Laporan Risiko tahunan yang disediakan oleh Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi mengandungi butiran penilaian risiko tahunan dan pelan tindakan, dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah. Pengurusan risiko dikukuhkan dengan keperluan analisis risiko yang menyeluruh bagi semua cadangan strategik dan juga mengambil kira maklum balas pemegang kepentingan sekiranya perlu.

Ketua Juruaudit Dalaman dan Ketua Pegawai Risiko melapor kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit. Fungsi audit dalaman yang bebas berperanan memberikan jaminan yang berpatutan bahawa sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko adalah efektif. Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman PIDM boleh didapati di www.pidm.gov.my.

Proses pengurusan risiko dan kawalan dalaman menyokong penetapan serta pencapaian sasaran strategik kami. Tinjauan tahunan untuk mengenal pasti risiko dan peluang diintegrasikan dalam proses perancangan strategik kami.

Perumusan strategi

Pihak pengurusan kanan akan membincangkan dan mencadangkan hala tuju strategik PIDM kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan selepas menjalankan tinjauan persekitaran dan mengambil kira pemegang kepentingan, risiko dan peluang serta perkara-perkara material. Lembaga Pengarah mempertimbangkan risiko dan peluang utama apabila menetapkan hala tuju strategik PIDM setiap tahun. Rujuk Bahagian Risiko untuk risiko-risiko utama.

Pada tahun 2019, Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit, memberikan pertimbangan yang sewajarnya terhadap perkara-perkara material dan keutamaan PIDM.

Pada tahun 2019, Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit, telah memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada perkara-perkara material. Rujuk Bahagian Perkara-Perkara Material.

Memantau pelaksanaan

Ketua Pegawai Eksekutif diamanahkan untuk memimpin pihak pengurusan dan memastikan inisiatif-inisiatif utama yang digariskan dalam rancangan korporat dicapai. Petunjuk prestasi utama rancangan korporat diturunkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan kemudiannya kepada kakitangan. Ganjaran bonus bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan kakitangan sekiranya ada, adalah berdasarkan kepada pencapaian inisiatif-inisiatif tersebut. Ketua Pegawai Eksekutif diharapkan untuk mentadbir PIDM sejajar dengan nilai korporat dan budaya PIDM. Lembaga Pengarah memantau kemajuan rancangan korporat ini secara berkala.

Pada tahun 2019, Lembaga Pengarah terus memberi penekanan terhadap kepentingan penglibatan pemegang kepentingan, terutamanya keutamaan strategik Rejim Resolusi Efektif.

Audit Luaran

Penyata kewangan PIDM diaudit oleh Ketua Audit Negara mengikut Akta Audit 1957. Wakil daripada Jabatan Audit Negara dijemput hadir ke semua mesyuarat Jawatankuasa Audit dan semua dokumen berkaitan dikemukakan kepada mereka sebelum mesyuarat Jawatankuasa Audit diadakan.

MODAL

Modal insan

Lembaga Pengarah menitikberatkan kepentingan kakitangan PIDM. Ia memastikan bahawa strategi modal insan bukan sahaja memenuhi keperluan jangka pendek PIDM, tetapi juga selaras dengan objektif korporat dalam memastikan kesinambungan jangka panjang organisasi. Jawatankuasa Ganjaran menyokong pemantauan Lembaga Pengarah dalam mengkaji semula falsafah, struktur dan insentif ganjaran PIDM serta memantau keadaan modal insan PIDM.

Lembaga Pengarah telah meluluskan organisasi pembelajaran pada tahun 2014 di mana PIDM perlu mewujudkan proses dan amalan yang menggalakkan kakitangan untuk mengamalkan budaya pembangunan diri secara berterusan. Ini bagi membolehkan PIDM memiliki kecekapan dalam menghadapi perubahan persekitaran operasi dan cabaran-cabaran baharu. Inisiatif organisasi pembelajaran ini juga menggalakkan pembangunan modal intelektual.

Modal sosial dan penglibatan pemegang kepentingan untuk membuat keputusan yang efektif

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa penglibatan pemegang kepentingan amat penting dalam mencapai objektif PIDM. Di mana perlu, beberapa proses telah diguna pakai untuk memastikan pertimbangan sewajarnya diberikan terhadap pandangan pemegang kepentingan. Sebagai contoh, sebelum mengetengahkan sesuatu cadangan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan, pihak pengurusan kanan terlebih dahulu merujuk kepada pemegang kepentingan berhubung dengan cadangan yang mungkin memberi impak kepada mereka. Sebelum sesuatu peraturan dikeluarkan, draf rundingan mengenainya diluluskan oleh Lembaga Pengarah terlebih dahulu.

PENDEKATAN TADBIR URUS DAN AKAUNTABILITI

Sejak penubuhan PIDM, Lembaga Pengarah memberi fokus bagi memastikan kepatuhan terhadap standard tadbir urus yang tinggi dan memastikan pemantauan berterusan terhadap sebarang perkembangan dalam tadbir urus korporat. Selain membina modal sosial dan modal intelektual, fokus PIDM untuk mengguna pakai amalan tadbir urus terbaik akan memberikan manfaat yang besar kepada PIDM ketika berlakunya intervensi dan resolusi kegagalan.

Lembaga Pengarah juga meluluskan semua pendedahan yang terkandung dalam laporan tahunan kami. Ketelusan mengenai kemajuan keutamaan strategik PIDM membolehkan pemegang kepentingan membuat penilaian berdasarkan prestasi serta keupayaan PIDM dalam memenuhi tanggungjawab berkanunnya.

PIDM menerbitkan amalan tadbir urusnya untuk makluman pemegang kepentingan.
Penyataan Tadbir Urus boleh didapati di www.pidm.gov.my.

PENGATURAN TADBIR URUS SYARIAH

PIDM tertakluk kepada keperluan Syariah dalam melaksanakan peranannya dan menjalankan tanggungjawabnya berhubung Sistem Insurans Deposit Islam dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful. PIDM juga bertanggungjawab untuk melaksanakan intervensi dan resolusi kegagalan yang segera bagi institusi ahli Islam. Untuk memastikan pematuhan terhadap keperluan Syariah ketika mengurus dan mengendalikan sistem-sistem berkenaan, PIDM berpandukan kepada keputusan Majlis Penasihat Syariah (MPS) BNM. Pengaturan tadbir urus Syariah ini dijelaskan dalam gambarajah seterusnya.

28 TADBIR URUS



Rangka kerja tadbir urus Syariah PIDM merangkumi pengaturan dan proses untuk menyokong persekitaran dalaman yang mantap bagi memastikan pematuhan Syariah. PIDM akan merujuk kepada MPS bagi mendapatkan keputusan Syariah dan juga akan merujuk kepada pakar-pakar Syariah dari luar sekiranya diperlukan.

LEMBAGA PENGARAH – AHLI DAN PROFIL

TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF
Pengerusi

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Januari 2012
Dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah: Ogos 2017

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah
- Pengerusi Lembaga Pengarah PIDM
- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus

Kelayakan
- Ijazah Doktor Falsafah, Australian National University, Australia
- Ijazah Sarjana Ekonomi, Western Michigan University, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Ekonomi) (Kepujian), Universiti Sains Malaysia, Malaysia

Bidang Kemahiran
- Ekonomi

Lantikan Semasa
- Pengerusi, Lembaga Gabenor, Universiti Multimedia, Malaysia
- Ahli, Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera

Keanggotaan Lembaga Pengarah
- Pengerusi Lembaga Pengarah, Malaysia Nuclear Power Corporation
- Pengerusi Bersama, Malaysia-Thailand Joint Authority
- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, Bank Pembangunan Malaysia Berhad
- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, Ekuiti Nasional Berhad
- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, IOI Corporation Berhad

Pengalaman
- Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi
- Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, yang bertanggungjawab bagi Bahagian Sistem dan Kawalan

DATUK NOR SHAMSIAH MOHD YUNUS
Pengarah *Ex Officio*

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Julai 2018

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah
- Tiada

Kelayakan
- Ijazah Sarjana Muda Sastera Perakaunan, University of South Australia, Australia

Keahlian Profesional
- CPA Australia
- Institut Akauntan Malaysia

Bidang Kemahiran
- Kewangan dan perakaunan, pengawalseliaan perbankan dan perkhidmatan kewangan, pengurusan krisis, insurans, pengurusan sumber manusia

Lantikan Semasa
- Gabenor Bank Negara Malaysia

Keanggotaan Lembaga Pengarah
- Pengerusi, South East Asian Central Banks (SEACEN)
- Pengerusi, International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)

Pengalaman
- Penolong Pengarah, Bahagian Monetari dan Pasaran Modal, Tabung Kewangan Antarabangsa
- Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia

Profil terperinci ahli Lembaga Pengarah kami boleh didapati di www.pidm.gov.my.

LEMBAGA PENGARAH – AHLI DAN PROFIL

TAN SRI AHMAD BADRI MOHD ZAHIR
Pengarah *Ex Officio*

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: September 2018

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah
- Tiada

Kelayakan
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, University of Hull, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Tanah dan Hartanah, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
- Diploma Pentadbiran Awam, Institut Tadbiran Awam Negara, Malaysia

Bidang Kemahiran
- Ekonomi, kewangan

Lantikan Semasa
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
- Ahli, Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat
- Ahli, Panel Pelaburan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

Keanggotaan Lembaga Pengarah
- Pengerusi, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
- Pengerusi, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
- Pengerusi, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
- Pengerusi, Cyberview Sdn. Bhd.
- Pengarah, Bank Negara Malaysia
- Pengarah, Danalnfra Nasional Berhad
- Pengarah, Permodalan Nasional Berhad
- Pengarah, Lembaga Tabung Haji
- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, Tenaga Nasional Berhad
- Pengarah, Malaysian Development Holdings Sdn. Bhd.

Pengalaman
- Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
- Pengarah, Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan

DATUK DR. YACOB MUSTAFA
Pengarah Sektor Awam

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: November 2019

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah
- Ahli Jawatankuasa Audit (berkuatkuasa pada 1 Januari 2020)

Kelayakan
- Ijazah Doktor Falsafah dalam Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Malaya, Malaysia

Keahlian Profesional
- CPA Australia
- The Chartered Institute of Public Finance and Accountancy, United Kingdom
- Institut Akauntan Malaysia

Bidang Kemahiran
- Ekonomi, perakaunan

Lantikan Semasa
- Akauntan Negara Malaysia

Keanggotaan Lembaga Pengarah
- Pengarah, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
- Pengarah, Danalnfra Nasional Berhad
- Pengarah, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
- Pengarah, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Pengalaman
- Timbalan Akauntan Negara Malaysia, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Profil terperinci ahli Lembaga Pengarah kami boleh didapati di www.pidm.gov.my.

LEMBAGA PENGARAH – AHLI DAN PROFIL

ENCIK ALEX FOONG SOO HAH

Pengarah Sektor Swasta

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Ogos 2011

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah
- Pengerusi Jawatankuasa Ganjaran
- Ahli Jawatankuasa Audit

Kelayakan
- Ijazah Sarjana Sains Aktuari, Northeastern University, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Matematik, Universiti Malaya, Malaysia

Keahlian Profesional
- Felo, Persatuan Aktuari, Amerika Syarikat
- Perancang Kewangan Berdaftar, Majlis Perancangan Kewangan Malaysia

Bidang Kemahiran
- Insurans, sains aktuari, pengurusan sumber manusia, pengurusan risiko, pengawalseliaan perbankan dan perkhidmatan kewangan, kewangan dan perakaunan

Keanggotaan Lembaga Pengarah
- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, MRCB Quill Management Sdn. Bhd.
- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, Aviva Ltd. Singapore
- Pengarah Bukan Kepentingan Awam, Private Pension Administrator Malaysia

Pengalaman
- Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif, Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad
- Ketua Pegawai Eksekutif, British American Life Insurance Berhad (kini dikenali sebagai Manulife Insurance Berhad)
- Presiden, Life Insurance Association Malaysia
- Presiden, Persatuan Aktuari Malaysia

DATO DR. NIK RAMLAH MAHMOOD

Pengarah Sektor Swasta

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Ogos 2016

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah
- Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus

Kelayakan
- Ijazah Doktor Falsafah, University of London, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Undang-Undang, University of London, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian Kelas Pertama), Universiti Malaya, Malaysia

Bidang Kemahiran
- Perundangan, pengawalseliaan pasaran modal dan perkhidmatan kewangan, tadbir urus korporat

Keanggotaan Lembaga Pengarah
- Pengarah, Securities Industry Development Corporation
- Pengarah, Institute Capital Market Research
- Pengarah, International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)
- Pengarah, Permodalan Nasional Berhad
- Pengarah, Amanah Saham Nasional Berhad
- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, Axiata Group Berhad
- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, United Malacca Berhad

Pengalaman
- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Profesor Madya, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, Malaysia

Profil terperinci ahli Lembaga Pengarah kami boleh didapati di www.pidm.gov.my.

LEMBAGA PENGARAH – AHLI DAN PROFIL

DATO' DR. GAN WEE BENG
Pengarah Sektor Swasta

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Ogos 2016

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah
- Ahli Jawatankuasa Ganjaran
- Ahli Jawatankuasa Audit

Kelayakan
- Ijazah Doktor Falsafah dalam Ekonomi, Wharton School, University of Pennsylvania, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Ekonomi, Universiti Malaya, Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya, Malaysia

Bidang Kemahiran
- Ekonomi, pengurusan risiko, perbankan komersial

Lantikan Semasa
- Ahli, Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia

Pengalaman
- Penasihat, Kumpulan CIMB
- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan CIMB
- Pengarah Eksekutif, CIMB Bank
- Penasihat Kanan, Jabatan Ekonomi, Monetary Authority of Singapore
- Perunding Bank Dunia, Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan Bank Negara Malaysia
- Pengerusi, KWEST Sdn Bhd
- Pengarah, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)

PUAN GLORIA GOH EWE GIM
Pengarah Sektor Swasta

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Februari 2017

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah
- Pengerusi Jawatankuasa Audit
- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus

Kelayakan
- Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Kepujian), University of Melbourne, Australia

Keahlian Profesional
- Felo, CPA Australia
- Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
- Institut Akauntan Malaysian

Bidang Kemahiran
- Audit, kewangan dan perakaunan, pengurusan risiko, ekonomi, perkhidmatan kewangan termasuk perbankan komersial, insurans nyawa dan am

Lantikan Semasa
- Ahli, Lembaga Penasihat, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, University of Melbourne, Australia

Keanggotaan Lembaga Pengarah
- Tiada

Pengalaman
- Rakan Kongsi, Ernst & Young, Malaysia
- Ahli Majlis, Institut Akauntan Malaysia
- Ahli Majlis, ASEAN Federation of Accountants
- Presiden, Information System Audit and Control Association, Malaysia

Profil terperinci ahli Lembaga Pengarah kami boleh didapati di www.pidm.gov.my.

LEMBAGA PENGARAH – AHLI DAN PROFIL

TAN SRI DR. ISMAIL HAJI BAKAR
Pengarah Sektor Awam

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Februari 2019*

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah
- Tiada

Kelayakan
- Ijazah Doktor Falsafah, University of Hull, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, University of Hull, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian dalam Ekonomi Gunaan, Universiti Malaya, Malaysia

Bidang Kemahiran
- Ekonomi

Lantikan Semasa
- Tiada

Keanggotaan Lembaga Pengarah
- Tiada

Pengalaman
- Ketua Setiausaha Negara Malaysia
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
- Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
- Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan
- Pengarah Belanjawan Negara, Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan
- Pengarah, Unit Strategi Nasional, Kementerian Kewangan
- Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pertahanan
- Pengarah Eksekutif (Kumpulan SEA), Bank Dunia

* Bersara pada Januari 2020

DATUK SAAT ESA
Pengarah Sektor Awam

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Februari 2019*

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah
- Ahli Jawatankuasa Audit

Kelayakan
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Putra Malaysia
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Aix-Marseille University, Perancis
- Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam Perakaunan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Keahlian Profesional
- Institut Akauntan Malaysia

Bidang Kemahiran
- Perakaunan

Lantikan Semasa
- Tiada

Keanggotaan Lembaga Pengarah
- Tiada

Pengalaman
- Akauntan Negara Malaysia

* Bersara pada Oktober 2019

Profil terperinci ahli Lembaga Pengarah kami boleh didapati di www.pidm.gov.my.

JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif PIDM melaksanakan strategi, memacu prestasi dan sinergi organisasi. Mereka juga menyokong Lembaga Pengarah dalam memenuhi tanggungjawab tadbir urusnya.



1 **Rafiz Azuan Abdullah**
Ketua Pegawai Eksekutif

2 **Lim Yam Poh**
Ketua Pegawai Operasi dan Kaunsel Am

5 **Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Lotfi**
Ketua Pegawai Kewangan
dan Pengurus Besar,
Kewangan dan Pentadbiran

6 **Jazimin Izzat Wan Zoolkifli**
Ketua Audit Dalaman
dan Pengurus Besar,
Audit dan Perkhidmatan Perundingan

9 **Helena Prema John**
Pengurus Besar, Sumber Manusia

10 **Lim Kong Kuan**
Pengurus Besar,
Keahlian dan Pembayaran Balik

Profil terperinci ahli Lembaga Pengarah kami boleh didapati di www.pidm.gov.my.

3 Lee Yee Ming
Pengurus Besar Kanan,
Penilaian Risiko dan Resolusi

4 Lim Lee Na
Setiausaha Korporat

7 Zufar Suleiman Abu Bakar
Ketua Pegawai Risiko
dan Pengurus Besar,
Pengurusan Risiko Organisasi

8 Afiza Abdullah
Pengurus Besar,
Polisi dan Antarabangsa

11 Lim Tai Ching
Pengurus Besar, Perundangan

12 Yogendra Thavakumar
Pengurus Besar,
Komunikasi dan Hal Ehwal Awam

RISIKO

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI PIDM

Sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang mantap merupakan sebahagian daripada amalan tadbir urus korporat yang baik dan ianya penting bagi mencapai mandat dan objektif PIDM. Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan PIDM bertanggungjawab untuk memastikan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi diterapkan dalam budaya, proses dan struktur PIDM.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi PIDM menerima pakai pendekatan teratur dan bersepadu dalam pengurusan risiko penting. Ia melibatkan pengenalpastian dan penilaian risiko yang boleh memberi kesan terhadap pencapaian objektif PIDM, perumusan pelan tindakan serta pemantauan dan pelaporan risiko-risiko tersebut secara berterusan.



Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi

RISIKO UTAMA KAMI

MODAL INSAN – Risiko Kakitangan

Urusan dan operasi PIDM di Malaysia adalah unik. Keutamaan strategik PIDM adalah untuk memastikan inisiatif perancangan resolusi bagi semua institusi ahli, tanpa mengira kecil atau besar, berada di tahap kesediaan terbaik. Disebabkan itu, tenaga kerja dengan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan tidak mudah ditemui di pasaran kerja Malaysia. Risiko utama termasuk:

- demografi semasa (umur dan tempoh perkhidmatan) kakitangan;
- peluang terhad untuk peningkatan dalam kerjaya dan penyusutan tenaga kerja utama; dan
- kesukaran untuk memenuhi aspirasi kerjaya kakitangan dengan peluang yang ada dalam PIDM.

Oleh itu, terdapat keperluan untuk:

- kakitangan mempertingkatkan kecekapan dan keupayaan sedia ada serta menyesuaikan diri dengan keadaan yang berubah;
- mempertimbangkan cara untuk mengekalkan tenaga kerja dengan mengenal pasti peluang kerjaya dalam kekangan semasa; dan
- pemindahan pengetahuan dan penglibatan berterusan.

Langkah pengurangan risiko

- Pembangunan berterusan untuk kakitangan
- Pembangunan kepimpinan dan barisan pelapis, khususnya untuk penglibatan, peningkatan kemahiran, dan pengekalan tenaga kerja
- Latihan dan simulasi dalam bidang-bidang kepakaran secara berkala, contohnya, perancangan resolusi
- Melaksanakan *tacit knowledge management plan*

Penarafan risiko: ●

ANCAMAN SIBER DAN KELEMAHAN – Risiko Operasi

Insiden pencerobohan siber dan kebocoran maklumat yang semakin meningkat mungkin menjadi ancaman. Pada tahun 2019, PIDM mula menghos laman webnya sendiri dan melancarkan portal industri untuk institusi ahli. Perubahan-perubahan ini akan mendedahkan PIDM terhadap ancaman-ancaman.

Langkah pengurangan risiko

- Langkah kawalan untuk mengurangkan kemungkinan pencerobohan siber termasuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan kakitangan
- Meneruskan kewaspadaan terhadap kemungkinan ancaman
- Penilaian keselamatan siber

Penarafan risiko: ●

KESEDIAAN UNTUK MELAKSANAKAN MANDAT – Risiko Insurans

PIDM perlu sentiasa bersedia untuk bertindak segera semasa berlakunya intervensi dan resolusi kegagalan. Oleh itu, PIDM memerlukan instrumen perundangan yang bersesuaian. PIDM juga perlu mewujudkan protokol dan pengaturan dengan anggota jaringan keselamatan kewangan lain, termasuk akses yang segera kepada pendanaan kecairan.

Langkah pengurangan risiko

- Meneruskan latihan simulasi secara berkala untuk menguji dan menambah baik sistem, infrastuktur, proses dan kakitangan kami
- Meneruskan usaha menyediakan pengaturan, protokol dan proses untuk memastikan akses kepada dana daripada sumber luaran dengan segera dan tepat pada masa, jika perlu

Penarafan risiko: ●

KEROSAKAN IMEJ DAN REPUTASI
– Risiko Reputasi

Penarafan risiko: ●

Kewibawaan PIDM sebagai badan berkanun memerlukan kepercayaan dan keyakinan daripada pelbagai pemegang kepentingan, khususnya ketika berlakunya intervensi dan resolusi kegagalan. Selain itu, sokongan daripada pemegang kepentingan utama adalah penting bagi PIDM.

Langkah pengurangan risiko

- Meneruskan langkah-langkah membina kepercayaan dan keyakinan jangka panjang menerusi pelbagai inisiatif
- Melaksanakan inisiatif untuk meningkatkan kefahaman pemegang kepentingan utama tentang nilai-nilai PIDM dalam mengekalkan kestabilan sistem kewangan
- Terus memastikan kesediaan untuk sebarang krisis komunikasi dan menjalankan simulasi secara berkala untuk mempertingkatkan kesediaan kami

Definisi Penarafan Risiko

● **Boleh diterima**
Keseluruhannya, risiko residual boleh diterima dan amalan pengurusan risiko yang sewajarnya telah dilaksanakan.

● **Boleh diurus**
Keseluruhannya, risiko residual mewajarkan pelan tindakan risiko sebagai mitigasi dan tindakan yang sesuai dan tepat pada masa perlu dilaksanakan untuk menangani risiko tersebut.

● **Peringatan**
Keseluruhannya, risiko residual mewajarkan pemantauan rapat, dan / atau inisiatif yang telah dikenal pasti sebelumnya untuk mengukuhkan pengurusan risiko yang masih belum dilaksanakan sepenuhnya, walaupun tindakan yang sesuai dan tepat pada masa telah diambil untuk berbuat demikian.

● **Kebimbangan serius**
Keseluruhannya, risiko residual tidak boleh diterima, dan jurang ketara mungkin wujud dalam amalan dan kawalan pengurusan risiko.

PERKARA-PERKARA MATERIAL

PERKARA-PERKARA MATERIAL

PIDM mengenal pasti dan memberi keutamaan terhadap perkara-perkara material atau hal-hal yang boleh, atau berkemungkinan menjejaskan strategi, model pengurusan atau satu atau lebih daripada modal-modal (iaitu modal insan, modal sosial dan perhubungan, modal kewangan, modal intelektual, dan modal pembangunan) dalam jangka masa pendek, sederhana atau panjang. Perkara-perkara ini juga dibincangkan secara berterusan di peringkat Lembaga Pengarah.

MANDAT DAN BATASAN KAMI

Mandat dan objektif berkanun kami	• Melindungi pendeposit, benefisiari takaful dan pemegang polisi daripada kegagalan institusi ahli • Mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans • Menyediakan insentif untuk pengurusan risiko yang wajar • Menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan
Pengenalan kepada Akta PIDM	*"Bahawasanya kestabilan sistem kewangan ialah penentu utama pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran Malaysia:* *Bahawasanya sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans melindungi pengguna kewangan… sekiranya berlaku kegagalan sesebuah institusi ahli dan PIDM hendaklah menjalankan fungsi yang dimandatkan dengan* ***cepat dan berkesan****; … dan menggalakkan pengurusan risiko yang wajar dalam sistem kewangan dan mengukuhkan perlindungan pengguna kewangan"*
Pemacu nilai	• Mandat perundangan yang jelas dan kuasa yang meluas • Tadbir urus korporat (akauntabiliti) • Tenaga kerja (kecekapan dan ketangkasan) • Penglibatan pemegang kepentingan
Batasan laporan	Seperti yang digariskan di bawah Akta PIDM, institusi perantara dan syarikat pengurusan aset telah ditubuhkan oleh PIDM untuk tujuan kesediaan operasi tidak akan beroperasi melainkan terdapat situasi intervensi dan resolusi kegagalan. Rujuk Penyata Kewangan 🔗 mengenai amalan pelaporan kewangan kami berkenaan dengan subsidiari ini.

MENENTUKAN KEPENTINGAN

Perkara-perkara material dipertimbangkan dari perspektif pemacu nilai, kepentingan pemegang kepentingan, faktor luaran dan dalaman, prestasi semasa, dan keupayaan PIDM untuk mewujudkan nilai jangka pendek hingga panjang. Pada tahun 2019, senarai perkara-perkara material dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Audit sebelum ianya dibentangkan kepada Lembaga Pengarah. Senarai ini termasuk perkara-perkara yang paling berkemungkinan untuk memberi impak kepada kejayaan dan kemampanan PIDM dan adalah perkara yang dibincangkan secara berterusan oleh Lembaga Pengarah. Seperti yang dijelaskan di bawah, perkara-perkara material ini termasuk kerisauan yang berkaitan dengan beberapa risiko yang diterangkan dalam Bahagian Risiko. Perkara-perkara material ini dibincangkan mengikut urutan keutamaan, dengan mengambil kira kesannya ke atas keupayaan PIDM untuk melaksanakan fungsi berkanun atau kemungkinan berlakunya kejadian.

Menyempurnakan ujian terhadap rancangan luar jangka termasuk pendanaan kecairan untuk kesediaan operasi

Bagi PIDM untuk melaksanakan fungsinya secara efektif, keyakinan terhadap pelan luar jangkanya perlu ada supaya ia dapat melindungi konsumer kewangan yang relevan dengan segera, dan melaksanakan intervensi atau membubarkan institusi ahli sekiranya perlu. Selain daripada sistem dan proses, kami percaya bahawa PIDM harus menguji aspek-aspek rancangan pengurusan krisis untuk intervensi dan resolusi kegagalan yang selebihnya pada masa hadapan, termasuk pendanaan kecairan dan pengurusan komunikasi semasa krisis.

Keutamaan Strategik	Peluang	Risiko	Kesan terhadap: Pemegang kepentingan, Pemacu nilai atau Modal (sebagaimana berkenaan)
Rejim Resolusi Efektif – Kesediaan operasi Strategi: Memastikan protokol dan pengaturan diwujudkan dalam kalangan anggota jaringan keselamatan kewangan sebagai sebahagian daripada pelan luar jangka untuk intervensi dan resolusi kegagalan.	Bekerjasama rapat dengan anggota jaringan keselamatan kewangan yang lain ketika PIDM beroperasi seperti biasa bagi mewujudkan dan menguji kesediaan krisis, termasuk pendanaan kecairan dan protokol komunikasi untuk intervensi dan resolusi kegagalan yang efektif yang akan menyokong pengurangan risiko, pengurangan impak, dan menggalakkan sistem kewangan yang stabil.	Kegagalan untuk mencapai tahap kesediaan yang tinggi akan memberi kesan kepada keberkesanan dan kecekapan dalam intervensi dan resolusi kegagalan institusi ahli.	**Pemegang kepentingan yang terlibat** • Kerajaan • BNM • Orang awam • Rakan kongsi strategik **Modal** • Modal kewangan • Modal sosial dan perhubungan • Modal insan

Perancangan resolusi untuk semua institusi ahli

Pada tahun 2019, kami telah memulakan program rintis untuk perancangan resolusi, selepas bank perintis menyempurnakan pelan pemulihan mereka. Perkara-perkara material termasuk keperluan untuk bekerjasama dengan pemegang kepentingan supaya PIDM boleh memperoleh maklumat yang diperlukan untuk menyediakan pelan resolusi. Program rintis dengan bank perintis juga dijalankan supaya PIDM dapat memperhalusi keperluan perancangan resolusinya sebelum pelancaran kepada industri. Keputusan dasar akan dibuat untuk mencapai beberapa elemen penting bagi rejim resolusi efektif.[1]

Keutamaan Strategik	Peluang	Risiko	Kesan terhadap: Pemegang kepentingan, Pemacu nilai atau Modal (sebagaimana berkenaan)
Rejim Resolusi Efektif – Perancangan resolusi Strategi: Pendidikan awal dan kerjasama daripada pemegang kepentingan yang relevan.	Inisiatif perancangan resolusi akan membantu pihak berkuasa resolusi untuk: • mendapatkan maklumat yang relevan dan tepat pada masanya untuk intervensi dan resolusi kegagalan yang lebih efektif, mengurangkan kos kepada sistem kewangan; dan • mewujudkan penyelarasan dan kerjasama bagi entiti yang mempunyai hubung kait rentas sempadan. Ia juga akan membantu: • anggota jaringan keselamatan kewangan untuk merancang dan menangani kegagalan institusi ahli dengan lebih baik, khususnya institusi yang mungkin boleh menyebabkan kesan sistemik; dan • menyediakan opsyen yang lebih baik kepada mereka untuk menangani kegagalan dalam sistem kewangan secara keseluruhan.	Tidak mendapat kerjasama daripada pihak industri dan pemegang kepentingan lain untuk mengemukakan maklumat bagi perancangan resolusi. Kekurangan kejelasan mengenai peranan anggota jaringan keselamatan kewangan lain yang boleh menyebabkan intervensi yang tidak teratur, ketidakmampuan untuk membuat keputusan yang wajar dan tepat pada masa, serta menjejaskan reputasi. Pindaan perundangan yang tidak menyokong ciri-ciri utama untuk rejim resolusi yang efektif. Kekurangan penyelarasan dan kerjasama resolusi rentas sempadan boleh mendorong kepada respons yang tidak teratur dalam menangani kegagalan dan peningkatkan kos kepada sistem kewangan.	**Pemegang kepentingan yang terlibat** • Parlimen • Kerajaan • BNM • Industri • Pendeposit, benefisiari takaful dan pemilik polisi insurans • Kakitangan • Pemegang saham dan pemiutang institusi ahli • Rakan sejawat asing dengan institusi kewangan yang berkaitan dengan institusi ahli domestik **Modal** • Modal insan • Modal intelektual • Modal kewangan • Modal sosial dan perhubungan • Modal pembangunan **Pemacu nilai** Keperluan untuk menggubal semula perundangan bagi menyokong keputusan dasar rejim resolusi efektif

[1] *'Key Attributes of Effective Resolution Regimes for Financial Institutions', yang diterbitkan oleh Financial Stability Board boleh didapati di https://www.fsb.org/wp-content/uploads/r_111104cc.pdf*

Memastikan kakitangan kekal terlibat dengan menyediakan persekitaran kerja yang kondusif dan peluang untuk pembangunan dan pembelajaran

Struktur organisasi PIDM yang unik serta kelayakan dan demografi kakitangan menjadikannya lebih sukar untuk mengekalkan penglibatan kakitangan di tahap yang baik dalam jangka masa panjang. Pada masa yang sama, PIDM mementingkan latihan dan pembangunan kakitangan dalam bidang insurans deposit dan sistem perlindungan konsumer kewangan yang unik, serta perlu berusaha untuk mengekalkan tenaga kerja yang ada.

Keutamaan Strategik	Peluang	Risiko	Kesan terhadap: Pemegang kepentingan, Pemacu nilai atau Modal (sebagaimana berkenaan)
Pengurusan modal insan Strategi: Persekitaran kerja yang selesa untuk penglibatan kakitangan yang mampan dan mengekalkan tenaga kerja utama.	–	Susutan dan kehilangan tenaga kerja yang telah dibangunkan mungkin akan menjejaskan kejayaan PIDM.	**Modal** • Modal insan • Modal kewangan

Tadbir urus, khususnya, perancangan strategik dan pengurusan berhemat

Keutamaan Strategik	Peluang	Risiko	Kesan terhadap: Pemegang kepentingan, Pemacu nilai atau Modal (sebagaimana berkenaan)
Tadbir urus korporat (akauntabiliti dan pengurusan strategik) dan amalan pengurusan berhemat	**Mengamalkan amalan pengurusan berhemat** • Pengurusan data dan pengetahuan yang teratur. **Perancangan strategik** • Peluang lain untuk pewujudan nilai termasuk bekerjasama dengan yang pihak lain.	Kegagalan untuk mengenal pasti perubahan dalam persekitaran operasi yang mungkin boleh memberi impak kepada mandat, model pengurusan atau cara kami melaksanakan mandat kami, akan menjejaskan keberkesanan PIDM. Kegagalan untuk memenuhi keperluan pemegang kepentingan boleh menghalang kecekapan dan keberkesanan pencapaian objektif PIDM.	**Modal** • Modal insan • Modal sosial dan perhubungan • Modal intelektual • Modal kewangan • Modal pembangunan (sistem teknologi maklumat)

Kepercayaan dan keyakinan terhadap PIDM

Kesedaran dan kepercayaan orang awam terhadap institusi-institusi amat kritikal khususnya dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu. Kegagalan bank Northern Rock di United Kingdom pada tahun 2007 ekoran kejadian *bank run* oleh pendeposit, adalah secara amnya, disebabkan oleh kekurangan kesedaran terhadap insurans deposit dan rasa kurang yakin walaupun terdapatnya perlindungan.[2] Matlamat PIDM adalah untuk beralih daripada 'kesedaran awam' kepada 'kepercayaan dan keyakinan' terhadap PIDM, yang mana ia lebih mampan untuk tempoh jangka panjang.

Keutamaan Strategik	Peluang	Risiko	Kesan terhadap: Pemegang kepentingan, Pemacu nilai atau Modal (sebagaimana berkenaan)
Penglibatan pemegang kepentingan Strategi: Membina kepercayaan dan keyakinan konsumer kewangan dan pemegang kepentingan utama dalam sistem kewangan dan PIDM, melalui inisiatif membina reputasi kami.	Menggunakan saluran media lain (selain media tradisional) untuk mengekalkan kesedaran awam tentang PIDM, contohnya melalui media sosial. Membangunkan bahan kandungan berkenaan literasi kewangan untuk menyampaikan mesej-mesej yang berkesan dan relevan secara berterusan kepada orang awam, dan secara tidak langsung meningkatkan kesedaran dan kepercayaan awam terhadap PIDM. Meneruskan usaha menggalakkan amalan terbaik dalam tadbir urus sektor awam.	Konsumer kewangan yang kurang kesedaran dan pengetahuan tentang PIDM akan lebih mudah terpengaruh dengan penipuan atau maklumat yang salah, atau mempunyai anggapan yang salah mengenai PIDM. Kurangnya kepercayaan dan keyakinan terhadap PIDM akan mendorong kepada keadaan panik sebelum atau semasa intervensi dan resolusi kegagalan.	**Modal** • Modal insan • Modal sosial dan perhubungan • Modal kewangan • Modal intelektual

Memulakan pengambilan tenaga kerja masa hadapan

Keupayaan kakitangan PIDM untuk membina pasukan yang pelbagai, fleksibel dan serba boleh adalah penting untuk kejayaan masa hadapan kami. Sambil meneruskan usaha untuk memperkukuhkan keberkesanan pasukan sedia ada, strategi pengambilan dan pembangunan tenaga kerja PIDM mestilah bersedia untuk cabaran kerja masa hadapan.

Keutamaan Strategik	Peluang	Risiko	Kesan terhadap: Pemegang kepentingan, Pemacu nilai atau Modal (sebagaimana berkenaan)
Pengurusan modal insan Strategi: Membina dan mengekalkan keupayaan dalaman untuk keperluan jangka pendek, sederhana dan panjang serta menjalin kerjasama strategik.	Untuk keperluan masa hadapan: • Mengkaji semula falsafah dan model modal insan PIDM. • Membangunkan tenaga kerja muda. • Memastikan pengetahuan berkaitan PIDM dibina, diperolehi dan dipindahkan secara berterusan untuk masa hadapan.	Kurangnya tenaga kerja muda yang berpotensi tinggi dan yang ingin menyertai PIDM, serta adanya jurang dalam pengurusan penggantian. Kegagalan untuk menguasai pengetahuan sedia ada yang penting atau membina pengurusan penggantian yang mencukupi dalam bidang tertentu, boleh mengakibatkan ketidakcekapan dalam jangka panjang.	**Modal** • Modal insan • Modal kewangan • Modal intelektual

[2] *https://www.irishtimes.com/news/when-the-cash-and-the-trust-ran-out-1.964812*

STRATEGI

STRATEGI

VISI

Memperkukuhkan keyakinan dengan menjadi pihak berkuasa perlindungan konsumer kewangan dan resolusi dengan amalan terbaik

MISI

Melaksanakan mandat secara efektif, dengan komitmen untuk membawa perubahan kepada komuniti dan kakitangan kami

STRATEGI

Kami akan memenuhi visi dan misi kami menerusi strategi yang dinyatakan dalam rancangan korporat kami.

Sejak penubuhan PIDM pada tahun 2005, kami telah memberi tumpuan kepada pembangunan asas yang kukuh bagi insurans deposit. Pada akhir tahun 2010, mandat kami diperluaskan untuk meliputi perlindungan manfaat takaful dan insurans di bawah bidang kuasa kami. Pada tahun 2016, kami memulakan usaha ke arah melaksanakan rejim resolusi efektif bagi Malaysia. Ia merupakan sebuah inisiatif jangka panjang. Modal insan dan strategi lain kami akan disemak semula secara berterusan untuk memastikan penyelarasan berterusan dengan matlamat ini.

2005 ASAS PENUBUHAN	2010 PENGIKTIRAFAN	2016 dan seterusnya EVOLUSI
Insurans Deposit Membina asas penubuhan yang kukuh menerusi pembentukan amalan, proses dan sistem tadbir urus korporat yang mantap, dalam mentadbir Sistem Insurans Deposit	**Manfaat Takaful dan Insurans** Mandat diperluaskan untuk mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Diiktiraf mematuhi standard antarabangsa dalam mentadbir sebuah sistem deposit insurans yang efektif	**Hala Tuju Strategik Jangka Panjang** Mengukuhkan peranan kami sebagai pihak berkuasa resolusi

Sepanjang tempoh perancangan 2019 - 2021, kami akan terus berusaha ke arah mencapai lima objektif dibawah.

Keutamaan Strategik	Penyata Objektif
Rejim Resolusi Efektif Untuk membolehkan semua resolusi institusi ahli ditangani secara teratur, tanpa gangguan sistemik, dan meminimumkan kos kepada sistem kewangan	1. Mengekalkan kesediaan operasi untuk melaksanakan tindakan intervensi dan resolusi kegagalan institusi ahli dengan segera 2. Perancangan resolusi untuk institusi ahli
Penglibatan Pemegang Kepentingan Untuk mengeratkan hubungan dengan pemegang kepentingan utama dan memupuk kepercayaan serta keyakinan terhadap PIDM, termasuk melalui amalan terbaik dalam tadbir urus korporat	3. Terus mengukuhkan perhubungan dengan pemegang kepentingan utama
Pengurusan Modal Insan Strategik Untuk mengekalkan persekitaran kerja kondusif yang menggalakkan kecemerlangan, dengan tumpuan kepada pengurusan modal insan yang aktif dan pembelajaran yang berterusan	4. Mengurus dan memaksimumkan penggunaan modal insan PIDM secara efektif
Tadbir Urus dan Pengurusan	**Penyata Objektif**
Kecemerlangan Operasi Untuk memastikan pengurusan operasi yang kukuh di samping menunjukkan tahap kecemerlangan yang tinggi serta beroperasi pada tahap kecekapan terbaik	5. Terus bekerja ke arah kecemerlangan operasi dan mengguna pakai amalan terbaik

REJIM RESOLUSI EFEKTIF

ASAS PENUBUHAN
2005 - 2010

PENGIKTIRAFAN
2011 - 2015

EVOLUSI
2016

Telah membangunkan rangka kerja intervensi dan resolusi kegagalan yang komprehensif dan membina asas bagi rejim resolusi yang efektif

- Akta PIDM yang telah diluluskan oleh Parlimen memberi kuasa resolusi yang luas untuk membolehkan kami menangani institusi ahli yang tidak berdaya maju, serta meminimumkan kos kepada sistem kewangan.
- Membangunkan rangka kerja intervensi dan resolusi kegagalan komprehensif bagi memperincikan pendekatan kami dalam menggunakan pakai instrumen resolusi.
- Akta PIDM dipinda untuk menambahkan kuasa institusi perantara dan kuasa-kuasa berkaitan ahli penginsurans.
- Telah membangun dan melaksanakan sebuah sistem pembayaran balik yang mampu membuat pembayaran balik dengan segera kepada pendeposit yang diinsuranskan.
- Institusi ahli dikehendaki memastikan proses dan sistem mereka siap sedia untuk menyediakan maklumat lengkap, tepat dan menepati masa bagi memudahkan pembayaan balik dengan segera.
- Menjalankan simulasi untuk menguji pendekatan resolusi kami dan meningkatkan kesediaan menyeluruh kakitangan kami.

Membentuk rejim resolusi efektif sebagai satu keutamaan strategik

- Membentuk keutamaan strategik untuk mencapai rejim resolusi efektif bagi Malaysia, sejajar dengan saranan antarabangsa.
- Terlibat dengan pihak berkuasa berkaitan di dalam dan luar negara, bagi tujuan kerjasama, pertukaran maklumat dan penyelarasan berkenaan perancangan resolusi.
- Membangunkan draf rangka kerja Perancangan Pemulihan dan Resolusi bersama BNM.
- Membangunkan draf rangka kerja perancangan resolusi, garis panduan perancangan resolusi dan keperluan maklumat bagi tujuan program rintis yang dirancang dengan bank-bank terpilih.

Kesediaan operasi

Simulasi dan penambahbaikan berterusan

2017	2018	2019	2020 dan seterusnya
Memastikan kesediaan dan penglibatan industri • Menganjurkan seminar industri bersama Bank Negara Malaysia mengenai perancangan pemulihan dan resolusi untuk menyatakan kepentingannya dan menetapkan keperluan pengawalseliaan. Memberi penekanan kepada pelan hala tuju strategik bagi pelaksanaan di Malaysia, termasuk program rintis dan perundingan industri.	**Memantapkan kesediaan dan penglibatan industri secara berterusan** • Memulakan program dan simulasi proses perancangan resolusi menyeluruh, untuk menguji rangka kerja dan garis panduan resolusi yang berkaitan. • Membangunkan keupayaan dalaman bagi perancangan resolusi menerusi latihan dan pembangunan. • Kerjasama berterusan dengan pihak berkuasa yang berkaitan tentang perancangan resolusi, pengurusan krisis dan tindakan resolusi semasa krisis. • Memulakan kerja untuk memastikan kesediaan pemegang kepentingan luaran terhadap garis panduan perancangan resolusi, yang akan dilancarkan secara berfasa.	**Ujian dan rundingan** • Memulakan program rintis perancangan resolusi dan memantapkan draf garis panduan perancangan resolusi berdasarkan maklum balas daripada bank perintis. • Membangunkan polisi dan perundangan sokongan mengikut keperluan. • Meneruskan penglibatan dengan pemegang kepentingan utama, terutamanya anggota jaringan keselamatan kewangan dan industri serta rakan sejawat antarabangsa. *Rujuk Bahagian Prestasi di halaman 62 dan 63 untuk butiran lanjut*	**Melancarkan perancangan resolusi kepada industri secara berfasa** • Menyempurnakan program rintis perancangan resolusi dan mengenal pasti strategi-strategi resolusi pilihan untuk bank perintis. • Memuktamadkan garis panduan perancangan resolusi dan keperluan maklumat untuk perundingan dengan industri pada tahun 2021. • Melaksanakan pelancaran kepada industri secara berfasa pada tahun 2022. Bekerjasama dengan setiap institusi ahli mengenai pelan resolusi individu. • Membangunkan polisi lain yang berkenaan serta perundangan sokongan, mengikut keperluan.

Simulasi antara agensi

PENGLIBATAN PEMEGANG KEPENTINGAN

ASAS PENUBUHAN
2006 - 2010

PENGIKTIRAFAN
2011 - 2017

EVOLUSI
2018

Membangunkan kesedaran awam dan penglibatan dengan pemegang kepentingan utama

- Melaksanakan kempen pengiklanan – iklan televisyen, radio dan media cetak bagi mewujudkan kesedaran awam tentang PIDM, Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.
- Mengadakan dialog tahunan bagi pelancaran laporan tahunan dan perundingan awam mengenai pelbagai peraturan dan garis panduan.
- Mengendalikan program jangkauan korporat ke negeri-negeri di luar Lembah Klang sebagai sebahagian daripada inisiatif kesedaran awam.
- Menyertai pertubuhan antarabangsa bagi perkongsian pengetahuan dan hubungan kerja.
- Melaksanakan program pendidikan sekolah, Projek PIDM MoneySmart, untuk meningkatkan kesedaran kewangan dalam kalangan generasi muda.

Membina asas untuk memperkukuhkan kepercayaan dan keyakinan

- Memulakan aktiviti bersama masyarakat di Kuala Lumpur Sentral, diikuti dengan Kedah, Perak dan Pulau Pinang.
- Melibatkan industri berkenaan inisiatif kami, termasuk inisiatif perancangan resolusi.
- Menyertai forum antarabangsa dan forum lain bagi tujuan perkongsian pengetahuan.
- Menjalankan penilaian persepsi pemegang kepentingan.
- Menguji keberkesanan komunikasi kami ketika krisis.

Amalan terbaik dalam tadbir urus korporat
Rujuk Bahagian Tadbir Urus di halaman 23 untuk butiran lanjut

- **Simulasi untuk komunikasi ketika krisis**
- **Biaya diri operasi**

Rujuk Bahagian Prestasi di halaman 76 untuk

2019 - 2021	2021 dan seterusnya
Memperkukuhkan kepercayaan dan keyakinan • Meneruskan inisiatif kesedaran. • Mempelbagaikan saluran komunikasi termasuk di ruang digital dan media sosial. • Meneruskan penglibatan dengan industri termasuk berkenaan dengan perancangan resolusi. • Melaksanakan perancangan untuk meningkatkan reputasi dan imej PIDM. *Rujuk Bahagian Prestasi di halaman 65 hingga 67 untuk butiran lanjut*	**Menambah baik dan mengekalkan kepercayaan dan keyakinan** • Meneruskan penilaian dan menambahbaik program bagi meningkatkan kepercayaan dan keyakinan berdasarkan kepada audiens sasaran. • Meneruskan aspirasi untuk mengukuhkan reputasi dan imej PIDM. • Meneruskan penglibatan pemegang kepentingan.

butiran lanjut

PENGURUSAN MODAL INSAN

ASAS PENUBUHAN	PENGIKTIRAFAN		
2005 - 2010	2010	2011 - 2015	2016
Merancang dan membentuk model, falsafah dan polisi utama modal insan		**Pembangunan kakitangan dan kepemimpinan serta perancangan penggantian**	**Ke arah organisasi pembelajaran**
Sistem Insurans Deposit • Pengambilan tenaga kerja utama, memanfaatkan kepakaran dan sokongan daripada Bank Negara Malaysia. • Membentuk model modal insan, falsafah ganjaran dan manfaat, polisi dan proses modal insan utama yang lain. • Membangunkan kompetensi dalam bidang insurans deposit, termasuk menerusi perkongsian pengetahuan daripada penginsurans deposit lain. • Membangunkan model dan rangka kerja kompetensi.	Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans • Melaksanakan gelombang kedua pengambilan kerja kakitangan.	• Membangunkan kompetensi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. • Memulakan perancangan penggantian bagi jawatan kepimpinan kanan. • Menumpukan kepada pengurusan tenaga kerja dan pembangunan kepemimpinan. • Mengkaji semula model, falsafah dan polisi utama modal insan serta membangunkan Pelan Strategik Modal Insan untuk penyelarasan dengan hala tuju strategik.	• Memulakan pelaksanaan rangka kerja organisasi pembelajaran.

Persekitaran kerja yang kondusif

Menyempurnakan pembentukan

EVOLUSI

2017	2018	2019 dan seterusnya
Menyelaraskan modal insan sejajar dengan keutamaan strategik • Penstrukturan semula bahagian dan unit tertentu serta melatih kakitangan sebagai persediaan bagi pelancaran inisiatif perancangan resolusi. • Melaksanakan perancangan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif. • Menentukan kompetensi tingkah laku kepemimpinan yang unik untuk pengurusan kanan.	**Kepemimpinan, komunikasi dan budaya** • Memulakan latihan kompetensi tingkah laku kepemimpinan bagi pengurusan kanan. • Melibatkan pengurusan kanan dalam pengurusan modal insan secara aktif. • Menubuhkan Bahagian Penilaian Risiko dan Resolusi. • Melaksanakan latihan intensif bagi inisiatif perancangan resolusi. • Mengadakan perjumpaan secara kerap dengan semua kakitangan di semua bahagian. • Melaksanakan rangka kerja pengurusan pengetahuan (sebagai salah satu daripada inisiatif organisasi pembelajaran).	**Menyelaraskan modal insan untuk memenuhi keperluan PIDM pada masa hadapan** • Menyempurnakan kajian kemahiran dan potensi tenaga kerja dan memaksimumkan penggunaan modal insan kami. • Membangunkan kemahiran melatih dalam kalangan barisan kepemimpinan dan memulakan program bimbingan. • Membina lapisan kepimpinan dan kompetensi teknikal. *Rujuk Bahagian Prestasi di halaman 68 hingga 72 untuk butiran lanjut*

tonggak utama organisasi pembelajaran

Mengukuhkan budaya komunikasi dan kerja berpasukan

PRESTASI

Ulasan Prestasi
Ulasan Kewangan

KEUTAMAAN STRATEGIK DAN KAD SKOR KORPORAT KAMI

Penyata objektif dalam Rancangan Korporat 2019 - 2021 kami adalah seperti berikut.

Keutamaan Strategik	Penyata Objektif
Rejim Resolusi Efektif	1. Mempertingkatkan kesediaan operasi untuk mengambil tindakan intervensi dan resolusi dengan segera sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli 2. Perancangan resolusi bagi institusi ahli
Penglibatan Pemegang Kepentingan	3. Mengukuhkan hubungan dengan pemegang kepentingan utama secara berterusan
Pengurusan Modal Insan	4. Menguruskan dan memaksimumkan penggunaan modal insan PIDM secara efektif

Tadbir Urus dan Pengurusan	Penyata Objektif
Kecemerlangan Operasi	5. Meneruskan pelaksanaan kecemerlangan operasi dan mengguna pakai amalan terbaik dalam tadbir urus

Rujuk Bahagian Strategi untuk butiran lanjut.

KAD SKOR KORPORAT 2019

Pada tahun 2019, kami telah menyempurnakan inisiatif yang dirancang berdasarkan rancangan kewangan yang telah diluluskan. Laporan kami berbanding dengan sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2019 dirumuskan dalam Kad Skor Korporat berikut.

A Sasaran dicapai, inisiatif disempurnakan

P Berjalan lancar seperti yang dijadualkan; dan / atau dalam lingkungan bajet

F Belum dimulakan / tarikh akan datang

N Sasaran tidak dicapai, tersasar daripada tempoh penyempurnaan; dan / atau di bawah sasaran

Objektif Korporat	No.	Inisiatif Korporat	Sasaran 2019	Keputusan Dis 2018[1]	Keputusan Dis 2019
Regim Resolusi Efektif (rujuk halaman 59 hingga 64 🔗 untuk butiran lanjut)					
Keupayaan penilaian, pemantauan risiko, intervensi dan resolusi yang kukuh	**Kesediaaan Operasi**				
	1.	**Sistem Insurans Deposit:**			
		a. Simulasi antara agensi	Membangun dan menyelaras proses antara agensi, termasuk proses bagi intervensi dan resolusi	A	P[2]
		b. Latihan simulasi – bank ahli	Memulakan latihan simulasi yang menumpukan kepada kitaran intervensi dan resolusi sesebuah institusi perbankan Islam	–[3]	A
		c. Pembayaran balik yang lancar (*seamless reimbursement*)	Penglibatan dengan pemegang kepentingan untuk membangunkan konsep pembayaran balik deposit diinsuranskan yang lancar	P	A
	2.	**Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans:**			
		a. Latihan simulasi – ahli penginsurans	Menjalankan latihan simulasi dengan fokus terhadap: • pelaksanaan pemindahan perniagaan untuk sebuah syarikat insurans hayat • pengaturan terus tanggung bagi sebuah syarikat insurans am Menjalankan kajian semula *tabletop* bagi pengendali takaful	P	P[4]
		b. Sistem Sokongan Pemilik Polisi	Membangun keperluan sistem	A	A
		c. Peraturan-peraturan dan perintah manfaat yang dilindungi	Memuktamadkan peraturan-peraturan dan perintah yang dipertingkatkan untuk diwartakan	P	A
		d. Peraturan-peraturan maklumat Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Memuktamadkan peraturan-peraturan untuk diwartakan	P	A
	Perancangan Resolusi				
	3.	**Perancangan resolusi untuk institusi kewangan:**			
		a. Program rintis	Memulakan program rintis perancangan resolusi dan mengkaji semula draf garis panduan dan templat pelaporan perancangan resolusi berdasarkan maklum balas yang diterima daripada bank perintis	P	P[5]
		b. Pelancaran kepada industri	–	F	F[6]
		c. Penglibatan industri, sesi taklimat dan sesi dialog	Menjalankan sesi keterlibatan efektif dengan industri	A	A
	4.	Rangka kerja dana sasaran	Meneruskan kajian semula mengenai metodologi dana sasaran	P	A

Objektif Korporat	No.	Inisiatif Korporat	Sasaran 2019	Keputusan Dis 2018[1]	Keputusan Dis 2019
Tadbir Urus Korporat (rujuk halaman 73 dan 74 untuk butiran lanjut)					
Organisasi yang diurus dan ditadbir dengan baik	5.	a. Amalan terbaik tadbir urus yang diguna pakai dan dikekalkan	Pematuhan	A	A
		b. Perundangan serta polisi dan amalan korporat utama dipatuhi serta kekal terkini dan relevan	Pematuhan penuh dan dikemas kini	A	A
		c. Kualiti sokongan pengurusan kepada Lembaga Pengarah	Kepuasan tinggi	A	A
		d. Pengaturan tadbir urus Syariah	Pelancaran pengaturan tadbir urus Syariah	P	A
	6.	**Pelaporan menerusi:**			
		a. Laporan Tahunan	Disiapkan	A	A
		b. Rancangan Korporat	Disiapkan	A	A
	7.	Pematuhan kawalan dalaman dan pengurusan risiko	Kukuh	A	A
	8.	Portal industri PIDM – Kemudahan layan diri bagi pengemukaan data dan maklumat dalam talian yang selamat	Pelancaran kepada institusi ahli	P	A
Penglibatan Pemegang Kepentingan (rujuk halaman 65 hingga 67 untuk butiran lanjut)					
Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	9.	Indeks kesedaran awam mengenai PIDM	65%	N 63%	N 62%[7]
	10.	Rancangan komunikasi media sosial (Facebook)	Mencapai pertumbuhan 30% dalam komuniti Facebook PIDM	–[3]	A
	11.	Kepimpinan pemikiran dalam topik-topik relevan termasuk intervensi dan resolusi kegagalan	Membangunkan kandungan untuk penerbitan Menerbitkan artikel setiap suku tahun	–[3]	A
Penglibatan efektif	12.	**Hubungan PIDM dengan pemegang kepentingan utama:**			
		a. Anggota jaringan keselamatan kewangan	Mengekalkan hubungan kerja yang kukuh	A	A
		b. Institusi ahli dan persatuan industri	Mengekalkan hubungan kerja yang memuaskan	A	A
		c. Kementerian-kementerian dan agensi kawal selia Kerajaan yang lain	Mengekalkan hubungan kerja yang kukuh	A	A
		d. Media	Mengekalkan hubungan kerja yang kukuh	A	A

Objektif Korporat	No.	Inisiatif Korporat	Sasaran 2019	Keputusan Dis 2018[1]	Keputusan Dis 2019
Pengurusan Modal Insan (rujuk halaman 68 hingga 72 🔗 untuk butiran lanjut)					
Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan	13.	**Rancangan modal insan strategik:**			
		a. Kajian kemahiran dan potensi	Menyempurnakan kajian kemahiran dan potensi serta mengenal pasti kumpulan tenaga kerja dan pembangunan keupayaan kakitangan	P	A
		b. Program pembangunan kepimpinan berstruktur	Membangunkan program kepimpinan untuk kumpulan tenaga kerja yang dikenal pasti Melaksanakan program kepimpinan bagi pemimpin sedia ada berdasarkan kecekapan kepimpinan PIDM	P	A
		c. Program pembangunan teknikal bagi perancangan resolusi, intervensi dan resolusi kegagalan	Meneruskan pembangunan modul teknikal berdasarkan keupayaan yang diperlukan Membangunkan program khusus untuk membina keupayaan lapisan kakitangan	P	A
		d. Kurikulum PIDM – modul teras, modul kepimpinan, modul lanjutan (topik teknikal)	Melaksanakan modul teras dan menguji kakitangan Membangunkan dan melaksanakan modul kepimpinan	P	A
		e. Organisasi pembelajaran	Mencapai tahap Median* bagi "Learning Environment dan Learning Processes Building Blocks"** Mencapai tahap Kuartil Ketiga bagi "Leadership that Reinforces Learning Building Block"**	A	N[8] Kuartil Kedua
Persekitaran korporat yang kondusif	14.	Indeks Keterlibatan Berterusan (tinjauan dijalankan setiap dua tahun)	Mencapai tahap keterlibatan berterusan sebanyak 80%	F	A

[1] *Berbanding sasaran yang ditetapkan pada tahun 2018*
[2] *Kami akan terus bekerja rapat dengan BNM dan Kementerian Kewangan untuk mewujudkan protokol komunikasi dalam situasi krisis untuk setiap agensi dan seterusnya proses tadbir urus komunikasi antara agensi pada tahun 2020*
[3] *Inisiatif baharu pada tahun 2019*
[4] *Kajian semula tabletop bagi pengendali takaful akan bermula pada tahun 2020*
[5] *Kami akan terus melibatkan bank perintis untuk mendapatkan maklum balas pada tahun 2020 dan membuat penambahbaikan sekiranya perlu terhadap keperluan berkaitan perancangan resolusi sebagai persediaan untuk konsultasi industri pada tahun 2021*
[6] *Pelaksanaan secara berfasa bagi industri akan bermula pada tahun 2022*
[7] *Rujuk halaman 66 🔗 untuk butiran lanjut*
[8] *Rujuk halaman 71 🔗 untuk butiran lanjut*

* *Jajaran bagi skor penanda aras Harvard's Learning Organization Survey (LOS), Garvin, Edmondson & Gino, 2008 adalah seperti berikut: Kuartil Terendah => Kuartil Kedua => Median => Kuartil Ketiga => Kuartil Utama*

** *Asas organisasi pembelajaran:*
- *Persekitaran pembelajaran – persekitaran yang menyokong keselamatan psikologi, menghormati perbezaan, keterbukaan kepada idea, dan masa untuk refleksi diri*
- *Proses pembelajaran – melibatkan penjanaan, pengumpulan, tafsiran dan penyebaran maklumat*
- *Kepimpinan yang menekankan pembelajaran – tingkah laku pemimpin yang menggalakkan pembelajaran menerusi, antara lainnya, pertanyaan dan pendengaran aktif*

PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2019 DAN PELAN MASA HADAPAN

Berikut adalah laporan tentang kemajuan kami pada tahun 2019 berbanding lima penyata objektif.

Keutamaan Strategik:
Rejim Resolusi Efektif

Penyata Objektif 1:
Mempertingkatkan kesediaan operasi untuk mengambil tindakan intervensi dan resolusi dengan segera sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli

Simulasi dalaman dijalankan untuk menguji dan menambah baik semua fasa dalam pengaturan intervensi dan resolusi kegagalan	• Ahli penginsurans konvensional – disempurnakan pada tahun 2019 • Institusi perbankan Islam – telah dimulakan pada tahun 2019 • Pengendali takaful – akan dimulakan pada tahun 2020
Simulasi antara agensi dijalankan sebagai latihan dan untuk menambah baik pengaturan penyelarasan	• Memulakan penglibatan untuk mewujudkan komunikasi ketika krisis dan protokol lain sebagai persiapan untuk latihan simulasi • Latihan simulasi dengan semua agensi akan dijalankan pada tahun 2021 dan 2022
Pembayaran balik yang lancar untuk pendeposit sekiranya berlaku kegagalan bank	• Meneruskan penglibatan dengan penyedia perkhidmatan platform pembayaran runcit yang telah dikenal pasti sebagai opsyen pembayaran balik • Menjalankan analisis kos manfaat untuk mengenalpasti cadangan pembayaran balik pada tahun 2020

Latihan simulasi dalaman

Kami terus menjalankan latihan simulasi untuk menguji dan menambah baik beberapa aspek pengaturan intervensi dan resolusi kegagalan kami.

Kitaran Intervensi dan Resolusi Kegagalan

Sejak tahun 2010, kami telah menjalankan latihan simulasi untuk menguji pengaturan dalam fasa-fasa kitaran intervensi dan resolusi kegagalan. Latihan simulasi disasar untuk mencapai objektif berikut:

- mempertingkatkan tahap kesediaan untuk menangani intervensi dan resolusi kegagalan;
- menambah baik polisi dan prosedur intervensi dan resolusi kegagalan yang relevan;
- mengenalpasti cabaran dan halangan operasi; dan
- membangunkan pelan terperinci untuk pelaksanaan resolusi yang dikenal pasti.

Mulai tahun 2018, kami merangka pelan simulasi yang akan menguji pasukan kami sepanjang kitaran keseluruhan resolusi bagi institusi ahli. Simulasi yang terancang dipecahkan kepada modul. Sehubungan dengan itu, latihan simulasi telah disandarkan kepada senario kegagalan *idiosyncratic* sesebuah institusi ahli.

Latihan simulasi ahli penginsurans



Pada Julai 2019, kami telah menyempurnakan kesemua modul yang telah dirancang berhubung dengan ahli penginsurans hayat dan ahli penginsurans am. Bagi latihan simulasi, kami memberi fokus terhadap aspek berikut mengenai intervensi dan resolusi kegagalan:

- penentuan cetusan intervensi awal (*early intervention trigger*) (cetusan untuk menjalankan *due diligence* ke atas ahli);
- *due diligence* (untuk menentukan tahap masalah dan untuk merangka opsyen resolusi); dan
- pelaksanaan strategi resolusi pilihan (pemindahan perniagaan dan pengaturan terus tanggung pihak ketiga).

Latihan simulasi bank ahli

Pada tahun 2019, kami menjalankan satu latihan simulasi sesebuah institusi perbankan Islam, dan menyempurnakan dua daripada empat modul yang dirancang. Kami menjalankan perkongsian pengetahuan dan sesi latihan berkaitan dengan intervensi dan resolusi kegagalan sebuah institusi perbankan Islam. Kami juga menguji proses untuk menentukan cetusan intervensi awal dan melaksanakan analisis kos terendah serta melaksanakan strategi resolusi dalam modul seterusnya.

Modul 1	Modul 2	Modul 3	Modul 4
Perkongsian pengetahuan / latihan	Cetusan Intervensi Awal dan *Due Diligence*	Analisis Kos Terendah dan Strategi Resolusi	Pembelian dan Pengambilalihan serta Likuidasi

Melangkah ke Hadapan

- Ahli penginsurans: Kami akan menjalankan kajian semula *tabletop* bagi resolusi pengendali takaful.
- Bank ahli: Kami akan menyempurnakan latihan simulasi sesebuah institusi perbankan Islam, dengan tumpuan terhadap penilaian portfolio pembiayaan, dan pemindahan aset dan liabiliti.

Simulasi antara agensi

Anggota jaringan keselamatan kewangan semestinya mempunyai pelan luar jangka yang menyeluruh untuk intervensi dan resolusi kegagalan. Untuk menentukan respons intervensi dan resolusi kegagalan yang efektif, kami berusaha untuk:

- mencapai persetujuan peranan dan tanggungjawab masing-masing;
- mewujudkan protokol dan pengaturan yang memastikan tahap konsultasi, koordinasi dan kerjasama yang tinggi;
- memastikan koordinasi untuk komunikasi luaran yang konsisten; dan
- mengambil kira peranan pemegang kepentingan yang lain (pengawal selia, juruaudit luar, mahkamah, agensi penarafan kredit dan pemegang saham), di mana keputusan mereka mungkin mempunyai impak ke atas sebarang langkah untuk melindungi kestabilan sistem kewangan.

Rancangan Korporat 2019 - 2021 kami mempertimbangkan pelaksanaan simulasi antara agensi berkaitan dengan intervensi dan resolusi kegagalan, supaya anggota jaringan keselamatan kewangan dapat menjalani latihan dan menambah baik pengaturan respons intervensi dan resolusi kegagalan.

Pada tahun 2019, kami telah memulakan sesi keterlibatan dengan anggota jaringan keselamatan kewangan yang lain berkaitan dengan pengaturan respons intervensi dan resolusi kegagalan kami. Ini bagi membolehkan kakitangan yang relevan membuat persediaan dan untuk membangunkan rancangan terperinci bagi latihan simulasi. Sesi keterlibatan tersebut telah dijalankan oleh pihak World Bank Group yang mempunyai pengalaman yang luas dalam menjalankan latihan simulasi krisis.

Melangkah ke Hadapan

- Kami akan memuktamadkan protokol komunikasi ketika krisis antara agensi pada tahun 2020. Seterusnya, kami akan menjalankan latihan simulasi dengan kesemua anggota jaringan keselamatan kewangan pada tahun 2021 dan 2022.

Pembayaran balik yang lancar

Pembayaran balik yang lancar (*seamless reimbursement*) merupakan pembayaran balik deposit secara elektronik ketika berlakunya kegagalan bank tanpa memerlukan penglibatan aktif pendeposit dalam transaksi terbabit. Ini bermakna pendeposit tidak perlu melakukan apa-apa ketika intervensi dan resolusi kegagalan sebelum menerima bayaran. Sebagai contoh, mereka tidak perlu membuka akaun yang baharu di bank lain, memasuki laman mikro PIDM, atau menunaikan cek di bank. Mereka perlu ada sebuah akaun alternatif terdahulu di mana pembayaran elektronik boleh dilakukan.

Pada tahun 2019, kami mempertimbangkan penggunaan platform pembayaran untuk pembayaran balik yang lancar kepada pendeposit. Kami telah memulakan usaha ke arah mengenal pasti opsyen yang praktikal dan menggunakan teknologi semasa.



Melangkah ke Hadapan

- Kami akan membangunkan infrastruktur yang diperlukan untuk menyempurnakan inisiatif ini.
- Bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, kami akan memanfaatkan infrastruktur yang sama untuk tuntutan pembayaran balik.

Keutamaan Strategik:
Rejim Resolusi Efektif

Penyata Objektif 2:
Perancangan resolusi untuk institusi ahli

2019	2020 - 2022	2022 dan seterusnya
Mendapatkan maklum balas mengenai draf garis panduan perancangan resolusi dan templat laporan daripada bank perintis Menjalankan kajian semula metodologi dana sasaran	Menyempurnakan program rintis perancangan resolusi dan membuat keperluan perancangan resolusi Menjalankan sesi rundingan untuk mendapatkan maklum balas industri Memuktamadkan garis panduan perancangan resolusi dan templat laporan Memuktamadkan kertas cadangan bagi rangka kerja dana sasaran yang telah dipertingkatkan	Melancarkan program perancangan resolusi dengan bank ahli yang lain, secara berfasa

Program rintis perancangan resolusi telah bermula pada tahun 2019. Program ini bertujuan untuk menguji keperluan perancangan resolusi bagi tujuan penambahbaikan berdasarkan maklum balas daripada bank perintis, sebelum sesi perundingan industri pada tahun 2021. Kajian semula metodologi dana sasaran kami pada tahun 2019 mengambil kira, antara lain, implikasi ke atas perancangan resolusi dalam menentukan paras dana sasaran kami.

Program rintis perancangan resolusi

Sesebuah pelan resolusi mesti mempunyai satu deskripsi komprehensif tentang sebuah bank (dan entiti berkaitan yang merupakan sebahagian daripada kumpulannya). Ia juga mesti menetapkan tindakan resolusi yang boleh dilaksana dan berwibawa bagi tujuan resolusi bank terbabit. Oleh yang demikian, dalam menjalankan perancangan resolusi, kami memerlukan maklumat dan analisis yang mencukupi. Kebanyakan maklumat dan analisis akan diperolehi daripada bank terbabit, memandangkan mereka lebih mengetahui tentang struktur dan operasi mereka. Perancangan ini merupakan satu proses berterusan di mana pelan resolusi akan diperincikan lagi dari semasa ke semasa. Ia juga bermakna bahawa terdapat keperluan untuk menangani sebarang halangan kepada kebolehselesaian. Pada tahun 2019, bersempena dengan penerbitan draf garis panduan perancangan resolusi dan templat laporan kepada bank perintis, kami melibatkan bank perintis di pelbagai peringkat untuk memastikan kefahaman yang konsisten dan untuk memberi penjelasan lanjut.

Interaksi kami dengan bank perintis membolehkan mereka memperolehi penjelasan mengenai perancangan resolusi secara berterusan. Menjelang tahun 2020, ketiga-tiga bank perintis seharusnya telah mengemukakan maklumat yang diperlukan di bawah garis panduan dan templat laporan, serta menyediakan maklum balas tentang praktikaliti dan kejelasan keperluan maklumat PIDM.

Taklimat

Pada tahun 2019, aktiviti keterlibatan termasuk yang berikut:

- Sebelum bermulanya program rintis, Ketua Pegawai Eksekutif dan pasukan kami memberi taklimat kepada pihak pengurusan kanan kesemua bank perintis untuk memperkenalkan elemen utama draf garis panduan perancangan resolusi.
- Bengkel kerja diadakan bagi setiap bank perintis, untuk menyediakan panduan tentang maklumat yang diperlukan bagi memastikan pengemukaan maklumat yang berkualiti dan pemahaman menyeluruh tentang garis panduan perancangan resolusi.

Aktiviti Keterlibatan Pemegang Kepentingan yang lain berkaitan dengan Perancangan Resolusi

Pada tahun 2019, kami terus menjalankan aktiviti keterlibatan bagi keberkesanan pelaksanaan perancangan resolusi.

Penglibatan

Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan ICLIF. Pada tahun 2019, perancangan pemulihan dan resolusi telah dirangkumkan ke dalam modul teras bagi latihan pengarah institusi kewangan.

Mesyuarat berkenaan topik perancangan resolusi di Executives' Meeting of East Asia-Pacific. Kami terus mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan serantau dengan pihak berkuasa resolusi asing yang lain. Ini bertujuan untuk mewujudkan kolaborasi rapat dan kefahaman dalam bidang perancangan resolusi dan resolusi rentas sempadan.

Islamic Financial Services Board (IFSB). PIDM merupakan sebahagian daripada Kumpulan Kerja (sebuah pasukan petugas baharu yang ditubuhkan oleh IFSB) untuk membangunkan satu Nota Teknikal tentang Pelan Pemulihan dan Resolusi bagi Institusi yang Menawarkan Perkhidmatan Kewangan Islam. Kami kongsikan kepakaran kami tentang perkara ini secara berterusan dan menyediakan maklumat terkini tentang amalan pasaran dan kawal selia di Malaysia.

Mesyuarat Crisis Management Group (CMG). Pada tahun 2019, kami mengambil bahagian dalam mesyuarat CMG sebuah bank ahli berpangkalan di luar negara dan sebuah ahli penginsurans berpangkalan di luar negara serta perbincangan kumpulan resolusi rentas sempadan yang diadakan bersama dengan mesyuarat *supervisory colleges* untuk dua bank ahli berpangkalan di luar negara.

Melangkah ke Hadapan

- Pada tahun 2020, kami akan menyempurnakan program rintis perancangan resolusi dan mengenal pasti strategi resolusi pilihan awal bagi bank perintis.
- Kami merancang untuk menambah baik draf garis panduan perancangan resolusi dan templat laporan berdasarkan maklum balas daripada bank perintis, dan seterusnya mengadakan perundingan dengan industri berkenaan keperluaan perancangan resolusi yang dijangka akan dijalankan pada tahun 2021.

Metodologi dana sasaran

Pada tahun 2019, kami telah menyempurnakan kajian semula mengenai metodologi dana sasaran kami. Kajian semula holistik ini adalah untuk:

- menilai semula konsep kerugian bersih (*net loss*) sedia ada yang diguna pakai pada masa kini; dan
- mempertimbangkan kecukupan dana bagi intervensi dan resolusi kegagalan berdasarkan inisiatif perancangan resolusi yang sedang berlangsung.

Dalam menjalankan kajian semula ini, kami menanda aras nisbah dana sasaran PIDM dengan pihak berkuasa lain dan menjalankan simulasi berdasarkan beberapa senario dan andaian.



Malangkah ke Hadapan

- Kami akan memuktamadkan kertas cadangan bagi rangka kerja dana sasaran yang dipertingkatkan.

Keutamaan Strategik:
Penglibatan Pemegang Kepentingan

Penyata Objektif 3:
Mengukuhkan hubungan dengan pemegang kepentingan utama secara berterusan

Kerja-kerja kami yang melibatkan orang awam pada tahun 2019 diteruskan dengan objektif untuk (a) mewujudkan atau mengekalkan tahap kesedaran; dan (b) membina kepercayaan dan keyakinan. Objektif ini adalah selaras dengan objektif berkanun kami, yang memerlukan kami untuk menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Dalam mewujudkan kesedaran dan membina kepercayaan, kami juga menangani risiko *bank run* dan penipuan kewangan. Dalam pelaksanaan perancangan resolusi bagi bank perintis, beberapa sesi keterlibatan telah dijalankan untuk meningkatkan kefahaman industri dengan topik perancangan resolusi.



Pemegang kepentingan yang dilibatkan

Rujuk Bahagian Pemegang Kepentingan di halaman 13 yang menjelaskan pelbagai kepentingan pemegang kepentingan.

Menggalakkan keyakinan dan pencapaian objektif korporat yang efektif



Tahap kesedaran awam

Untuk mengukur tahap kesedaran dalam kalangan orang ramai terhadap PIDM dan sistem perlindungan konsumer yang ditadbir oleh PIDM, kami menjalankan tinjauan tahunan kesedaran orang awam di seluruh negara melalui sebuah agensi penyelidikan bebas. Ia membolehkan kami mengkaji semula dan menambah baik pendekatan dan inisiatif komunikasi tahunan kami.

Kesedaran terhadap PIDM masih berada pada tahap yang stabil meskipun perbelanjaan pengiklanan telah dikurangkan dalam media tradisional pada tahun 2019. Kami menjangkakan bahawa tahap kesedaran akan berada pada jajaran ini dalam jangka masa pendek. Pada masa akan datang, kami merancang untuk terus memanfaatkan media sosial dan aktiviti perhubungan untuk menggalakkan kepercayaan dan keyakinan terhadap PIDM untuk jangka masa panjang.



Indeks kesedaran awam PIDM

Penglibatan

Siri dialog PIDM dengan industri perkhidmatan kewangan

Ketua Pegawai Eksekutif turut mengetuai beberapa sesi dialog dengan industri kewangan untuk (a) meningkatkan kefahaman tentang mandat dan pewujudan nilai PIDM pada tahap strategik dalam kalangan pengurusan kanan dan pengarah institusi ahli serta persatuan industri; dan (b) mengekalkan hubungan kerja kolaboratif dan efektif dengan industri.

Pihak pengurusan kanan dan para pengarah yang menghadiri sesi dialog tersebut telah memberi maklum balas konstruktif dan menunjukkan minat dalam memahami inisiatif perancangan resolusi dengan lebih lanjut. Rujuk Penyata Objektif 2 bagi sesi keterlibatan tentang perancangan resolusi.

Tanggungjawab Sosial Korporat

Program biasiswa

Tahun 2019 merupakan ulang tahun ke-10 Program Biasiswa Ijazah Sarjana Muda PIDM. Sejak pelaksanaannya, PIDM telah menyokong, membimbing dan melatih seramai 144 orang pemegang biasiswa di seluruh negara. 73 daripadanya telah menamatkan pengajian dan kini bekerja di beberapa organisasi yang terulung.

Pada tahun 2019, kami telah menawarkan biasiswa kepada 20 lagi pelajar yang layak dan memerlukan bantuan kewangan.

20
pemegang biasiswa 2019

144
jumlah pemegang biasiswa

Melangkah ke Hadapan

Kami akan terus:

- mengekalkan sasaran tahap kesedaran awam PIDM pada 65%;
- melaksanakan kempen literasi kewangan dan memanfaatkan peluang kerjasama; dan
- membangunkan reputasi dan imej PIDM.

Keutamaan Strategik:
Pengurusan Modal Insan

Penyata Objektif 4:
Menguruskan dan memaksimumkan penggunaan modal insan PIDM secara efektif

Kajian semula organisasi (jangka masa terdekat)	Kajian kemahiran dan potensi (jangka masa sederhana ke jangka panjang)	Pembangunan kepimpinan (jangka masa sederhana ke jangka panjang)	Organisasi pembelajaran (jangka panjang)
Menilai sama ada kemahiran dan pengalaman kakitangan dapat terus memenuhi keperluan organisasi	Menjalankan kajian dan mengenalpasti kemahiran dan potensi	Pembangunan kepimpinan berterusan melalui latihan formal, serta dalam perkhidmatan Memberi fokus kepada pembangunan kompetensi kepimpinan unik PIDM	Melaksanakan kurikulum PIDM (teras dan kepimpinan) Menyelesaikan pelan *tacit knowledge management*

Aktiviti keterlibatan kakitangan yang berterusan
(Keputusan tinjauan kepuasan kakitangan 2019: 81%)

Kajian Semula Organisasi

Pada tahun 2015, kami menyediakan pelan hala tuju Modal Insan kami. Pada tahun 2019, kami sekali lagi telah menjalankan satu kajian semula tentang kemahiran, pengalaman dan kekuatan tenaga kerja kami berbanding keperluan jangka panjang PIDM dan kepekaan kami terhadap perubahan dalam persekitaran operasi.

Senarai semak dan penilaian modal insan

Soalan	Penilaian 2019	
Pembelajaran dan Pembangunan – Penilaian ini berkaitan dengan perancangan tempat kerja dan pertimbangan sama ada tenaga kerja bersedia untuk melaksanakan strategi pada masa hadapan		
Keperluan kepakaran untuk mencapai hala tuju strategik	Perlu ditangani	Secara umum, ya. Beberapa kekosongan jawatan masih belum diisi. Sesetengah jawatan akan diwujudkan, contohnya, untuk menangani keperluan pengurusan data.
Kejelasan dan konsistensi yang mencukupi mengenai kompetensi kritikal yang kami cari untuk strategi modal insan	Sedia ada	Pada tahun 2018, kompetensi kepimpinan yang unik telah ditentukan. Ia telah dirangkum ke dalam strategi Modal Insan yang lain, seperti pengambilan, pengurusan prestasi dan pembangunan untuk pengurusan kanan.
Pembelajaran, pengekalan dan pemindahan pengetahuan	Perlu ditangani	Sedang melaksanakan inisiatif organisasi pembelajaran. Rujuk laporan di halaman 71.
Penyesuaian dan aplikasi pengetahuan dalam PIDM	Perlu ditangani	Sedang melaksanakan inisiatif organisasi pembelajaran. Rujuk laporan di halaman 71.
Kepimpinan – Keupayaan untuk menangani perubahan ekonomi dan situasi lain semasa melaksanakan strategi PIDM		
Jangkaan kepimpinan yang jelas	Sedia ada	Pemimpin dilatih dalam kompetensi kepimpinan. Pada tahun 2019, satu kajian 360-darjah dijalankan untuk menilai tahap kompetensi mereka.
Kredibiliti kepimpinan	Perlu ditangani	Dalam pembangunan. Rujuk laporan di halaman 71.
Penarikan, penglibatan dan pengekalan jenis tenaga kerja yang diinginkan	Perlu ditangani	Kami menjangkakan akan ada cabaran terutamanya apabila perancangan pemulihan dan resolusi dilancarkan dan industri mungkin akan bersaing untuk kompetensi yang serupa.
Kekurangan tenaga kerja masa hadapan yang diinginkan	Perlu ditangani	Kami perlu memantau keupayaan untuk menarik dan mengekalkan tenaga kerja yang wajar.
Penyusutan tenaga kerja yang ketara	Sedia ada	Pada tahun 2019, kadar penyusutan sebanyak 7.7% adalah lebih tinggi berbanding tahun 2018. Beberapa peletakan jawatan adalah di peringkat pengurusan pertengahan, didorong oleh peluang kerjaya, ganjaran yang lebih baik, atau pengalaman dalam bidang pengkhususan di sektor swasta.
Keperluan untuk memperolehi kemahiran dan kompetensi	Perlu ditangani	Ada.
Indeks Nilai dan Budaya – Keupayaan untuk menunjukkan nilai jenama organisasi untuk menarik dan mengekalkan tenaga kerja		
Persetujuan *(buy-in)* kakitangan yang mencukupi bagi proposisi nilai kakitangan	Sedia ada	Mencatat indeks keterlibatan berterusan sebanyak 81%.
Pengurusan kakitangan yang berprestasi rendah atau tidak memberi sebarang sumbangan	Sedia ada	Satu proses diwujudkan untuk mengurus dan menangani kakitangan yang berprestasi rendah.
Tadbir Urus – Kemampanan modal insan		
Keperluan untuk mengubah suai polisi dan amalan sedia ada untuk mencapai keputusan yang diinginkan	Sedia ada	Falsafah, polisi dan amalan utama modal insan dikaji semula dan diambil kira oleh pihak Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Ganjaran secara berkala.
Mengikuti perkembangan semasa industri dan perubahan pasaran	Sedia ada	Pemantauan dijalankan melalui proses penilaian risiko, audit dan perancangan strategik.
Integrasi strategi modal insan yang memadai dengan objektif organisasi	Sedia ada	Kajian semula dijalankan apabila strategi utama berubah atau strategi baru dibangunkan. Bahagian Sumber Manusia juga bekerja rapat dengan Ketua Bahagian untuk memastikan integrasi sewajarnya.
Pengambilan tenaga kerja dalaman yang sewajarnya	Sedia ada	Dari tahun 2018 hingga tahun 2019, kami menjalankan kajian semula untuk menilai kemahiran dan pengalaman kakitangan berbanding dengan keperluan fungsi dan bahagian serta PIDM secara keseluruhannya. Apabila terdapatnya jawatan kosong, kakitangan kami telah dimaklumkan terlebih dahulu sebelum mengiklankan jawatan tersebut. Ini adalah untuk memastikan pengambilan tenaga kerja yang dapat memberi nilai tambah yang terbaik.

Sedia ada Perlu ditangani

Kebanyakan kerja-kerja PIDM melibatkan modal insan yang tidak boleh digantikan dengan bentuk modal yang lain. Sesetengah kerja hanya boleh dilakukan oleh individu-individu yang utama. Teknologi adalah peralatan yang berguna, namun ciri-ciri, kemahiran dan pengalaman khusus individu utama ini adalah komponen penting untuk mencapai objektif dan mandat korporat kami. Memandangkan individu-individu ini tidak boleh diganti dengan mudah, PIDM telah mewujudkan campuran polisi dan amalan untuk mengekalkan keupayaan sumber manusia utama. PIDM turut berusaha untuk beralih kepada satu persekitaran di mana pewajaran kaedah pembelajaran akan lebih cenderung kepada latihan yang kurang formal dan lebih kepada pembelajaran dalam perkhidmatan. Kami juga sedang berusaha untuk menyediakan persekitaran di mana kakitangan akan menambah baik dan menyesuaikan kemahiran secara berterusan. Rujuk organisasi pembelajaran di halaman 71.

Pada tahun 2019, fokus utama penilaian kami tentang kemampuan modal insan adalah untuk menentukan sama ada modal insan kami dimanfaatkan secara efisien bagi jangka sederhana ke jangka panjang untuk mencapai okjektif utama dan mandat PIDM. Pengstrukturan semula dilakukan mengikut keperluan. Pelan latihan dan pembangunan individu diwujudkan untuk mempertingkatkan atau menambah kemahiran dan kepakaran sedia ada berdasarkan keperluan organisasi.

Kajian kemahiran dan potensi serta pembangunan tenaga kerja

"Perancangan penggantian dan pembangunan kepimpinan saling berhubung kait kerana berkongsi tujuan asas dan penting: memperolehi kemahiran yang sesuai di mana perlu."[1]

Purata tempoh latihan setiap kakitangan



Jenis latihan yang dihadiri oleh kakitangan

Pada tahun 2019, kami menyempurnakan kajian kemahiran dan potensi untuk memastikan kepimpinan yang memadai dan menanda aras keperluan teknikal bagi kemampanan PIDM untuk jangka panjang. Satu peralatan matriks digunakan dalam konsultasi dengan penyelia yang relevan untuk menilai potensi dan prestasi kakitangan.

Melangkah ke Hadapan

- Susulan kajian kemahiran dan potensi, kami akan membangunkan tenaga kerja yang berpotensi.
- Menjelang tahun 2020, kami akan melaksanakan satu program kepimpinan bagi tenaga kerja yang dikenal pasti.
- Kami akan mengkaji semula keberkesanan program kepimpinan untuk para pemimpin sedia ada pada tahun 2021.

[1] *"SUCCESSION PLANNING - Developing Your Leadership Pipeline", oleh Jay A. Conger, Robert M. Fulmer; Terbitan Disember 2003 Harvard Business Review. https://hbr.org/2003/12/developing-your-leadership-pipeline*

Organisasi pembelajaran

Dalam jangka masa panjang, kami melihat pembelajaran korporat, dirangkumkan ke dalam satu persekitaran yang menyokong pembelajaran dalam perkhidmatan, sebagai langkah yang paling efektif untuk memastikan kemampanan dan kejayaan PIDM. Ini bererti, kami lebih menekankan pembelajaran tidak formal yang berstruktur daripada pembelajaran tidak formal yang rasmi. Program-program ini termasuk latihan, peralatan sokongan prestasi, dan kajian semula pasca-tindakan. Dalam erti kata lain, kami merancang untuk mewujudkan program yang mempunyai isi kandungan bagi membantu kakitangan belajar dengan lebih cepat dalam perkhidmatan. Oleh itu, kami telah membangunkan program latihan dengan isi kandungan yang mudah diguna pakai, dan mudah didapati sekiranya perlu. Untuk mencapai tujuan ini, apa yang diperlukan adalah kepimpinan yang menyokong organisasi pembelajaran, persekitaran yang menggalakkan kakitangan menyuarakan pendapat serta proses yang direka bentuk untuk membolehkan penguasaan, pemerolehan dan pemindahan pengetahuan.

Pada November 2019, kami menjalankan satu tinjauan organisasi pembelajaran berdasarkan tinjauan Organisasi Pembelajaran Harvard (Harvard LO Survey).[2] Objektif tinjauan ini adalah untuk meninjau persepsi kakitangan tentang sejauh mana PIDM berfungsi sebagai organisasi pembelajaran, berdasarkan tiga komponen: (a) persekitaran yang menyokong pembelajaran; (b) amalan dan proses pembelajaran yang konkrit; dan (c) kepimpinan yang menggalakkan proses pembelajaran.

Berikut adalah ringkasan hasil tinjauan:



Keputusan tinjauan organisasi pembelajaran PIDM 2019

Kami telah menanda aras keputusan tinjauan terhadap penanda aras Tinjauan Organisasi Pembelajaran Harvard,[3] dan keputusan tinjauan adalah seperti berikut:

- Skor terendah Asas Organisasi Pembelajaran adalah **'Komposit Persekitaran Pembelajaran'** yang memperoleh skor purata sebanyak **61.22%**. Ia terletak di antara Kuartil Terendah dan Kuartil Kedua dan berada di bawah sasaran Median (71%).
- **'Komposit Proses Pembelajaran'** memperolehi skor **67.05%** dan berada dalam Kuartil Kedua yang berada di bawah sasaran Median (74%).
- Asas Organisasi Pembelajaran dengan skor tertinggi adalah **'Kepimpinan yang Mengukuhkan Pembelajaran'** sebanyak **74.87%**. Ia berada dalam lingkungan lebih tinggi Kuartil Kedua tetapi masih berada di bawah sasaran Kuartil Ketiga (77% - 82%).

[2] *Garvin, D. Edmondson, A., and Gino, F. (2008)*
[3] *Jajaran bagi skor penanda aras Tinjauan Organisasi Pembelajaran Harvard adalah seperti berikut: Kuartil Terendah => Kuartil Kedua => Median => Kuartil Ketiga => Kuartil Utama*

Dari perspektif penghasilan, pemerolehan dan pemindahan ilmu pengetahuan, kami telah mencapai kemajuan seperti berikut:



Kurikulum PIDM

Modul teras

Modul teras PIDM telah disempurnakan dan dilaksanakan. Semua kakitangan mengambil bahagian dalam kursus ini (latihan bilik darjah dan e-pembelajaran). Modul teras ini bertujuan untuk memastikan semua kakitangan mempunyai kefahaman yang mencukupi mengenai PIDM, ciri-ciri reka bentuk sistemnya, dan bagaimana PIDM menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Topik-topik yang termasuk dalam modul teras adalah mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit, Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, penilaian risiko dan resolusi. Pada tahun 2019, 100% daripada kakitangan kami lulus ujian penilaian tentang modul teras. Modul teras akan digabungkan ke dalam proses induksi untuk semua kakitangan baharu.

Modul kepimpinan

Modul kepimpinan bagi pengurusan kanan PIDM telah dilaksanakan pada Disember 2019.

Tacit knowledge management plan

Kami juga telah memuktamadkan *tacit knowledge management plan*.

Pengesan kepakaran

Pengesan kepakaran (*expertise locator*) adalah satu pangkalan data yang membantu pengenalpastian pakar tentang subjek yang relevan untuk menggalakkan kerjasama antara bahagian dan memaksimumkan penggunaan tenaga kerja dan kemahiran dalaman PIDM. Ini telah disempurnakan pada tahun 2019.

Melangkah ke Hadapan

- Kami akan memulakan pembangunan modul lanjutan (topik teknikal) menjelang tahun 2020.
- Kami akan mengkaji semula keputusan tinjauan organisasi pembelajaran dan melaksanakan inisiatif untuk memperkukuhkan budaya pembelajaran.

Tadbir Urus dan Pengurusan:
Kecemerlangan Operasi

Penyata Objektif 5:
Meneruskan pelaksanaan kecemerlangan operasi dan mengguna pakai amalan terbaik dalam tadbir urus

Pengelolaan kewangan berhemat

Pada tahun 2019, pendapatan dan pulangan pelaburan kami menunjukkan trend yang stabil dan dapat terus menyokong perbelanjaan operasi kami. Perbelanjaan operasi kami yang stabil adalah kerana kebanyakan infrastruktur operasi utama kami telah dibangunkan.

Rujuk Ulasan Kewangan di halaman 75 hingga 88.

Jumlah Bajet Perbelanjaan Operasi berbanding Perbelanjaan Sebenar dan Pendapatan Pelaburan



Melangkah ke Hadapan

- Kami akan terus mengamalkan pengurusan kewangan berhemat.

Portal industri

Portal industri, iaitu satu kemudahan layan diri untuk pengemukaan data dan maklumat dalam talian telah dilancarkan kepada institusi ahli pada 1 April 2019. Sebelum pelancaran portal industri ini, institusi ahli membuat pengemukaan melalui salinan cetak.

Pada tahun 2019, institusi ahli mengemukakan maklumat tahunan berikut melalui portal industri:

- Bank ahli: Sistem Premium Berbeza, Pulangan Jumlah Deposit yang Diinsuranskan, dan Sistem dan pengemukaan Maklumat Deposit.
- Ahli penginsurans: Sistem Levi Berbeza atau Sistem Levi Berbeza bagi Pengendali Takaful, dan Pulangan Pengiraan Levi.

Melangkah ke Hadapan

- Kami akan menambah baik ciri-ciri dan fungsi portal industri.

Tadbir urus Syariah

Pada tahun 2019, kami memuktamadkan pengaturan tadbir urus Syariah kami.

Kami memastikan kepakaran yang mencukupi dalam fungsi audit dalaman kami untuk mengawasi pematuhan Syariah. Kami juga telah mambangunkan keperluan semakan semula dan audit dalaman Syariah kami untuk mengukuhkan lagi fungsi pematuhan Syariah.

Kami juga sedang membangunkan kepakaran Syariah untuk memastikan bahawa risiko pematuhan Syariah dan isu-isu utama yang berkaitan dengan perancangan resolusi dapat dikenal pasti dan ditangani.

Melangkah ke Hadapan

- Menjalankan kajian semula ke atas keberkesanan pengaturan tadbir urus Syariah pada tahun 2021.

ULASAN KEWANGAN

KEPUTUSAN OPERASI

	2019 *Sebenar*	2019 *Bajet*	2018 *Sebenar*	Varians *Sebenar*
	RM'000	RM'000	RM'000	%
Hasil premium dan levi	458,443	496,000	468,179	(2)
Pendapatan pelaburan dan pulangan	148,394	144,800	120,292	23
Pendapatan lain	47	–	–	–
Jumlah pendapatan	**606,884**	**640,800**	**588,471**	**3**
Perbelanjaan pengurusan modal insan	68,537	68,800	64,544	(6)
Perbelanjaan operasi dan pentadbiran	24,054	25,460	23,637	(2)
Perbelanjaan berkaitan inisiatif	9,277	12,740	12,037	23
Jumlah perbelanjaan	**101,868**	**107,000**	**100,218**	**(2)**
Lebihan bersih bagi tahun semasa:	**505,016**	**533,800**	**488,253**	**3**
Pengukuran semula Rancangan Persaraan Jangka Panjang	(273)	–	113	(342)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	**504,743**	**533,800**	**488,366**	**3**

Trend pendapatan



Trend perbelanjaan operasi



PERBELANJAAN MODAL

	2019 *Sebenar*	2019 *Bajet*	2018 *Sebenar*	Varians *Sebenar*
	RM'000	RM'000	RM'000	%
Perabot, kelengkapan dan ubah suai pejabat	105	300	95	(11)
Peralatan pejabat dan sistem komputer	2,678	3,700	2,594	(3)
Kenderaan motor	–	–	188	100
Jumlah perbelanjaan modal	**2,783**	**4,000**	**2,877**	**3**

PRESTASI KEWANGAN 2019

Biaya diri operasi (pendapatan pelaburan dan pulangan berbanding perbelanjaan operasi)



Pada tahun 2019, pendapatan pelaburan dan pulangan terus menampung perbelanjaan operasi kami, yang berada pada trend yang stabil.

Sejak tahun 2018, semua premium dan levi yang diterima daripada institusi ahli menyumbang terus kepada Kumpulan Dana Perlindungan. Kami menjangkakan ini akan berterusan sepanjang tempoh perancangan tiga tahun kami. Perbelanjaan operasi kami kekal stabil kerana infrastuktur operasi utama kami telah dibangunkan dan kami terus mengurus dan mengawal perbelanjaan operasi harian kami dengan efektif.

Pendapatan keseluruhan kami berjumlah RM606.9 juta, peningkatan sebanyak RM18.4 juta atau 3.1% berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, perbelanjaan operasi berjumlah RM101.9 juta, iaitu sedikit peningkatan sebanyak RM1.7 juta atau 1.7% dari tahun 2018. lanya juga RM5.1 juta atau 4.8% lebih rendah berbanding bajet. Kami terus mengamalkan pengurusan kewangan berhemat dalam menjalankan operasi dan inisiatif-inisiatif utama kami.

Pada tahun 2019, lebihan bersih kami semakin meningkat iaitu dalam lingkungan RM0.5 bilion. Melangkah ke hadapan, kami menjangka tahap pertumbuhan dana akan meningkat sejajar dengan peningkatan pendapatan pelaburan dan pulangan, serta trend perbelanjaan operasi yang stabil.

Trend kewangan utama



JUMLAH PENDAPATAN – PERTUMBUHAN PENDAPATAN YANG MAPAN

Jumlah pendapatan



Termasuk Pendapatan Lain sebanyak RM47,000

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, kami mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM606.9 juta, peningkatan sebanyak RM18.4 juta atau 3.1% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan pendapatan pelaburan dan pulangan yang lebih tinggi oleh kerana kadar pulangan lebih tinggi daripada instrumen yang dilaburkan serta saiz dana yang lebih besar untuk pelaburan. Ini diimbangi oleh premium diterima yang lebih rendah daripada bank ahli.

Analisis pendapatan

Premium dan levi – insentif untuk pengurusan risiko yang kukuh

Salah satu daripada mandat kami adalah untuk menyediakan insentif kepada bank ahli dan ahli penginsurans untuk pengurusan risiko yang baik. Antara lain, kami mencapai mandat ini menerusi rangka kerja Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli dan rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi ahli penginsurans. Kedua-dua rangka kerja ini menyediakan insentif untuk institusi ahli bagi mempertingkatkan amalan pengurusan risiko mereka dan meminimumkan pengambilan risiko berlebihan. Institusi ahli yang mempunyai profil risiko yang lebih rendah akan membayar premium atau levi yang lebih rendah daripada mereka yang mempunyai profil risiko yang lebih tinggi. Sistem Premium Berbeza dan Sistem Levi Berbeza juga adalah lebih saksama daripada sistem kadar rata. Kami mengkaji semula Sistem Premium Berbeza dan Sistem Levi Berbeza secara berkala untuk memastikan ianya kekal semasa dan relevan.

Premium

- Konvensional
- Islam

Levi

- Insurans Am
- Insurans Hayat
- Takaful Am
- Takaful Keluarga

Premium dan levi



Premium yang diterima pada tahun 2019 adalah sedikit rendah berbanding tahun sebelumnya berikutan penambahbaikan pengkategorian dalam Sistem Premium Berbeza bagi beberapa bank ahli di samping pertumbuhan yang mapan bagi Jumlah Deposit Diinsuranskan.

Levi yang diterima daripada ahli penginsurans adalah lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya berikutan kemerosotan dalam kategori levi bagi beberapa ahli penginsurans, selaras dengan aliran pertumbuhan liabiliti penilaian aktuari serta premium bersih dan sumbangan. Ini diimbangi dengan levi diterima yang lebih rendah daripada pengendali takaful keluarga, disebabkan oleh penambahbaikan dalam kategori levi bagi beberapa ahli takaful.

Pendapatan pelaburan dan pulangan – terjamin dan dipelihara

Falsafah pelaburan kami terus kekal konservatif, bagi tujuan untuk memelihara modal dan mengekalkan kecairan aset kewangan yang mencukupi untuk memenuhi obligasi kewangan kami apabila perlu. Objektif pelaburan kami tidak didorong oleh pulangan atas pelaburan tetapi sebaliknya berdasarkan ketersediaan instrumen pelaburan konservatif dan terjamin yang dapat memenuhi keperluan pelaburan kami. Oleh kerana instrumen pelaburan yang bersesuaian mungkin tidak selalu tersedia, kami secara proaktif menguruskan dana lebihan melalui penempatan dalam pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap untuk meminimumkan dana yang belum dilaburkan dan menjana pulangan yang munasabah sehingga instrumen pelaburan yang sesuai boleh diperolehi.

Sumber pendapatan pelaburan utama kami adalah Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia serta Terbitan Pelaburan Kerajaan (MGSII). Walau bagaimanapun, apabila dana yang dilaburkan meningkat, ketersediaan instrumen pelaburan yang sesuai dan memenuhi objektif pelaburan kami menjadi terhad. Oleh itu, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, menurut dasar pelaburan kami yang diluluskan, kami juga telah melabur dalam Sekuriti Hutang Swasta dengan penarafan AAA yang dikeluarkan oleh entiti yang berkaitan dengan Kerajaan. Kami sentiasa memantau dan menguruskan portfolio pelaburan secara proaktif untuk memastikan objektif pelaburan kami dipenuhi.

Trend pendapatan pelaburan dan pulangan serta kadar efektif pulangan purata berwajaran (KEPPB) (mengikut jenis instrumen)



Pendapatan pelaburan dan pulangan – terjamin dan dipelihara (sambungan)

Komposisi pelaburan pada 31 Disember 2019 dan 2018



Walaupun komposisi aset pelaburan dijangka kekal sama, kami menjangkakan pendapatan pelaburan dan pulangan akan terus meningkat dengan pertumbuhan saiz dana yang tersedia untuk pelaburan.

Disebalik kemudahubahan (*volatility*) dalam pasaran modal, strategi pelaburan kami membolehkan kami mengekalkan kadar efektif pulangan purata berwajaran. Strategi pelaburan ini telah dilaksanakan sejak tahun 2018 dengan pendekatan jangka panjang serta mengoptimumkan penempatan dalam pelaburan tempoh jangka panjang, mengikut parameter polisi pelaburan yang dibenarkan. Pendekatan ini diambil dengan jangkaan berlaku penurunan dalam Kadar Dasar Semalaman.

Profil matang pelaburan kami diperincikan di halaman berikut.

Profil matang pada 31 Disember 2019

Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia serta Terbitan Pelaburan Kerajaan



Sekuriti Hutang Swasta



Penempatan dalam Pasaran Wang Jangka Pendek dan Deposit Tetap



PERBELANJAAN OPERASI – MENERUSKAN PENGURUSAN KEWANGAN BERHEMAT

Perbelanjaan operasi bagi tahun 2019 berjumlah RM101.9 juta, iaitu sedikit peningkatan sebanyak RM1.7 juta atau 1.7% daripada RM100.2 juta pada tahun 2018. Ianya juga adalah RM5.1 juta atau 4.8% lebih rendah berbanding bajet.

Jumlah perbelanjaan operasi



Terdapat sedikit peningkatan di dalam perbelanjaan pengurusan modal insan, disebabkan terutamanya oleh impak sepenuhnya kos pengambilan kakitangan baharu dalam tahun 2018 dan peningkatan dalam kos insurans dan perubatan. Perbelanjaan operasi dan pentadbiran turut mencatatkan sedikit peningkatan disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan berkaitan teknologi maklumat dan juga susut nilai yang lebih tinggi untuk perbelanjaan hartanah dan peralatan. Kami terus mengamalkan pengurusan kewangan berhemat, dan mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada untuk operasi harian kami. Sementara itu, perbelanjaan berkaitan inisiatif mencatatkan penurunan hasil daripada pendekatan kos yang lebih efektif untuk inisiatif tertentu, serta pengutamaan semula inisiatif tertentu.

Perbelanjaan pengurusan modal insan

Memandangkan sifat urusan kami, kos berkaitan modal insan merupakan perbelanjaan utama, mewakili lebih kurang 67% daripada jumlah perbelanjaan operasi kami.

Sejajar dengan keutamaan strategik 'Pengurusan Modal Insan', kami terus membina keupayaan modal insan bagi kesediaan operasi dan kemampanan jangka panjang, terutama dalam bidang penilaian risiko dan resolusi. Ini boleh dilihat daripada keputusan perbelanjaan berkaitan modal insan pada tahun 2019, di mana peningkatan sebanyak RM4.0 juta atau 6.2% kos berkaitan modal insan berbanding tahun sebelumnya yang disebabkan oleh impak sepenuhnya kos pengambilan kakitangan baharu dalam tahun 2018. Tambahan pula, peningkatan kos manfaat kakitangan juga disebabkan oleh peningkatan kos insurans dan perubatan. Walaupun terdapat peningkatan keseluruhan perbelanjaan pengurusan modal insan, kos purata manfaat bagi setiap kakitangan kekal stabil.



Perbelanjaan operasi dan pentadbiran

Perbelanjaan operasi dan pentadbiran kami adalah untuk menyokong operasi harian kami. Perbelanjaan meningkat sedikit sebanyak RM0.3 juta atau 1.5% berbanding tahun sebelumnya, susulan pelaksanaan langkah-langkah untuk meningkatkan keberkesanan operasi, terutamanya dalam bidang teknologi dan telekomunikasi. Perbelanjaan susut nilai juga telah meningkat berbanding tahun sebelumnya.

Walau bagaimanapun, perbelanjaan operasi dan pentadbiran adalah RM1.5 juta atau 5.8% lebih rendah dari bajet, berikutan amalan pengurusan kewangan berhemat dan mengoptimumkan penggunaan sumber yang sedia ada dalam melaksanakan operasi harian kami.

Kos purata operasi dan pentadbiran bagi setiap kakitangan



Analisis operasi dan perbelanjaan pentadbiran terhadap pemacu kos utama, iaitu bilangan kakitangan, menunjukkan ia berada dalam trend yang stabil. Ini membuktikan penambahbaikkan berterusan kami dalam kecekapan operasi dan pengurusan perbelanjaan yang stabil. Ini juga bermakna, kami berupaya mengekalkan tahap perbelanjaan operasi yang relevan dengan mengoptimumkan sumber yang sedia ada selain memperbaiki proses untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan operasi.

Trend perbelanjaan operasi dan pentadbiran



Huraian

- Penyewaan premis pejabat dan peralatan serta kos penyelenggaraan kekal stabil, dengan sedikit pengurangan pada tahun 2019 susulan pelaksanaan pengurusan perbelanjaan yang lebih ketat.
- Perbelanjaan berkaitan teknologi maklumat menunjukkan sedikit peringkatan pada tahun 2019, disebabkan oleh peningkatan kos pembaharuan lesen dan fi sokongan Microsoft yang dipengaruhi oleh kadar pertukaran mata wang asing yang berubah. Kos telekomunikasi juga meningkat disebabkan penambahan *bandwidth* internet untuk menyokong pelaksanaan portal industri.
- Perbelanjaan pentadbiran pejabat yang terdiri daripada kos langganan, penerbitan berkala, percetakan, alat tulis, yuran profesional perunding operasi mencatatkan sedikit penurunan. Ini disebabkan oleh kos bayaran pos, perbelanjaan percetakan dan alat tulis serta perbelanjaan yuran profesional perunding yang lebih rendah pada tahun 2019.
- Peningkatan perbelanjaan operasi dan pentadbiran lain disebabkan oleh perbelanjaan susut nilai.

Perbelanjaan berkaitan inisiatif

Perbelanjaan berkaitan inisiatif adalah kos (selain daripada perbelanjaan berkaitan modal insan) khusus bagi inisiatif yang dirancang pada tahun 2019 seperti yang terkandung dalam Rancangan Korporat. Perbelanjaan tersebut dikategorikan kepada dua keutamaan strategik, iaitu 'Rejim Resolusi Efektif' dan 'Penglibatan Pemegang Kepentingan' (termasuk aktiviti berkaitan komunikasi seperti pengiklanan dan perhubungan awam).

Kami menilai semula secara berterusan pendekatan yang digunakan ketika melaksanakan inisiatif-inisiatif berkenaan dengan tumpuan kepada mengoptimumkan sumber-sumber untuk mencapai hasil terbaik. Ini membawa kepada perbelanjaan lebih rendah bagi inisiatif utama tertentu sepanjang tahun berbanding tahun-tahun sebelumnya dan juga berbanding bajet.

Analisis perbelanjaan untuk dua keutamaan strategik ini diperincikan di bawah.

Rejim Resolusi Efektif

Trend perbelanjaan kesediaan operasi dan perancangan resolusi



Huraian

- Pada tahun 2016, kami memulakan kerja-kerja awal perancangan resolusi dengan pembangunan draf rangka kerja dan garis panduan Perancangan Pemulihan dan Resolusi. Pakar bidang khusus telah dilantik bagi memastikan rangka kerja dibangunkan dan ditanda aras terhadap amalan terbaik. Pada tahun 2019, fasa utama yang berikutnya iaitu program rintis dengan bank terpilih telah dijalankan. Perbelanjaan yang lebih rendah pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah disebabkan oleh kelewatan dalam pelancaran program kepada bank perintis iaitu lewat satu suku tahun daripada yang dirancang.

- Bagi kesediaan operasi, perbelanjaan yang dikeluarkan pada tahun 2019 adalah berkaitan latihan simulasi dengan tumpuan untuk menguji kesediaan PIDM dalam melaksanakan intervensi dan resolusi kegagalan institusi ahli. Peningkatan perbelanjaan pada tahun 2019 adalah sejajar dengan fokus Rancangan Korporat 2019 - 2021 iaitu pelaksanaan latihan simulasi bagi kitaran intervensi dan resolusi kegagalan serta opsyen resolusi yang berbeza.

Penglibatan Pemegang Kepentingan

Pada tahun 2019 kami meneruskan aktiviti keterlibatan pemegang kepentingan utama. Interaksi kami dengan orang awam juga diteruskan dengan objektif (a) mewujudkan atau mengekalkan kesedaran; dan (b) membina kepercayaan dan keyakinan. Selaras dengan pelancaran program rintis perancangan resolusi bagi bank terpilih, beberapa sesi keterlibatan telah dijalankan untuk meningkatkan kefahaman industri dengan topik perancangan resolusi. Perbelanjaan berkaitan komunikasi mewakili majoriti perbelanjaan bagi perbelanjaan penglibatan pemegang kepentingan. lanya dijelaskan di bawah.

Trend perbelanjaan komunikasi



Trend perbelanjaan pengiklanan



Huraian

- Perbelanjaan pengiklanan secara amnya semakin berkurangan kerana kami telah mengkaji semula dan mempertingkatkan pendekatan kami dalam menggalakkan kesedaran awam. Antara pendekatan yang diambil termasuk mendekati segmen sasaran yang lebih khusus dan menggunakan lebih banyak saluran digital dan media sosial. Perbelanjaan pengiklanan pada tahun 2019 adalah lebih rendah disebabkan oleh pengurangan dalam perbelanjaan pengiklanan melalui saluran aliran utama seperti televisyen, radio dan cetak. Nisbah perbelanjaan pengiklanan aliran utama serta saluran digital dan media sosial berubah daripada 85:15 kepada 76:24. Walaupun perbelanjaan pengiklanan telah dikurangkan, tahap kesedaran awam PIDM terus meningkat sejak tahun 2015 dan dijangka mencapai tahap mendatar.
- Perbelanjaan perhubungan awam adalah lebih rendah daripada yang dijangkakan susulan pertimbangan dan pengutamaan semula bagi aktiviti bersama masyarakat.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Dana Perlindungan



Jumlah Dana Perlindungan pada 31 Disember 2019 berjumlah RM4.58 bilion, di mana aset berjumlah RM4.61 bilion dan liabiliti bersih berjumlah RM0.03 bilion.



Aset-aset kami kekal cair dengan aset kewangan terdiri daripada tunai, kesetaraan tunai, pelaburan dan pendapatan pelaburan serta pulangan belum terima. Semua ini berjumlah RM4.56 bilion, mewakili 98.8% daripada jumlah aset kami pada 31 Disember 2019. Baki aset bukan kewangan adalah berkaitan hartanah dan peralatan yang bernilai RM0.03 bilion dan juga RM0.02 bilion 'aset berkaitan hak penggunaan' untuk pajakan premis pejabat. Aset hartanah dan peralatan pada akhir tahun 2019 terdiri terutamanya daripada sistem teknologi maklumat.

Liabiliti kami merangkumi akaun belum bayar dan liabiliti pajakan. Liabiliti akaun belum bayar terdiri daripada akaun operasi yang belum dibayar dan peruntukan cuti yang tidak terambil dan peruntukan Rancangan Persaraan Jangka Panjang.



Butiran dalam Penyata Kedudukan Kewangan adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota kepada Penyata Kewangan.

TINJAUAN KEAHLIAN

TINJAUAN KEAHLIAN

BANK AHLI

A. Profil

42 **Bank Ahli**

26
Konvensional

RM447 bilion
Jumlah Deposit Diinsuranskan

16
Islam

RM122 bilion
Jumlah Deposit Diinsuranskan

B. Skop perlindungan deposit PIDM

Skop perlindungan deposit semasa kekal mencukupi dan adalah selaras dengan Core Principles for Effective Deposit Insurance Systems oleh IADI.

Sistem Insurans Deposit

sehingga **RM250,000**
bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli

Perlindungan berasingan bagi deposit Konvensional dan Islam dipegang oleh

97%
jumlah pendeposit dilindungi sepenuhnya

Jumlah pendeposit

87%
jumlah deposit boleh diinsuranskan

28%
jumlah deposit diinsuranskan penuh



Boleh diinsuranskan Tidak boleh diinsuranskan

Jumlah deposit

Sumber: PIDM

Nota: Deposit tidak boleh diinsuranskan merujuk kepada produk kewangan yang tidak layak untuk perlindungan

C. Penilaian ke atas keselamatan dan kekukuhan

Asas bank ahli tetap kukuh.

Kualiti aset tetap utuh, seperti yang ditunjukkan oleh nisbah pinjaman terjejas nilai yang rendah dan paras peruntukan yang baik. Pertumbuhan pinjaman lebih rendah, selaras dengan permintaan pinjaman yang lebih perlahan.



Keuntungan kekal mapan walaupun terdapat tekanan pada margin. Petunjuk pendapatan teras menunjukkan trend yang menggalakkan.



Kedudukan pendanaan yang kukuh, walaupun pertumbuhan deposit adalah sederhana. Keadaan mudah tunai berada pada tahap yang selesa.



Kedudukan modal yang kukuh, dengan penampan modal yang mencukupi untuk menahan kemungkinan kejutan negatif.



Sumber: PIDM, BNM

Nota: Mulai tahun 2018, data agregat untuk bank ahli merangkumi data daripada entiti gabungan sebuah bank ahli dan sebuah bank bukan ahli

D. Insentif pengurusan risiko wajar

Pengukuhan berkala rangka kerja Sistem Premium Berbeza untuk memberi insentif kepada amalan pengurusan risiko wajar dan meminimumkan pengambilan risiko berlebihan.

2008	2011	2015	2018
Pelaksanaan Sistem Premium Berbeza	Semakan semula Kriteria Kualiti Aset dan Penumpuan Aset serta penyingkiran Kriteria Kecekapan	Menerima pakai Pendekatan Matriks	Semakan semula rangka kerja Sistem Premium Berbeza untuk mencerminkan pengukuhan Kriteria Profil Pendanaan

E. Pendanaan ex-ante PIDM

Premium yang lebih rendah dikumpulkan, mencerminkan profil risiko bank ahli yang bertambah baik dalam Tahun Taksiran 2019 (kedudukan akhir tahun 2018). Tiada kenaikan kadar premium untuk Tahun Taksiran 2019.



Sumber: PIDM

PIDM dijangka dapat mencapai jajaran rendah tahap dana sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit sebagaimana yang disasarkan.

Trend Kumpulan Dana Insurans Deposit



0.6% hingga 0.9%
daripada Jumlah Deposit Diinsuranskan

Jajaran dana sasaran

3 hingga 7 tahun

Masa-capaian-dana

Sumber: PIDM

Rujuk Rujukan Teknikal mengenai Dana Sasaran di halaman 175.

F. Jangkaan masa hadapan

Bank ahli tetap berdaya tahan, dengan penampan yang mencukupi untuk menghadapi kemungkinan cabaran.

Perkembangan industri

- Kemungkinan peningkatan kos kredit ekoran daripada tekanan pinjaman terjejas nilai yang dijangka berlaku dalam segmen pinjaman tertentu. Kesan keseluruhan ke atas bank ahli akan kekal boleh diurus.
- Kemunculan semula persaingan untuk pendanaan, cabaran dalam pertumbuhan pinjaman dan pemotongan kadar dasar kebelakangan ini boleh memberi tekanan kepada margin bank ahli.
- Bank-bank digital dijangka akan menambah kepada dinamik landskap perbankan semasa.

Persekitaraan luaran

- Kami sedia maklum akan peningkatan risiko kepada ekonomi domestik, dan akan menilai implikasinya terhadap bank-bank ahli secara berterusan.
- Kami akan mengawasi prestasi dan kemungkinan tekanan pada kualiti aset subsidiari dan cawangan bank ahli yang beroperasi di negara Asia.

Perkembangan kawal selia

- Pelaksanaan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (*Net Stable Funding Ratio*) Basel III akan menggalakkan bank ahli untuk mengekalkan profil pendanaan yang stabil bagi menyokong aset dan aktiviti luar kunci kira-kira.
- Rangka kerja Domestic Systemically Important Banks (D-SIB) yang diperkenalkan baru-baru ini, yang memerlukan D-SIB menyediakan penampan modal tambahan bermula pada 31 Januari 2021, akan menyumbang kepada peningkatan kapasiti menampung kerugian dan mengurangkan impak kegagalan bank yang 'too-big-to-fail'.

AHLI PENGINSURANS

A. Profil

50 **Ahli Penginsurans**



21 Syarikat Insurans Am
RM17.2 bilion Liabiliti Insurans

14 Syarikat Insurans Hayat
RM136.6 bilion Liabiliti Penilaian Aktuari

4 Pengendali Takaful Am
RM2.4 bilion Liabiliti Takaful

11 Pengendali Takaful Keluarga
RM18.9 bilion Liabiliti Penilaian Aktuari

B. Skop perlindungan PIDM ke atas manfaat insurans

Skop perlindungan takaful dan insurans semasa adalah mencukupi untuk melindungi sebahagian besar majoriti pemilik sijil takaful dan polisi insurans sepenuhnya.

Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

sehingga **RM500,000** untuk manfaat takaful dan insurans bagi setiap ahli penginsurans

Perlindungan berasingan bagi Sijil Takaful dan Polisi Insurans dipegang oleh

Individu | Kumpulan

dan tuntutan untuk

Diri sendiri | Pihak ketiga

99% pemilik sijil takaful dan polisi insurans dilindungi sepenuhnya



Dilindungi sepenuhnya | Dilindungi sebahagiannya

Insurans hayat dan takaful keluarga



96% pemilik sijil takaful dan polisi insurans dilindungi sepenuhnya

Dilindungi sepenuhnya | Dilindungi sebahagiannya

Insurans am dan takaful am

Sumber: Kaji selidik PIDM

C. Penilaian ke atas keselamatan dan kekukuhan

Ahli penginsurans berdaya tahan sepanjang tahun 2019 walaupun persekitaran operasi adalah mencabar.

Trend premium atau sumbangan kasar kekal stabil dengan tanda-tanda pemulihan dalam kelas perniagaan tertentu



Pertumbuhan premium atau sumbangan bersih yang sihat sejajar dengan perniagaan baharu yang lebih baik



Kedudukan modal kekal mencukupi untuk menyokong kemampanan perniagaan baharu dan menghadapi kemungkinan kejutan



Sumber: PIDM, BNM

D. Insentif pengurusan risiko wajar

Kajian semula rangka kerja Sistem Levi Berbeza secara berkala untuk memberi insentif kepada amalan pengurusan risiko wajar dan meminimumkan pengambilan risiko berlebihan.

2011	2013	2016	2018	2019
Levi pada kadar rata	Pelaksanaan rangka kerja Sistem Levi Berbeza	Pelaksanaan rangka kerja Sistem Levi Berbeza untuk Pengendali Takaful Pengukuhan pertama rangka kerja Sistem Levi Berbeza • Petunjuk disemak semula • Semakan semula kadar levi insurans am	Pengukuhan kedua rangka kerja Sistem Levi Berbeza dan rangka kerja Sistem Levi Berbeza untuk Pengendali Takaful	Menyempurnakan perundingan mengenai rangka kerja Sistem Levi Berbeza (pelaksanaan dijangka pada Tahun Taksiran 2020) Perundingan mengenai rangka kerja Sistem Levi Berbeza untuk Pengendali Takaful (sedang dijalankan)

E. Pendanaan ex-ante PIDM

Pertumbuhan levi adalah selaras dengan pertumbuhan premium atau sumbangan dan pertumbuhan liabiliti dalam Tahun Taksiran 2019. Tiada kenaikan kadar levi untuk Tahun Taksiran 2019.





Dengan prestasi keseluruhan ahli penginsurans yang kukuh dalam Tahun Taksiran 2019, kami dijangka dapat mencapai jajaran rendah tahap dana sasaran semasa untuk Dana Perlindungan Insurans Hayat, Dana Perlindungan Takaful Am dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga, sebagaimana yang disasarkan.

Dilaksanakan	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Tahap Dana Sasaran	Tahap Semasa	Masa-Capaian-Dana
2015	Dana Perlindungan Insurans Am	80% - 100% daripada Jumlah Jangkaan Kerugian Bersih	Tercapai	–
2016	Dana Perlindungan Insurans Hayat	0.4% - 0.6% daripada Jumlah Liabiliti Penilaian Aktuari	0.31%	3 - 6 tahun
2018	Dana Perlindungan Takaful Am	2.8% - 3.3% daripada Jumlah Liabiliti Takaful Am	1.29%	8 - 9 tahun
	Dana Perlindungan Takaful Keluarga	1.0% - 1.5% daripada Jumlah Liabiliti Takaful Keluarga	0.35%	10 - 13 tahun

Rujuk Rujukan Teknikal mengenai Dana Sasaran di halaman 175.

F. Jangkaan masa hadapan

Ahli penginsurans akan terus meningkatkan kecekapan operasi dan mendorong inovasi bersandarkan peningkatan tahap persaingan dan persekitaran operasi yang semakin berubah.

Perkembangan kawal selia

- Inisiatif yang berterusan di bawah Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga yang memberi lebih tumpuan kepada penyediaan produk yang lebih mudah diakses dan lebih mampu milik.
- Penambahbaikan kepada keperluan penilaian liabiliti insurans dan takaful sebagai sebahagian daripada kajian menyeluruh bagi rangka kerja kecukupan modal.
- Kajian pelbagai pihak untuk membangunkan cadangan bagi liberalisasi insurans motor dan kebakaran untuk fasa seterusnya oleh BNM bersama persatuan industri.

Perkembangan industri

- Inovasi teknologi baharu, daripada digitalisasi kepada kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) akan terus mengubah landskap industri dan memerlukan transformasi model perniagaan, perkongsian baharu dan peningkatan modal insan.

PROSPEK

Pada tahun 2020, masih terdapat risiko yang mungkin menjejaskan pertumbuhan ekonomi global. Ketidaktentuan yang disebabkan oleh peristiwa seperti perundingan perdagangan, penularan wabak COVID-19 dan risiko geopolitik dijangka memberi kesan ketara kepada kemudahubahan (*volatility*) pasaran kewangan. Sebahagian daripada peristiwa-peristiwa ini, termasuk perkembangan domestik terkini yang masih berterusan dan penularan wabak COVID-19 akan terus membawa cabaran kepada masa hadapan ekonomi Malaysia melainkan ia dapat diselesaikan dengan segera. Kesan ekonomi yang akan timbul bergantung kepada pelbagai faktor, termasuk dan tidak terhad kepada, tempoh penularan wabak COVID-19 dan pembendungannya serta kesudahan perkembangan domestik terkini.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi akan disokong oleh perbelanjaan berterusan sektor swasta manakala institusi ahli kekal memiliki penampan modal yang mencukupi untuk menghadapi kemungkinan cabaran. Kami akan terus memantau kesemua kemungkinan yang akan mencabar perkembangan ekonomi negara dan risikonya ke atas institusi ahli.

Pada tahun 2020 - 2022, kami akan terus menambah baik kesediaan operasi kami untuk mengambil tindakan intervensi dan resolusi dengan segera sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli. Ini juga merupakan salah satu keutamaan strategik kami, bagi mencapai Rejim Resolusi Efektif untuk Malaysia. Rujuk Bahagian Strategi dan Ringkasan Rancangan Korporat di www.pidm.gov.my untuk butiran lanjut mengenai inisiatif korporat kami.

PENYATA KEWANGAN

Laporan Lembaga Pengarah
Pernyataan Pengarah
Akuan Berkanun
Sijil Ketua Audit Negara
Penyata Kedudukan Kewangan
Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain
Penyata Perubahan dalam Kumpulan Dana dan Rizab
Penyata Aliran Tunai
Nota kepada Penyata Kewangan

100 LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

Dengan ini, para Pengarah membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

AKTIVITI UTAMA

PIDM ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan untuk mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. PIDM tertakluk kepada peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM).

Sistem Insurans Deposit menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit yang ditanggung oleh bank ahli manakala Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans yang ditanggung oleh ahli penginsurans. Selain itu, PIDM juga menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang utuh serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. PIDM ialah badan resolusi bagi semua institusi ahli dan mempunyai kuasa intervensi dan resolusi kegagalan yang luas. PIDM juga melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk memastikan sebarang kemusykilan berkenaan perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera.

Akta PIDM menyediakan perlindungan berasingan bagi:

i. deposit Islam dan konvensional; dan

ii. manfaat dilindungi yang berkaitan dengan insurans am, insurans hayat, takaful am dan takaful keluarga.

Bagi memastikan tadbir urus yang baik dan mematuhi keperluan Syariah, PIDM menyenggara dan mentadbir dua Dana Perlindungan berasingan bagi deposit Islam dan konvensional yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Insurans Deposit serta empat Dana Perlindungan berasingan bagi setiap segmen urusan dalam Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Tiada percampuran dana di antara Dana Perlindungan yang berasingan tersebut.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	2019 RM'000	2018 RM'000
Jumlah Pendapatan Komprehensif bagi tahun kewangan:		
Kumpulan Dana Insurans Deposit	**373,803**	373,163
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	**130,940**	115,203
	504,743	488,366

Tiada pindahan ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain daripada yang dinyatakan dalam Penyata Perubahan dalam Kumpulan Dana dan Rizab.

Para Pengarah berpendapat bahawa hasil operasi PIDM bagi tahun kewangan ini tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau kejadian penting dan luar biasa.

Jumlah Dana Perlindungan terkumpul pada akhir tahun kewangan ialah:

	2019 RM'000	2018 RM'000
Kumpulan Dana Insurans Deposit:		
Dana Insurans Deposit Konvensional	**2,267,355**	1,978,991
Dana Insurans Deposit Islam	**503,437**	417,998
Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit	**2,770,792**	2,396,989
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans:		
Dana Perlindungan Insurans Am	**1,294,811**	1,253,455
Dana Perlindungan Insurans Hayat	**422,698**	346,341
Dana Perlindungan Takaful Am	**28,233**	25,761
Dana Perlindungan Takaful Keluarga	**67,042**	56,287
Jumlah Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	**1,812,784**	1,681,844

PARA PENGARAH

Nama para Pengarah PIDM yang berkhidmat dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 ialah:

- Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff (Pengerusi)
- Tan Sri Ahmad Badri bin Mohd Zahir
- Datuk Nor Shamsiah binti Mohd Yunus
- Tan Sri Dr. Ismail bin Bakar
- Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood
- Dato' Dr. Gan Wee Beng
- Alex Foong Soo Hah
- Gloria Goh Ewe Gim
- Datuk Dr. Yacob bin Mustafa (dilantik pada 1 November 2019)
- Datuk Saat bin Esa (bersara pada 30 Oktober 2019)

Tan Sri Ahmad Badri bin Mohd Zahir dan Datuk Nor Shamsiah binti Mohd Yunus adalah Pengarah *ex officio* atas dasar jawatan mereka, menurut subseksyen 11(2) Akta PIDM. Selain daripada Pengarah *ex officio*, ahli Lembaga Pengarah PIDM telah dilantik oleh Menteri Kewangan mengikut subseksyen 11(2) Akta PIDM.

MANFAAT PENGARAH

Tidak wujud pada akhir tahun kewangan, mahupun sepanjang tahun kewangan, sebarang pengaturan yang melibatkan PIDM, di mana para Pengarah berkemungkinan menerima apa-apa manfaat menerusi perolehan saham atau debentur mana-mana badan korporat yang lain.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada Pengarah yang telah menerima atau layak untuk menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat daripada emolumen diterima atau berbayar kepada para Pengarah, seperti mana dinyatakan di Nota 16 kepada penyata kewangan) atas sebab kontrak yang dibuat oleh PIDM atau perbadanan berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma yang mana Pengarah itu ialah seorang ahli atau dengan syarikat yang mana Pengarah itu memegang kepentingan kewangan yang ketara.

PENJEJASAN NILAI DAN KAEDAH PENILAIAN

Sebelum Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain serta Penyata Kedudukan Kewangan disediakan, para Pengarah telah berpuas hati bahawa pihak Pengurusan telah mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memastikan penjejasan nilai yang ketara perlu dibuat, dan para Pengarah juga tidak mengetahui akan apa-apa keadaan yang memerlukan penjejasan nilai yang perlu dibuat. Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang akan memerlukan sebarang penjejasan nilai dalam penyata kewangan PIDM.

Para Pengarah juga telah berpuas hati bahawa pihak Pengurusan telah mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi menentukan nilai-nilai aset dan liabiliti yang dinyatakan di dalam penyata kewangan PIDM. Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang berbangkit yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada di dalam akaun PIDM mengelirukan atau tidak sesuai.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak diambil kira di dalam laporan ini atau penyata kewangan PIDM yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan ini mengelirukan.

PERKARA LUAR BIASA

Sepanjang tempoh antara tahun kewangan berakhir dengan tarikh laporan ini, hasil operasi PIDM bagi tahun kewangan semasa yang mana laporan ini disediakan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau kejadian penting dan luar biasa.

Pada tarikh laporan ini, tidak berlaku sebarang caj ke atas aset PIDM yang berbangkit sejak berakhirnya tahun kewangan ini yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain.

LIABILITI LUAR JANGKA

Pendedahan kepada kerugian

Di bawah Akta PIDM, PIDM terdedah kepada kerugian akibat menginsuranskan deposit di bawah Sistem Insurans Deposit serta polisi insurans dan sijil takaful di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Bagaimanapun, pendedahan ini tidak boleh ditentukan atau dianggarkan dengan sebarang kadar penerimaan yang boleh diyakini.

Sepanjang tahun semasa, tiada kejadian berlaku yang memerlukan PIDM membuat peruntukan khusus di dalam penyata kewangan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards* – MFRS) 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Sebagai sebahagian daripada mandat, PIDM melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerjasama rapat dengan badan kawal selia untuk memastikan sebarang kemusykilan berkenaan perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera.

Jika suatu institusi ahli dianggap tidak berdaya maju oleh badan kawal selia, PIDM diberi mandat dan mempunyai kuasa yang perlu untuk campur tangan dan menyelesaikan institusi ahli dengan cara yang meminimumkan kerugian kepada sistem kewangan.

Meskipun peruntukan tidak dicatatkan melainkan kejadian tertentu berlaku, PIDM terus meningkatkan rizab di dalam setiap Dana Perlindungan menerusi pengumpulan lebihan bersih operasi tahunan daripada aktiviti-aktiviti operasi.

Lebihan terkumpul disimpan di dalam setiap Dana Perlindungan bagi memenuhi obligasi untuk menampung kerugian bersih apabila berlaku. Seperti yang dibincangkan di Nota 12(a) dan (b) dalam penyata kewangan, PIDM telah menubuhkan rangka kerja Dana Sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Dana Sasaran bagi Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dan menyediakan tahap dana yang mencukupi untuk memenuhi kerugian bersih yang dijangka daripada aktiviti-aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan.

Sekiranya sesuatu Dana Perlindungan tersebut tidak mencukupi bagi memenuhi obligasinya, PIDM, sebagai sebuah badan berkanun, mempunyai kuasa untuk meminjam daripada Kerajaan atau menerbitkan sekuriti hutang awam bagi mengumpul Dana serta mentaksir dan mengenakan premium atau levi yang lebih tinggi bagi Dana Perlindungan dengan kelulusan Menteri Kewangan.

Pendedahan Operasi

Pada tahun 2018, kontraktor utama yang bertanggungjawab terhadap pembinaan pusat pemulihan bencana PIDM telah membuat tuntutan terhadap PIDM melalui prosiding timbang tara. PIDM telah memfailkan kes pembelaan dan membuat tuntutan balas terhadap kontraktor utama tersebut. Pendedahan tuntutan terhadap PIDM adalah kira-kira RM1.2 juta. Pada tahun kewangan 2019, perbicaraan timbang tara telah selesai. Namun begitu, sehingga 31 Disember 2019, keputusan bagi prosiding timbang tara masih belum diperolehi. Selepas mengambil kira nasihat yang sewajarnya daripada penasihat undang-undang, walaupun berkemungkinan tuntutan tersebut boleh berjaya, kebarangkaliannya masih rendah. Oleh itu, tiada peruntukan telah dibuat di dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

Lain-lain liabiliti luar jangka

Berdasarkan pernyataan yang dibuat oleh pihak Pengurusan, para Pengarah berpendapat bahawa selain daripada pendedahan kepada kerugian yang dibincangkan di atas, tidak wujud:

(i) sebarang liabiliti luar jangka selepas berakhirnya tahun kewangan; dan

(ii) sebarang liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah berkuat kuasa atau berkemungkinan akan berkuat kuasa dalam tempoh 12 bulan selepas berakhir tahun kewangan ini, yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan PIDM untuk memenuhi obligasinya apabila tiba masanya.

PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

PIDM telah memperbadankan lima subsidiari sebagai sebahagian daripada usaha PIDM bagi memastikan kesediaan operasi untuk melaksanakan sebarang aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Menurut seksyen 10, Akta PIDM, PIDM boleh menubuhkan subsidiari sekiranya perlu bagi menjalankan fungsi, kuasa dan obligasinya. Subsidiari tersebut diperbadankan awal sebagai sebahagian daripada kesediaan operasi PIDM sebelum berlakunya sebarang kegagalan institusi ahli, dan oleh itu akan kekal dorman sehingga diaktifkan untuk pelaksanaan aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan yang perlu. Asas perakaunan serta butiran subsidiari-subsidiari dihuraikan dengan lanjut di Nota 2.2 (b), Nota 3.1 (a) dan Nota 7 kepada penyata kewangan.

TANGGUNGJAWAB BAGI PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Dalam memberikan pendapat berhubung penyata kewangan, para Pengarah telah bergantung kepada pernyataan Pengurusan mengenai proses dan sistem kawalan dalaman serta fungsi audit dalaman dan luaran yang direka bagi memastikan bahawa:

(i) penyata kewangan PIDM telah disediakan mengikut Akta PIDM dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards* – MFRS) dan mematuhi Piawaian Pelaporan Piawaian Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards* – IFRS) yang berkenaan, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan PIDM pada 31 Disember 2019, hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan

(ii) Dana Insurans Deposit Islam serta Dana-dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah, seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

JURUAUDIT

Menurut Akta PIDM, akaun PIDM diaudit oleh Ketua Audit Negara Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi yang telah diluluskan oleh para Pengarah

Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff
Pengerusi Lembaga Pengarah

Ms. Gloria Goh Ewe Gim
Pengerusi Jawatankuasa Audit

Kuala Lumpur
28 Februari 2020

PERNYATAAN PENGARAH

Kami, Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff dan Gloria Goh Ewe Gim, dua daripada Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan telah disediakan dan dibentangkan mengikut Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM) dan *Malaysian Financial Reporting Standards* dan mematuhi *International Financial Reporting Standards* yang berkenaan, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai hal ehwal PIDM pada 31 Disember 2019, hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Para Pengarah juga berpendapat bahawa Dana Insurans Deposit Islam serta Dana-dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi yang telah diluluskan oleh para Pengarah

Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff
Pengerusi Lembaga Pengarah

Ms. Gloria Goh Ewe Gim
Pengerusi Jawatankuasa Audit

Kuala Lumpur
28 Februari 2020

AKUAN BERKANUN OLEH PIHAK PENGURUSAN BERHUBUNG TANGGUNGJAWAB PELAPORAN KEWANGAN

Penyediaan penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan maklumat berhubung penyata kewangan ini adalah tanggungjawab pihak Pengurusan. Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM) dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards* – MFRS) dan mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Antrabangsa (*International Financial Reporting Standards* – IFRS) yang berkenaan, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan PIDM pada 31 Disember 2019, hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Dana Insurans Deposit Islam serta Dana-dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya bagi memastikan integriti dan kesaksamaan penyata kewangan, pihak Pengurusan menyenggara sistem kawalan dan amalan kewangan dan pengurusan. Kepatuhan kepada sistem kawalan dan amalan disahkan oleh fungsi audit dalaman yang bebas yang direka untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa transaksi telah diluluskan dengan sewajarnya, aset adalah dilindungi dan rekod disenggarakan dengan teratur mengikut Akta PIDM serta Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

Penyata kewangan ini telah diaudit dengan sewajarnya oleh Ketua Audit Negara Malaysia dan hasil pengauditan telah diambil maklum dengan sewajarnya oleh pihak Pengurusan. Juruaudit mempunyai akses kepada semua dokumen dan rekod PIDM semasa melaksanakan audit. Juruaudit juga mempunyai akses kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah yang menyelia tanggungjawab pihak Pengurusan dalam menyenggara sistem kawalan dan kualiti pelaporan kewangan yang mencukupi serta mengesyorkan penyata kewangan ini kepada Lembaga Pengarah.

Penyata kewangan telah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui resolusi yang telah diluluskan pada 28 Februari 2020.

Kami, Rafiz Azuan bin Abdullah dan Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Lotfi, dua pegawai utama yang bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan PIDM, dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan, dengan sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami adalah betul dan kami membuat pengakuan ini dengan berhemat dan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh penama yang dinyatakan di atas di Kuala Lumpur pada 28 Februari 2020

Rafiz Azuan bin Abdullah
Ketua Pegawai Eksekutif

Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Lotfi
Ketua Pegawai Kewangan

Di hadapan saya,
Pesuruhjaya Sumpah

PESURUHJAYA SUMPAH
W 502
HAJI ABDUL AZIZNI
BIN ABU BAKAR
01.07.2018 - 31.12.2020
MALAYSIA

G1-1-2, Ground Floor, Menara 1 Dutamas,
Solaris Dutamas, No. 1, Jalan Dutamas 1.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Sijil Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia yang telah diaudit oleh wakil saya merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Dana dan Rizab serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 101.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta 720).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions.* Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Sijil Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta 720). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan untuk usaha berterusan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Sijil Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta 720), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang diperlukan oleh Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta 720) untuk disimpan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta 720).

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan Sijil ini.

(DR. MASIAH BINTI AHMAD)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
6 MAC 2020

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER

	Nota	**2019 RM'000**	2018 RM'000
ASET			
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	**72,179**	133,123
Pelaburan	5	**4,437,178**	3,873,567
Aset lain	6	**54,026**	44,710
Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	7	**–***	–*
Hartanah dan peralatan	8	**30,179**	36,100
Aset berkaitan hak penggunaan	9	**19,037**	23,924
Jumlah Aset		**4,612,599**	4,111,424
LIABILITI			
Akaun belum bayar	11	**8,605**	7,856
Liabiliti pajakan	10	**20,418**	24,735
Jumlah Liabiliti		**29,023**	32,591
KUMPULAN DANA DAN RIZAB			
Kumpulan Dana Insurans Deposit			
Lebihan terkumpul	12a	**2,770,792**	2,396,989
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans			
Lebihan terkumpul	12b	**1,812,784**	1,681,844
Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab		**4,583,576**	4,078,833
Jumlah Liabiliti, Kumpulan Dana dan Rizab		**4,612,599**	4,111,424

* Amaun tersebut adalah di bawah ambang nilai bundaran. Sila rujuk Nota 7 untuk butiran lanjut.

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2019 RM'000	2018 RM'000
Hasil premium dan levi	13	**458,443**	468,179
Pendapatan pelaburan serta pulangan daripada kesetaraan tunai dan sekuriti pelaburan	14	**148,394**	120,292
Pendapatan lain	8	**47**	–
Jumlah pendapatan		**606,884**	588,471
Perbelanjaan pengurusan modal insan	15	**68,537**	64,544
Perbelanjaan operasi dan pentadbiran	16	**24,054**	23,637
Perbelanjaan berkaitan inisiatif	17	**9,277**	12,037
Jumlah perbelanjaan		**101,868**	100,218
Lebihan bersih bagi tahun semasa		**505,016**	488,253
Pendapatan komprehensif lain			
Pengukuran semula Rancangan Persaraan Jangka Panjang	11ii	**(273)**	113
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	21	**504,743**	488,366

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN DANA DAN RIZAB

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT

	Nota	Dana Insurans Deposit Konvensional RM'000	Dana Insurans Deposit Islam RM'000	Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab RM'000
Lebihan terkumpul				
Pada 1 Januari 2018	12a	1,684,676	339,150	2,023,826
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		294,315	78,848	373,163
Pada 31 Disember 2018	12a	1,978,991	417,998	2,396,989
Pada 1 Januari 2019	12a	**1,978,991**	**417,998**	**2,396,989**
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		**288,364**	**85,439**	**373,803**
Pada 31 Disember 2019	12a	**2,267,355**	**503,437**	**2,770,792**

KUMPULAN DANA PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS

	Nota	Dana Perlindungan Insurans Am RM'000	Dana Perlindungan Insurans Hayat RM'000	Dana Perlindungan Takaful Am RM'000	Dana Perlindungan Takaful Keluarga RM'000	Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab RM'000
Lebihan terkumpul						
Pada 1 Januari 2018	12b	1,216,735	283,073	22,307	44,526	1,566,641
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		36,720	63,268	3,454	11,761	115,203
Pada 31 Disember 2018	12b	1,253,455	346,341	25,761	56,287	1,681,844
Pada 1 Januari 2019	12b	**1,253,455**	**346,341**	**25,761**	**56,287**	**1,681,844**
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		**41,356**	**76,357**	**2,472**	**10,755**	**130,940**
Pada 31 Disember 2019	12b	**1,294,811**	**422,698**	**28,233**	**67,042**	**1,812,784**

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2019 RM'000	2018 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Penerimaan premium dan levi daripada institusi ahli		**458,443**	468,179
Pembayaran operasi semasa kepada pembekal dan kakitangan		**(87,315)**	(89,953)
Pembayaran kos kewangan bagi pajakan	9	**(1,254)**	(1,487)
Penerimaan pendapatan pelaburan dan pulangan		**175,330**	168,191
Aliran tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi		**545,204**	544,930
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan		**1,450,596**	4,639,207
Pembelian sekuriti pelaburan		**(2,049,966)**	(5,067,377)
Hasil daripada jualan hartanah dan peralatan	8	**47**	–
Pembelian hartanah dan peralatan		**(2,406)**	(5,673)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		**(601,729)**	(433,843)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN			
Pembayaran balik prinsipal liabiliti pajakan	9	**(4,419)**	(4,127)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti kewangan		**(4,419)**	(4,127)
(Pengurangan) / peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		**(60,944)**	106,960
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		**133,123**	26,163
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	4a	**72,179**	133,123

Nota 1: Penyata Aliran Tunai menunjukkan bagaimana tunai dan kesetaraan tunai telah berubah sepanjang tempoh pelaporan di PIDM. Selaras dengan MFRS 107, aliran tunai dibahagikan kepada aliran tunai daripada aktiviti operasi dan pelaburan. Tunai dan kesetaraan tunai yang dinyatakan dalam Penyata Aliran Tunai adalah bersesuaian dengan Penyata Kedudukan Kewangan bagi butir tunai dan kesetaraan tunai. Jumlah aset cair yang tersedia bagi PIDM turut merangkumi pelaburan (diterangkan di dalam Nota 5) dan pendapatan pelaburan dan pulangan belum terima (diterangkan di dalam Nota 6). Rujuk kepada Nota 22(c) untuk maklumat lanjut mengenai pengurusan risiko kecairan PIDM.

Nota 2: Penyata Aliran Tunai yang disediakan dengan menggunakan kaedah tidak langsung dibentangkan dalam Nota 4(b) kepada penyata kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2019

1. AKTIVITI UTAMA

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan untuk mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. PIDM tertakluk kepada peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM).

Sistem Insurans Deposit menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit yang ditanggung oleh bank ahli manakala Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans yang ditanggung oleh ahli penginsurans. Selain itu, PIDM juga menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang utuh serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. PIDM ialah badan resolusi bagi semua institusi ahli dan mempunyai kuasa intervensi dan resolusi kegagalan yang luas. PIDM juga melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk memastikan sebarang kemusykilan berkenaan perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera.

Akta PIDM menyediakan perlindungan berasingan bagi:

i. deposit Islam dan konvensional; dan

ii. manfaat dilindungi yang berkaitan dengan insurans am, insurans hayat, takaful am dan takaful keluarga.

Bagi memastikan tadbir urus yang baik dan mematuhi keperluan Syariah, PIDM menyenggara dan mentadbir dua Dana Perlindungan berasingan bagi deposit Islam dan konvensional yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Insurans Deposit serta empat Dana Perlindungan berasingan bagi setiap segmen urusan dalam Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Tiada percampuran dana di antara Dana Perlindungan berasingan tersebut.

Tiada sebarang perubahan ketara berlaku terhadap aktiviti utama sepanjang tahun kewangan semasa.

Alamat pejabat PIDM ialah Aras 12, Menara Axiata, No. 9, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Lembaga Pengarah telah meluluskan Penyata Kewangan ini melalui resolusinya pada 28 Februari 2020.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan PIDM telah disediakan mengikut Akta PIDM dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysia Financial Reporting Standards* – MFRS) yang berkaitan. Penyata kewangan ini juga mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards* – IFRS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (*International Accounting Standards Board* – IASB).

Asas-asas pengukuran yang diguna pakai, dan polisi perakaunan yang digunakan bagi penyediaan penyata kewangan diterangkan di dalam Nota 2.2. Penilaian dan anggaran perakaunan ketara diterangkan di dalam Nota 3.

Penyata kewangan ini merangkumi aktiviti berhubung pentadbiran kedua-dua Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Kumpulan Dana Manfaat Takaful dan Insurans oleh PIDM. Kumpulan Dana Perlindungan Islam disenggara dan ditadbir menurut keperluan Syariah dan mematuhi Akta PIDM.

PIDM membentangkan Penyata Kedudukan Kewangan mengikut urutan kecairan. Aset kewangan dan liabiliti kewangan diimbangi dan amaun bersih dilaporkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan hanya apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi jumlah yang diiktirafkan serta terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak. Pendapatan dan perbelanjaan tidak akan diimbangi dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain melainkan jika dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana piawaian perakaunan atau tafsiran, dan seperti yang dinyatakan secara khusus di dalam polisi penting perakaunan PIDM.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan kepada ribu yang terdekat (RM'000), melainkan ianya dinyatakan sebaliknya.

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan

(a) Instrumen kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf di dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila PIDM menjadi pihak yang terikat kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan tersebut.

Kaedah pengukuran

Kos terlunas dan kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan

Kos terlunas ialah amaun di mana aset kewangan atau liabiliti kewangan diukur ketika pengiktirafan awal, yang telah ditolak pembayaran balik prinsipal, serta dicampur atau ditolak pelunasan terkumpul yang dikira menggunakan kaedah kadar efektif bagi faedah atau pulangan untuk perbezaan di antara amaun permulaan dan amaun kematangan. Juga, bagi aset kewangan, ianya diselaraskan bagi sebarang peruntukan kerugian. Amaun bawaan kasar suatu aset kewangan adalah kos terlunas suatu aset kewangan sebelum diselaraskan bagi sebarang peruntukan kerugian.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Kaedah pengukuran (sambungan)

Kos terlunas dan kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan (sambungan)

Kaedah kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan ialah satu kaedah untuk mengira kos terlunas suatu instrumen hutang dan memperuntukkan pendapatan faedah atau pulangan sepanjang tempoh yang berkaitan. Kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan ialah kadar sebenar yang mendiskaun penerimaan atau pembayaran tunai masa hadapan sepanjang jangkaan tempoh hayat aset kewangan atau liabiliti kewangan terhadap amaun bawaan kasar suatu aset kewangan (iaitu kos terlunasnya sebelum sebarang peruntukan penjejasan nilai) atau terhadap kos terlunas suatu liabiliti kewangan. Pengiraan tersebut tidak mengambil kira jangkaan kerugian kredit, dan termasuk kos urus niaga, premium atau diskaun dan yuran serta perkara lain yang dibayar atau diterima yang ketara terhadap kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan, seperti yuran permulaan. Bagi aset kewangan yang dibeli atau asalnya terjejas kredit (POCI) iaitu aset kewangan yang terjejas kredit ketika pengiktirafan awal, PIDM mengira kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan yang diselaraskan kredit, yang berdasarkan kos terlunas aset kewangan tersebut dan bukan amaun bawaan kasarnya, dan yang telah mengambil kira impak jangkaan kerugian kredit bagi anggaran aliran tunai masa hadapan.

Pendapatan faedah atau pulangan yang diperoleh

Pendapatan faedah atau pulangan yang diperoleh dikira berdasarkan kadar efektif bagi faedah atau pulangan terhadap amaun bawaan kasar aset kewangan, kecuali bagi:

- Aset kewangan POCI, yang mana kadar efektif asal bagi faedah atau pulangan yang telah diselaras kredit digunakan terhadap kos terlunas aset kewangan; atau

- Aset kewangan yang bukan 'POCI' tetapi kemudiannya menjadi terjejas kredit [atau dikenali sebagai 'peringkat 3' (rujuk kepada ***Penjejasan nilai aset kewangan***)], di mana pendapatan faedah atau pulangan yang diperoleh dikira berdasarkan kadar efektif bagi faedah atau pulangan terhadap kos terlunas berkenaan (iaitu selepas ditolak peruntukan bagi jangkaan kerugian kredit).

Nilai saksama instrumen kewangan

Nilai saksama ialah harga yang akan diterima untuk menjual suatu aset kewangan atau dibayar untuk memindahkan liabiliti kewangan dalam urus niaga teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran nilai. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan anggapan bahawa urus niaga penjualan aset kewangan atau pemindahan liabiliti kewangan tersebut berlaku sama ada:

- Dalam pasaran utama bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan; atau

- Jika tiada pasaran utama, dalam pasaran yang paling berfaedah bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan tersebut.

Pasaran utama atau yang paling berfaedah tersebut hendaklah boleh diakses oleh PIDM.

Nilai saksama bagi suatu aset kewangan atau liabiliti kewangan dikira dengan menggunakan andaian yang diguna oleh peserta pasaran bagi menetapkan harga aset kewangan atau liabiliti kewangan tersebut, dengan anggapan bahawa peserta pasaran akan bertindak berdasarkan kepentingan ekonomi yang terbaik bagi mereka.

PIDM menggunakan teknik penilaian yang bersesuaian dengan keadaan yang mana data mencukupi boleh diperolehi untuk mengukur nilai saksama, dengan memaksimumkan input boleh diperhatikan yang relevan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan yang diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan menurut hierarki nilai saksama yang dinyatakan di bawah, berdasarkan input tahap terendah yang penting bagi pengukuran nilai saksama secara keseluruhan:

Tahap 1 - Sebut harga pasaran yang tidak diubah bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan yang serupa, yang diperoleh dari pasaran aktif.

Tahap 2 - Teknik penilaian di mana input paras terendah yang penting bagi pengukuran nilai saksama boleh diperhatikan secara langsung atau tidak langsung.

Tahap 3 - Teknik penilaian di mana input paras terendah yang penting bagi pengukuran nilai saksama tidak boleh diperhatikan.

PIDM menyediakan maklumat nilai saksama mengenai pelaburannya adalah bagi tujuan pendedahan pelaporan.

Bagi aset dan liabiliti kewangan yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, PIDM akan menentukan sama ada pemindahan berlaku antara Tahap dalam hierarki dengan menilai semula kategori yang digunakan (berdasarkan input paras terendah yang penting bagi pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset kewangan dan liabiliti kewangan pada asalnya diukur pada nilai saksama. Kos langsung transaksi terhadap perolehan atau terbitan aset kewangan dan liabiliti kewangan (selain daripada aset kewangan dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian) adalah ditambah kepada atau ditolak daripada nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan tersebut, sekiranya perlu, ketika pengiktirafan awal. Kos langsung transaksi terhadap perolehan aset kewangan dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diiktiraf terus di dalam keuntungan atau kerugian.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

***Pengiktirafan dan pengukuran awal* (sambungan)**

Semua kaedah biasa pembelian atau penjualan aset kewangan diiktiraf dan dinyahiktiraf berdasarkan tarikh dagangan, iaitu tarikh apabila PIDM terikat untuk membeli atau menjual aset tersebut. Kaedah pembelian atau penjualan biasa merupakan pembelian atau pembelian aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh yang ditentukan oleh peraturan atau konvensyen pasaran.

Klasifikasi dan pengukuran seterusnya

Semua aset kewangan yang diiktiraf diukur seterusnya secara keseluruhan sama ada pada kos terlunas atau nilai saksama, bergantung kepada klasifikasi aset kewangan tersebut.

Semua liabiliti kewangan diklasifikasi dan diukur seterusnya pada kos terlunas, melainkan ia dinyatakan sebaliknya.

Dalam menentukan klasifikasi aset kewangan, PIDM mempertimbangkan syarat-syarat berikut:

- Model urusniaga PIDM bagi mengurus aset kewangan tersebut; dan
- Ciri-ciri aliran tunai aset kewangan tersebut.

Model perniagaan

Model perniagaan menunjukkan bagaimana PIDM mengurus aset kewangannya untuk menghasilkan aliran tunai. Iaitu, sama ada objektif PIDM adalah hanya untuk mengumpul aliran tunai berkontrak daripada aset atau untuk mengumpul kedua-dua aliran tunai berkontrak dan aliran tunai daripada penjualan aset. Sekiranya kedua-duanya tidak diguna pakai (contohnya aset kewangan yang dipegang bagi tujuan dagangan), aset kewangan tersebut diklasifikasikan sebagai sebahagian daripada modal perniagaan 'lain' dan diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Model perniagaan PIDM tidak dinilai mengikut instrumen, tetapi pada peringkat tinggi atau peringkat portfolio beragregat dan berpandukan faktor-faktor seperti:

- Bagaimana prestasi model perniagaan dan aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan tersebut dinilai dan dilaporkan kepada kakitangan pengurusan utama PIDM; dan
- Risiko-risiko yang menjejaskan prestasi model perniagaan tersebut (dan aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan tersebut) dan, khususnya, kaedah risiko-risiko ini diurus.

Penilaian model perniagaan adalah berdasarkan senario munasabah yang dijangkakan tanpa mengambil kira senario 'kes terburuk' atau 'kes tekanan'. Sekiranya aliran tunai selepas pengiktirafan awal direalisasikan dengan cara yang berbeza daripada jangkaan asal, PIDM tidak mengubah klasifikasi aset kewangan selebihnya yang dipegang dalam model perniagaan tersebut, tetapi sebaliknya memasukkan maklumat tersebut apabila menilai aset kewangan terbitan baru atau yang baru dibeli, bagi tempoh ke hadapan. Klasifikasi semula diambil kira dari bermulanya perubahan pertama tempoh pelaporan. Perubahan-perubahan ini dijangka jarang berlaku. Tiada perubahan ini berlaku dalam tempoh pelaporan.

Ujian 'hanya pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan' (SPPI)

Sebagai langkah kedua proses klasifikasi, PIDM menilai terma-terma kontrak aset kewangan untuk mengenal pasti sama ada ia memenuhi ujian SPPI.

'Prinsipal' untuk tujuan ujian ini ditakrifkan sebagai nilai saksama aset kewangan pada peringkat pengiktirafan awal dan boleh berubah sepanjang hayat aset kewangan (contohnya sekira pembayaran semula prinsipal atau pelunasan premium atau diskaun dibuat).

Dalam membuat penilaian ini, PIDM mempertimbangkan sama ada aliran tunai berkontrak adalah selaras dengan aturan peminjaman asas iaitu faedah atau pulangan hanya termasuk pertimbangan untuk nilai tunai hadapan, risiko kredit, risiko peminjaman asas lain dan margin keuntungan, yang selaras dengan aturan peminjaman asas. Sekiranya terma kontrak memperkenalkan pendedahan kepada risiko atau turun naik yang tidak konsisten dengan aturan peminjaman asas, aset kewangan berkenaan diklasifikasikan dan diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Aset kewangan yang terbabit dengan derivatif adalah dikira secara keseluruhan apabila menentukan sama ada aliran tunainya adalah semata-mata pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan.

Butiran klasifikasi dan pengukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan PIDM diterangkan di bawah.

Aset kewangan

(i) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, deposit boleh panggil di bank dan pelaburan mudah tunai jangka pendek yang sedia untuk ditukarkan kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang rendah. Ini termasuk pelaburan jangka pendek dalam instrumen pasaran wang serta pelaburan jangka pendek dengan tempoh matang kurang daripada 90 hari dari tarikh pembelian. Tunai dan kesetaraan tunai dibawa pada kos terlunas di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Klasifikasi dan pengukuran seterusnya (sambungan)

Aset kewangan (sambungan)

(i) Tunai dan kesetaraan tunai (sambungan)

Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah langsung. Penyata Aliran Tunai yang disediakan dengan menggunakan kaedah tidak langsung juga dibentangkan dalam Nota 4(b) kepada penyata kewangan.

(ii) Sekuriti pelaburan

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut diukur seterusnya pada kos terlunas:

- aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan dengan objektif untuk mengumpul aliran tunai berkontrak; dan
- terma kontrak aset kewangan yang menimbulkan aliran tunai pada tarikh tertentu, yang semata-mata untuk pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan (iaitu melepasi 'ujian SPPI') ke atas amaun prinsipal tertunggak.

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut diukur seterusnya pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (FVTOCI):

- aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan yang objektifnya tercapai melalui pengumpulan aliran tunai berkontrak dan penjualan aset kewangan tersebut; dan
- terma-terma kontrak aset kewangan tersebut juga menimbulkan aliran tunai pada tarikh tertentu, yang semata-mata untuk pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan ke atas amaun prinsipal tertunggak.

Sekuriti pelaburan PIDM merangkumi Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia dan Sekuriti Hutang Swasta yang mudah dipasarkan. PIDM melabur dalam sekuriti denominasi Ringgit Malaysia jangka pendek dan sederhana yang dipegang sehingga tempoh matang bagi mengumpul aliran tunai berkontrak dan bukan untuk didagangkan. Aliran tunai berkontrak bagi sekuriti pelaburan tersebut adalah hanya untuk pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan ke atas amaun prinsipal tertunggak. Oleh yang demikian, sekuriti pelaburan ini diukur pada kos terlunas.

(iii) Akaun belum terima lain

Akaun belum terima lain merangkumi aset kewangan yang dipegang dengan objektif untuk mengumpul aliran tunai berkontrak, di mana aliran tunai berkontrak tersebut adalah hanya untuk pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan ke atas amaun prinsipal tertunggak dan dibawa pada kos terlunas dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(iv) Akaun belum bayar

Melainkan dinyatakan sebaliknya, PIDM mengukur liabiliti kewangannya pada kos terlunas, yang merupakan nilai saksama pertimbangan yang dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima.

Penyahiktirafan

(i) Aset kewangan

Aset kewangan akan dinyahiktiraf apabila

- hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah tamat; atau
- PIDM telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut atau telah mengambil alih tanggungjawab untuk membayar aliran tunai yang diterima sepenuhnya tanpa kelewatan ketara kepada pihak ketiga di bawah perjanjian *"pass-through"*, dan sama ada:
  - o PIDM telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset tersebut; atau
  - o PIDM tidak memindahkan dan tidak juga mengekalkan semua risiko dan ganjaran aset tersebut, tetapi telah memindahkan kawalan ke atas aset tersebut.

Apabila PIDM telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset atau telah memeterai perjanjian "*pass-through*", dan tidak memindahkan atau tidak mahu mengekalkan semua risiko dan ganjaran aset atau tidak memindahkan kawalan aset itu, aset tersebut akan masih diiktiraf oleh PIDM selagi ada tahap penglibatan berterusan PIDM pada aset tersebut. Dalam kes itu, PIDM juga mengiktiraf liabiliti yang berkaitan. Dalam hal ini, aset dan liabiliti yang telah dipindahkan tersebut akan diukur pada asas yang mencerminkan hak dan obligasi PIDM yang masih dikekalkan.

Apabila aset kewangan yang diukur pada kos terlunas dinyahiktirafkan, perbezaan di antara nilai bawaan aset dan jumlah penerimaan yang diterima serta belum terima adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Di samping itu, apabila suatu pelaburan dalam instrumen hutang yang diklasifikasi sebagai FVTOCI dinyahiktirafkan, keuntungan atau kerugian yang sebelum ini terkumpul dalam rizab penilaian semula pelaburan, akan diklasifikasikan semula kepada keuntungan atau kerugian.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Penyahiktirafan (sambungan)

(ii) Liabiliti kewangan

Penyahiktirafan liabiliti kewangan akan dilakukan apabila obligasi di bawah liabiliti tersebut telah dibatalkan atau ditamatkan atau luput. Jika suatu liabiliti kewangan sedia ada digantikan oleh liabiliti lain daripada pemberi pinjaman yang sama, tetapi atas terma yang nyata berbeza atau terma liabiliti sedia ada diubah dengan ketara, pertukaran atau perubahan tersebut dianggap sebagai penyahiktirafan ke atas liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baharu berlaku. Perbezaan antara nilai bawaan liabiliti kewangan asal dan pertimbangan yang dibayar diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Penjejasan nilai aset kewangan

PIDM mengiktiraf suatu peruntukan kerugian kredit *(ECL)* ke atas aset kewangannya yang diukur pada kos terlunas atau pada FVTOCI. Amaun kerugian kredit yang dijangkakan dikemas kini pada setiap tarikh pelaporan untuk mencerminkan perubahan risiko kredit sejak pengiktirafan awal instrumen hutang.

Bagi semua aset kewangan yang tertakluk kepada keperluan penjejasan nilai, PIDM mengiktiraf ECL jangka hayat apabila terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit berbanding pengiktirafan awal. Walau bagaimanapun, sekiranya risiko kredit ke atas instrumen kewangan tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal, PIDM mengukur peruntukan kerugian bagi instrumen kewangan tersebut pada amaun yang sama dengan ECL selama 12 bulan.

ECL jangka hayat merupakan kerugian kredit yang dijangkakan daripada kesemua kebarangkalian kegagalan sesuatu instrumen kewangan, dalam tempoh hayatnya. Sebaliknya, ECL 12 bulan merupakan sebahagian daripada ECL jangka hayat yang mencerminkan kebarangkalian peristiwa kegagalan suatu instrumen kewangan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh pelaporan.

Perubahan dalam kualiti kredit sejak pengiktirafan awal

Peringkat 1	Peringkat 2	Peringkat 3
(Pengiktirafan awal)	(Peningkatan ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal)	(Aset terjejas kredit)
Kerugian kredit 12 bulan yang dijangkakan	Jangka hayat kerugian kredit yang dijangkakan	Jangka hayat kerugian kredit yang dijangkakan

(i) Peningkatan ketara dalam risiko kredit

Dalam menilai sama ada risiko kredit ke atas instrumen kewangan telah meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal, PIDM membandingkan risiko kegagalan berlaku bagi suatu instrumen kewangan pada tarikh pelaporan dengan risiko kegagalan berlaku bagi instrumen kewangan tersebut pada tarikh pengiktirafan awal. Dalam melaksanakan penilaian ini, PIDM mempertimbangkan kedua-dua maklumat kuantitatif dan kualitatif yang munasabah dan boleh disokong, termasuk pengalaman sejarah dan maklumat berpandangan ke hadapan yang tersedia tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Maklumat berpandangan ke hadapan yang dipertimbangkan termasuk yang diperoleh daripada laporan pakar ekonomi, penganalisa kewangan, badan-badan kerajaan serta pertimbangan pelbagai sumber luaran maklumat ekonomi sebenar dan ramalan.

Secara khusus, maklumat berikut diambil kira apabila menilai sama ada risiko kredit telah meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal:

- kemerosotan ketara yang sebenar atau yang dijangkakan dalam penarafan kredit luaran atau penilaian kredit oleh agensi penarafan yang diiktiraf, bagi instrumen kewangan tersebut;
- kemerosotan ketara dalam petunjuk pasaran luaran risiko kredit bagi instrumen kewangan tertentu, contohnya, peningkatan ketara dalam penyebaran kredit, harga swap mungkir kredit bagi peminjam, atau tempoh masa atau tahap yang mana nilai saksama suatu aset kewangan adalah rendah daripada kos terlunasnya;
- perubahan sedia ada atau yang diramalkan dalam keadaan perniagaan, kewangan atau ekonomi yang dijangka akan menyebabkan pengurangan ketara dalam keupayaan peminjam untuk memenuhi obligasi hutangnya;
- kemerosotan ketara yang sebenar atau dijangkakan dalam hasil operasi peminjam;
- peningkatan ketara dalam risiko kredit ke atas instrumen kewangan lain peminjam yang sama;
- toleransi atau penstrukturan semula sebenar atau yang dijangkakan;
- perubahan buruk ketara yang sebenar atau dijangkakan dalam persekitaran kawal selia, ekonomi, atau operasi peminjam yang menyebabkan pengurangan ketara dalam keupayaan peminjam untuk memenuhi obligasi hutangnya.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Penjejasan nilai aset kewangan (sambungan)

(i) Peningkatan ketara dalam risiko kredit *(sambungan)*

Walau bagaimanapun, PIDM menganggap bahawa risiko kredit ke atas suatu aset kewangan telah meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal apabila pembayaran kontrak melebihi 30 hari lampau tempoh, kecuali PIDM mempunyai maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai yang menunjukkan sebaliknya.

Walaupun demikian, PIDM mengandaikan bahawa risiko kredit ke atas instrumen kewangan tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal sekiranya instrumen kewangan ditetapkan untuk mempunyai risiko kredit yang rendah pada tarikh pelaporan. Suatu instrumen kewangan ditetapkan untuk mempunyai risiko kredit yang rendah sekiranya:

- instrumen kewangan tersebut mempunyai risiko kegagalan yang rendah;
- peminjam mempunyai keupayaan kukuh untuk memenuhi obligasi aliran tunai berkontrak dalam tempoh terdekat; dan
- perubahan buruk dalam keadaan ekonomi dan perniagaan dalam tempoh yang lebih panjang, berkemungkinan tetapi tidak semestinya mengurangkan keupayaan peminjam untuk memenuhi obligasi aliran tunai berkontraknya.

PIDM menganggap suatu aset kewangan mempunyai risiko kredit yang rendah apabila aset tersebut mempunyai penarafan kredit luaran 'gred pelaburan' menurut takrifan yang difahami di peringkat global atau sekiranya tiada penarafan luaran, aset tersebut mempunyai penarafan dalaman sebagai 'baik' atau 'berbayar' ('*performing*'). Baik atau berbayar bermaksud bahawa pihak yang terlibat mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan tiada amaun tidak berbayar sebelum ini.

PIDM sentiasa memantau keberkesanan kriteria yang digunakan untuk mengenal pasti sama ada terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit, serta menyemak kriteria tersebut sekiranya perlu bagi memastikan kriteria tersebut berupaya mengenal pasti peningkatan ketara dalam risiko kredit sebelum amaun tersebut lewat tempoh bayarannya.

(ii) Definisi kegagalan

PIDM menganggap perkara berikut sebagai peristiwa kegagalan bagi tujuan pengurusan risiko kredit dalaman, berdasarkan pengalaman sejarah yang menunjukkan bahawa aset kewangan yang memenuhi salah satu daripada kriteria berikut secara umumnya tidak boleh diperolehi semula:

- apabila terdapat pelanggaran perjanjian kewangan oleh pihak yang terlibat; atau
- maklumat yang dibangunkan secara dalaman atau diperolehi dari sumber luaran menunjukkan bahawa pihak berkenaan tidak mungkin membayar pemiutangnya, termasuk PIDM, secara penuh (tanpa mengambil kira sebarang cagaran yang mungkin dipegang oleh PIDM).

Walau bagaimanapun, PIDM menganggap kegagalan telah berlaku apabila pembayaran berkenaan suatu aset kewangan melebihi 90 hari lampau tempoh, kecuali apabila PIDM mempunyai maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai untuk menunjukkan bahawa kriteria kegagalan yang memberi tempoh lebih lama adalah lebih sesuai untuk digunakan.

(iii) Aset kewangan terjejas kredit

Aset kewangan dianggap terjejas kredit apabila satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan buruk terhadap anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan berkenaan, telah berlaku. Bukti bahawa suatu aset kewangan terjejas kredit termasuk data yang dapat diperhatikan mengenai peristiwa-peristiwa berikut:

- kesukaran kewangan ketara yang dihadapi oleh penerbit atau peminjam;
- pelanggaran kontrak, seperti peristiwa mungkir atau kelewatan tempoh bayaran yang ketara;
- pemberi pinjaman kepada memberi konsesi peminjam yang dalam kebiasaannya tidak akan diberikan, atas sebab kemerosotan ekonomi atau kesukaran kewangan peminjam dalam memenuhi tuntutan kontrak;
- peminjam berkemungkinan akan menghadapi kebankrapan atau akan melalui pengaturan semula kewangan yang lain; atau
- kehilangan pasaran yang aktif bagi aset kewangan tersebut disebabkan oleh kesukaran kewangan.

(iv) Hapus kira

PIDM menghapus kira suatu aset kewangan apabila terdapat maklumat yang menunjukkan bahawa penghutang berada dalam kesukaran kewangan yang teruk dan tiada prospek pemulihan yang realistik, contohnya, apabila penghutang diletakkan di bawah proses pembubaran atau telah menghadapi prosiding kebankrapan. Aset kewangan yang dihapus kira mungkin tertakluk kepada aktiviti penguatkuasaan di bawah prosedur pemulihan PIDM, dengan mengambil kira nasihat perundangan sekiranya wajar. Sebarang pemulihan yang dibuat adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Penjejasan nilai aset kewangan (sambungan)

(v) Pengukuran dan pengiktirafan peruntukan kerugian kredit (ECL)

Pengukuran ECL merupakan fungsi kebarangkalian kegagalan, kerugian akibat kegagalan (iaitu tahap kerugian sekiranya berlaku kegagalan) dan pendedahan semasa kegagalan, seperti yang diterangkan di bawah:

- PD *Kebarangkalian kegagalan (Probability of Default)* merupakan anggaran kemungkinan kegagalan entiti yang mungkir terhadap obligasi / pembayaran balik dalam tempoh yang ditetapkan (iaitu lebih dari 12 bulan atau sepanjang jangka hayat instrumen kewangan).

- EAD *Pendedahan semasa kegagalan (Exposure at Default)* merupakan anggaran pendedahan pada tarikh kegagalan masa hadapan, dengan mengambil kira perubahan yang dijangkakan dalam pendedahan selepas tarikh pelaporan, termasuk pembayaran balik prinsipal dan faedah atau pulangan, sama ada kontrak berjadual atau sebaliknya, pengurangan yang dijangkakan kepada komitmen kemudahan, dan faedah atau pulangan terakru daripada pembayaran yang tidak dibuat.

- LGD *Kerugian akibat kegagalan (Loss Given Default)* merupakan anggaran kerugian yang timbul akibat kegagalan yang berlaku dalam tempoh yang dinyatakan. Ia adalah berdasarkan perbezaan antara aliran tunai berkontrak yang perlu dibayar dan yang perlu diterima oleh pemberi pinjaman, termasuk daripada realisasi apa-apa cagaran atau pemulihan aset. Ia biasanya dinyatakan sebagai peratusan daripada EAD.

Penilaian kebarangkalian kegagalan dan kerugian akibat kegagalan adalah berdasarkan data sejarah yang diselaraskan dengan maklumat berpandangan ke hadapan seperti yang diterangkan di atas, khususnya input makroekonomi seperti ukuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), yang telah dinilai mempunyai korelasi tertinggi kepada penarafan kredit.

Apabila menganggarkan ECL, khususnya instrumen hutang, PIDM mempertimbangkan beberapa senario di mana setiap senario dikaitkan dengan PD yang berbeza yang digunakan untuk mengukur ECL. Senario yang dipertimbangkan untuk tempoh pelaporan dan wajaran senario ditentukan berdasarkan analisis statistik dan pertimbangan pakar, dengan mengambil kira pelbagai perwakilan hasil daripada setiap senario yang dipilih, serta keadaan persekitaran operasi pada tarikh pelaporan. Sekurang-kurangnya dua senario akan dipertimbangkan dalam menganggarkan ECL pada bila-bila masa. Senarai senario dan andaian utama yang mungkin dipertimbangkan oleh PIDM adalah seperti berikut:

Senario	Huraian – Senario Ekonomi Tempatan
Garis Asas	Keadaan dan / atau pertumbuhan ekonomi dijangka sama dengan situasi dan kadar pertumbuhan lampau. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia adalah antara 3% dan 8%
Agak Negatif	Keadaan dan / atau pertumbuhan ekonomi dijangka lebih lemah daripada norma jangka panjang. Pertumbuhan KDNK Malaysia adalah antara 0% dan 3%
Kemelesetan	Keadaan dan / atau pertumbuhan ekonomi dijangka agak lembap atau negatif. Pertumbuhan KDNK Malaysia adalah antara 0% dan -6%

Sekiranya PIDM telah mengukur peruntukan kerugian bagi suatu instrumen kewangan pada amaun yang sama dengan ECL jangka hayat dalam tempoh pelaporan terdahulu, tetapi menentukan pada tarikh tempoh pelaporan semasa bahawa syarat-syarat bagi ECL jangka hayat tidak lagi dipenuhi, PIDM mengukur peruntukan kerugian pada amaun yang sama dengan 12 bulan ECL pada tarikh pelaporan semasa.

PIDM mengiktiraf penjejasan nilai pendapatan atau kerugian dalam keuntungan atau kerugian bagi semua instrumen kewangan dengan pelarasan yang sesuai dengan amaun bawaannya melalui akaun peruntukan kerugian, kecuali bagi pelaburan dalam instrumen hutang yang diukur pada FVTOCI, di mana peruntukan kerugian diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain dan terkumpul dalam rizab penilaian semula pelaburan, dan tidak mengurangkan amaun bawaan aset kewangan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(b) Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari

Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari diukur dalam Penyata Kedudukan Kewangan PIDM pada nilai kos setelah mengambil kira sebarang kerugian penjejasan nilai, melainkan pelaburan tersebut dipegang untuk jualan.

Selaras dengan seksyen 35 Akta PIDM, keputusan kewangan subsidiari-subsidiari tidak digabungkan dengan penyata kewangan PIDM. Penyediaan penyata kewangan gabungan PIDM dan subsidiari-subsidiarinya tidak akan memberikan maklumat yang berguna dan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan dan prestasi kewangan PIDM. Ini adalah kerana pendedahan kewangan serta kesan pelaksanaan sebarang intervensi atau resolusi kegagalan sesebuah institusi ahli akan hanya memberi kesan kepada Kumpulan Dana Perlindungan tertentu yang berkaitan dengan institusi ahli tersebut.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(b) Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari (sambungan)

Tambahan lagi, selaras dengan keperluan MFRS 10 *Consolidated Financial Statements*, PIDM tidak menyediakan penyata kewangan yang digabungkan kerana PIDM tidak memenuhi kesemua kriteria yang diperlukan untuk mempunyai kawalan ke atas subsidiari-subsidiarinya, sebagaimana yang ditakrif di dalam MFRS 10. Ini kerana PIDM, sebagai sebuah entiti, mempunyai pendedahan kewangan serta hak yang terhad kepada pulangan serba berubah daripada pelaburannya di dalam subsidiari-subsidiari tersebut. Sebaliknya, pendedahan kewangan serta hak kepada pulangan serba berubah tersebut adalah dihubungkait secara langsung kepada Kumpulan Dana Perlindungan yang berkenaan. Perkara ini dibincangkan secara lanjut di Nota 3.1(a).

(c) Hartanah dan peralatan, dan susut nilai

Semua butiran hartanah dan peralatan pada awalnya dinyatakan pada nilai kos. Kos tambahan berikutnya akan dimasukkan ke dalam nilai bawaan atau dianggap sebagai aset yang lain, mengikut kesesuaian, hanya apabila kebarangkalian manfaat ekonomi masa hadapan yang dikaitkan dengannya diperoleh oleh PIDM dan penilaian kos butiran tersebut boleh dipercayai. Amaun bawaan bagi bahagian atau komponen aset yang diganti akan dinyahiktiraf. Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan yang lain akan diakaunkan di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian bagi tahun kewangan yang mana kos tersebut berlaku.

Selepas pengiktirafan awal, hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos selepas mengambil kira susut nilai dan sebarang kerugian penjejasan nilai terkumpul.

Susut nilai dikira mengikut kaedah garis lurus bagi mengurangkan kos setiap aset kepada nilai sisanya sepanjang anggaran hayat kegunaan aset tersebut, mengikut kadar tahunan seperti berikut:

Bangunan di atas tanah pegangan bebas	50 tahun
Perabot dan kelengkapan	20.00%
Kenderaan motor	20.00%
Ubah suai pejabat	20.00%
Peralatan pejabat dan sistem komputer	33.33%

Tanah pegangan bebas mempunyai jangka hayat tidak terhad maka dengan itu ianya tidak disusutnilaikan. PIDM telah mempermodalkan tanah dan amaun tanah dipermodalkan adalah mengikut pengiktirafan awal menggunakan harga belian di samping kos-kos lain yang berkaitan yang dibelanjakan bagi membawa tanah tersebut kepada keadaannya pada masa sekarang.

Hartanah dan peralatan masih dalam pembinaan tidak disusut nilai sehingga aset tersebut sedia untuk diguna.

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susut nilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan amaun, kaedah dan tahun disusut nilai adalah selaras dengan anggaran sebelumnya serta corak penggunaan manfaat ekonomi hartanah dan peralatan tersebut. Hartanah dan peralatan tidak lagi diiktiraf setelah dilupuskan atau tiada manfaat ekonomi masa hadapan diperoleh daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan nilai bawaan bersih diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

(d) Penjejasan nilai aset bukan kewangan

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, PIDM mengkaji amaun bawaan aset bukan kewangannya, bagi menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan nilai. Jika terdapat petunjuk tersebut, amaun yang boleh diperoleh semula dianggarkan bagi menentukan jumlah kerugian penjejasan nilai.

Bagi tujuan ujian penjejasan nilai aset-aset ini, amaun yang boleh diperoleh semula dianggarkan ke atas penilaian individu setiap aset. Amaun yang boleh diperoleh semula ialah amaun yang lebih tinggi antara nilai saksama aset tersebut setelah dikurangkan kos jualan dan nilai guna sesuatu aset. Dalam menentukan nilai guna, anggaran aliran tunai hadapan didiskaunkan ke nilai kini menggunakan kadar diskaun yang menggambarkan penilaian pasaran semasa terhadap nilai tunai hadapan dan risiko aset tersebut. Apabila amaun bawaan untuk sesuatu aset melebihi amaun yang boleh diperoleh semula, aset tersebut dianggap terjejas dan nilai bawaannya akan dikurangkan kepada amaun yang boleh diperoleh semula.

Kerugian penjejasan nilai diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian dalam tahun yang sama ia berlaku, melainkan aset itu dibawa pada amaun yang dinilai semula, yang mana penjejasan nilai tersebut hendaklah diakaunkan sebagai penilaian semula yang dikurangkan setakat mana akaun amaun kerugian penjejasan nilai itu tidak melebihi amaun yang diambil kira dalam rizab penilaian semula aset bagi aset tersebut.

Kerugian penjejasan nilai bagi aset akan dibalikkan semula jika, dan hanya jika, terdapat perubahan antara anggaran yang digunakan untuk menilai amaun yang boleh diperoleh semula dengan anggaran susut nilai yang diiktiraf sebelumnya. Selain daripada aset muhibah, nilai bawaan aset boleh dinaikkan kepada amaun yang boleh diperoleh semula, selagi amaun tersebut tidak melebihi nilai bawaan yang sepatutnya ditentukan (nilai selepas ditolak pelunasan dan susut nilai) sekiranya tiada kerugian penjejasan nilai bagi aset tersebut telah diiktiraf pada tahun sebelumnya. Suatu pembalikan semula kerugian penjejasan nilai bagi aset selain daripada aset muhibah akan diiktiraf dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian, melainkan aset tersebut direkodkan pada amaun dinilai semula, yang mana, dalam situasi ini, pembalikan semula tersebut harus diakaunkan sebagai penambahan penilaian semula.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(e) Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan

Semua pendapatan dan perbelanjaan operasi berkaitan dengan Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans diiktiraf mengikut asas akruan. Akta PIDM memberi kuasa kepada PIDM untuk mengkredit semua pendapatan operasi secara langsung kepada, dan mengcajkan perbelanjaan terhadap Dana Perlindungan atau Kumpulan Dana yang berkaitan.

1. Pendapatan

Pendapatan premium dan levi yang diiktiraf dalam sesuatu tahun kewangan ditaksir berdasarkan premium dan levi yang ditaksirkan semasa tahun kewangan tersebut.

Pendapatan pelaburan termasuk pendapatan daripada penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek diiktiraf mengikut asas pembahagian masa yang menggambarkan pulangan efektif aset tersebut.

2. Perbelanjaan

Perbelanjaan yang berkaitan secara langsung kepada Dana Perlindungan atau Kumpulan Dana tertentu dicaj kepada Dana Perlindungan atau Kumpulan Dana tersebut.

Perbelanjaan yang tidak boleh dicaj secara langsung kepada Dana Perlindungan atau Kumpulan Dana akan diagih berdasarkan ketetapan Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pengagihan Perbelanjaan, Kos atau Kerugian) (Pindaan) Perintah 2017.

Perbelanjaan yang tidak boleh dicaj secara langsung kepada Dana Perlindungan atau Kumpulan Dana yang khusus boleh dikategorikan kepada dua (2) kategori seperti berikut:

(i) *Perbelanjaan yang boleh dikaitkan kepada Sistem Insurans Deposit atau Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans tetapi merupakan perbelanjaan tidak langsung bagi sistem masing-masing*. Pengagihan bagi kategori perbelanjaan ini adalah berdasarkan nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi untuk sistem masing-masing pada tahun kewangan tahun sebelumnya seperti perbelanjaan, kos atau kerugian yang diagihkan. Bagi tahun kewangan 2019, perbelanjaan telah diagihkan kepada sistem masing-masing berdasarkan nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi untuk sistem masing-masing dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018. Kadar peruntukan yang digunakan sepanjang tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Sistem Insurans Deposit		Sistem Perlindungan Manfaat Takaful Dan Insurans			
	Konvensional	Islam	Insurans Am	Insurans Hayat	Takaful Am	Takaful Keluarga
2019	**79.20 %**	**20.80%**	**32.26%**	**54.17%**	**3.33%**	**10.24%**
	100%		**100%**			
2018	80.66%	19.34%	35.01%	49.56%	4.96%	10.47%
	100%		100%			

(ii) *Perbelanjaan yang merupakan perbelanjaan biasa atau kos tidak langsung untuk mentadbir kedua-dua Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans*. Perbelanjaan yang tidak boleh dirujuk secara khusus kepada mana-mana Sistem Insurans Deposit atau Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, perlu diperuntukkan berdasarkan nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi bagi setiap Kumpulan Dana Perlindungan di dalam Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans pada tahun sebelumnya seperti perbelanjaan, kos atau kerugian yang diagihkan. Bagi tahun kewangan 2019, perbelanjaan sebegini telah dicajkan kepada Dana Perlindungan masing-masing berdasarkan nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi bagi setiap Dana Perlindungan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018. Asas pengagihan yang digunakan adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah	Sistem Insurans Deposit		Sistem Perlindungan Manfaat Takaful Dan Insurans			
		Konvensional	Islam	Insurans Am	Insurans Hayat	Takaful Am	Takaful Keluarga
2019	**100%**	**60.57%**	**15.91%**	**7.59%**	**12.74%**	**0.78%**	**2.41%**
2018	100%	63.88%	15.32%	7.28%	10.31%	1.03%	2.18%

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(f) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus, caruman keselamatan sosial dan manfaat lain seperti faedah kesihatan dan elaun diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun yang mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh kakitangan PIDM. Cuti berganjaran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan. Ia boleh dikumpul dan ditokok tambah atas kelayakan masa hadapan. Cuti berganjaran jangka pendek yang tidak boleh dikumpul seperti cuti sakit diiktiraf pada masa ketidakhadiran berlaku.

(ii) Manfaat pasca-pekerjaan

1. Rancangan caruman tetap

Rancangan caruman tetap ialah manfaat yang diberikan selepas tamat perkhidmatan yang mana PIDM membayar caruman tetap ke dalam dana atau kepada sebuah entiti berasingan. PIDM tidak mempunyai obligasi untuk membuat caruman tambahan sekiranya dana tersebut tidak mempunyai aset yang cukup untuk membayar manfaat kakitangan berdasarkan perkhidmatan kakitangan pada tahun kewangan semasa atau sebelumnya. Caruman itu diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian apabila ia berlaku. Sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang, PIDM membuat caruman kepada skim pencen berkanun nasional, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Pertubuhan Keselamatan Sosial.

2. Rancangan manfaat ditentukan

PIDM melaksanakan satu rancangan manfaat ditentukan tanpa pendanaan yang dikenali sebagai Rancangan Persaraan Jangka Panjang dilaksanakan berkuat kuasa pada 1 Januari 2016. Rancangan Persaraan Jangka Panjang memberi manfaat kepada pekerja yang berbentuk satu tahap jaminan pembayaran persaraan secara sekaligus akan diberikan berdasar gaji akhir pekerja. Pembayaran manfaat Rancangan Persaraan Jangka Panjang bergantung kepada tempoh perkhidmatan dan gaji pada tahun terakhir persaraan.

Peruntukan bagi Rancangan Persaraan Jangka Panjang yang diiktirafkan di dalam kedudukan penyata kewangan adalah nilai kini obligasi Rancangan Persaraan Jangka Panjang pada akhir tempoh pelaporan, termasuk pelarasan bagi untung / rugi aktuari dan mana-mana kos perkhidmatan lampau yang tidak diiktiraf.

PIDM akan menentukan perbelanjaan faedah bagi Rancangan Persaraan Jangka Panjang pada tempoh tersebut dengan mengguna pakai kadar diskaun untuk mengukur obligasi Rancangan Persaraan Jangka Panjang pada permulaan tempoh tahunan kepada Rancangan Persaraan Jangka Panjang yang seterusnya. Perbelanjaan faedah dan perbelanjaan lain berkaitan dengan Rancangan Persaraan Jangka Panjang akan dinyatakan di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

(g) Mata wang asing

(i) Mata wang yang digunakan dan dinyatakan

Penyata kewangan PIDM dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang utama bagi ekonomi yang mana PIDM beroperasi (mata wang fungsian).

(ii) Urus niaga mata wang asing

Bagi penyediaan penyata kewangan PIDM, urus niaga dalam mata wang asing selain daripada mata wang fungsian PIDM akan direkodkan dalam mata wang fungsian dengan kadar tukaran yang digunakan semasa tarikh urus niaga. Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, butiran kewangan dalam mata wang asing akan ditukar mengikut kadar tukaran semasa tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama dalam mata wang asing akan ditukar pada kadar tukaran yang digunakan pada tarikh nilai saksamanya ditentukan. Butiran bukan kewangan yang diukur mengikut kos sejarah dalam mata wang asing tidak ditukarkan.

Perbezaan tukaran asing akibat daripada penyelesaian dan penukaran butiran kewangan akan diambil kira di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian untuk tempoh berkaitan. Perbezaan tukaran asing bagi penukaran butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama diambil kira di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian untuk tempoh berkaitan kecuali bagi perbezaan disebabkan penukaran butiran bukan kewangan yang mana keuntungan atau kerugian diiktiraf terus ke dalam Dana dan Rizab. Perbezaan tukaran asing akibat daripada butiran bukan kewangan tersebut juga akan diiktiraf terus ke dalam Dana dan Rizab.

(h) PIDM sebagai pihak pemajak

PIDM menilai sama ada suatu kontrak merupakan pajakan atau mengandungi terma pajakan, dari permulaan kontrak tersebut. PIDM mengiktiraf suatu aset berkaitan hak penggunaan serta liabiliti pajakan yang sepadan bagi semua perjanjian pajakan di mana ia adalah pemajak. Terkecuali adalah pajakan jangka pendek (ditakrifkan sebagai pajakan dengan tempoh pajakan selama 12 bulan atau kurang) dan pajakan aset bernilai rendah, di mana PIDM mengiktiraf pembayaran pajakan tersebut sebagai perbelanjaan operasi mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan, melainkan terdapat kaedah sistematik lain adalah lebih sesuai bagi corak masa di mana manfaat ekonomi aset pajakan itu digunakan.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(h) PIDM sebagai pihak pemajak (sambungan)

Liabiliti pajakan di peringkat awalnya diukur pada nilai semasa bagi pembayaran pajakan yang belum berbayar pada tarikh permulaan, yang didiskaunkan dengan menggunakan kadar tersirat bagi pajakan tersebut. Jika kadar ini tidak dapat ditentukan dengan tepat, PIDM menggunakan kadar peminjaman tambahannya.

Pembayaran pajakan yang termasuk dalam pengukuran liabiliti pajakan terdiri daripada:

- pembayaran pajakan tetap (termasuk isi kandungannya adalah pembayaran tetap), selepas ditolak sebarang insentif pajakan;
- pembayaran pajakan boleh ubah yang bergantung kepada suatu indeks atau kadar, yang pada mulanya diukur dengan menggunakan indeks atau kadar berkenaan pada tarikh permulaan;
- amaun yang dijangka dibayar oleh pemajak di bawah jaminan nilai sisa;
- harga laksana opsyen pembelian, sekiranya pemajak adalah munasabah pasti untuk melakanakan opsyen tersebut; dan
- pembayaran penalti bagi penamatan pajakan, sekiranya terma pajakan berkenaan ada mencerminkan suatu opsyen bagi menamatkan pajakan tersebut.

Liabiliti pajakan dibentangkan secara berasingan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Liabiliti pajakan seterusnya diukur dengan menaikkan amaun bawaan untuk mencerminkan faedah atau pulangan ke atas liabiliti pajakan (menggunakan kaedah kadar efektif bagi faedah atau pulangan) dan dengan mengurangkan amaun bawaan untuk mencerminkan pembayaran pajakan yang dibuat.

PIDM mengukur semula liabiliti pajakan (dan membuat penyesuaian yang sepadan dengan aset berkaitan hak penggunaan) apabila:

- terma pajakan telah berubah atau terdapat perubahan dalam penilaian pelaksanaan opsyen pembelian, di mana liabiliti pajakan diukur semula dengan mendiskaunkan pembayaran pajakan yang disemak dengan menggunakan kadar diskaun yang disemak semula;
- pembayaran pajakan berubah disebabkan perubahan dalam indeks atau kadar atau perubahan dalam jangkaan pembayaran di bawah jaminan nilai sisa, di mana liabiliti pajakan diukur semula dengan mendiskaunkan pembayaran pajakan yang disemak dengan menggunakan kadar diskaun awal (kecuali perubahan pembayaran pajakan adalah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah atau pulangan terapung, di mana kadar diskaun yang disemak semula akan digunakan); atau
- kontrak pajakan diubahsuai dan pengubahsuaian pajakan tersebut tidak diambil kira sebagai pajakan berasingan. Dalam hal ini, liabiliti pajakan diukur semula dengan mendiskaunkan pembayaran pajakan yang disemak dengan menggunakan kadar diskaun yang disemak semula.

PIDM tidak membuat sebarang pelarasan sedemikian dalam tempoh semasa.

Aset berkaitan hak penggunaan terdiri daripada pengukuran awal liabiliti pajakan yang sepadan, pembayaran pajakan yang telah dibuat pada atau sebelum hari permulaan dan sebarang kos langsung permulaan. Ia kemudian diukur pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan nilai.

Apabila PIDM menanggung obligasi bagi kos untuk menghapus dan mengeluarkan suatu aset pajakan, atau memulihkan tapak di mana aset tersebut berada atau memulihkan aset tersebut kepada keadaan asal seperti yang diperlukan oleh terma dan syarat pajakan, suatu peruntukan perlu diiktiraf dan diukur di bawah MFRS 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*. Kos tersebut dimasukkan dalam nilai aset berkaitan hak penggunaan yang berkenaan.

Aset berkaitan hak penggunaan adalah disusut nilai dalam jangka lebih pendek antara tempoh pajakan atau tempoh hayat aset dasar. Sekiranya suatu pajakan berpindah milik kepada pemajak atau kos aset berkaitan hak penggunaan mencerminkan bahawa PIDM dijangka untuk melaksanakan opsyen pembelian, aset berkaitan hak penggunaan tersebut akan disusut nilai berdasarkan tempoh hayat aset dasar berkenaan. Susut nilai bermula dari tarikh permulaan pajakan.

Aset berkaitan hak penggunaan dibentangkan secara berasingan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

PIDM mengguna pakai MFRS 136 *Impairment of Assets* untuk menentukan sama ada aset berkaitan hak penggunaan adalah terjejas dan mengambil kira kerugian penjejasan nilai yang dikenal pasti seperti yang dihuraikan dalam Nota 2.2 (e).

Sewa boleh ubah yang tidak bergantung kepada indeks atau kadar tidak dimasukkan dalam pengukuran liabiliti pajakan dan aset berkaitan hak penggunaan. Pembayaran yang berkaitan adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh yang mana peristiwa atau keadaan yang menyebabkan pembayaran tersebut berlaku dan dimasukkan dalam perenggan "perbelanjaan operasi dan pentadbiran" di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

Sebagai amalan praktikal, MFRS 16 membenarkan pemajak untuk tidak memisahkan komponen bukan pajakan, dan sebaliknya mempertimbangkan sebarang pajakan atau komponen bukan pajakan yang berkaitan sebagai suatu aturan tunggal. PIDM telah mengguna pakai amalan praktikal ini.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.3 Pelaksanaan Piawaian MFRS baharu dan yang disemak semula, Tafsiran dan Pindaan

Piawaian, Tafsiran dan Pindaan MFRS yang baru dan disemak semula

Dasar perakaunan yang diguna pakai adalah konsisten dengan dasar-dasar perakaunan tahun kewangan sebelum ini.

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board (MASB), yang berkuatkuasa dalam tempoh pelaporan kewangan semasa dan telah diterima pakai oleh PIDM dalam penyata kewangan ini:

MFRS, Tafsiran dan Pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019:

- MFRS 16 *Leases*
- *Amendments to* MFRS 9 *Prepayment Features with Negative Compensation*
- *Amendments to* MFRS 119 *Employee Benefits Plan Amendment, Curtailment or Settlement*

MFRS 16 *Leases*

Efektif pada 1 Januari 2018, PIDM telah mengguna pakai awal dan melaksanakan MFRS 16 melalui pendekatan retrospektif dengan kesan terkumpul ketika mula mengguna pakai Piawaian ini, yang diiktiraf pada tarikh pemakaian awal tanpa penyataan semula maklumat perbandingan ("pendekatan retrospektif yang diubah suai").

Bagi tujuan pemakaian pendekatan retrospektif yang telah diubahsuai kepada pajakannya, PIDM memilih untuk mengukur semua aset berkaitan hak penggunaan sebagai amaun yang sama dengan liabiliti pajakan, diselaraskan dengan sebarang amaun prabayaran atau bayaran pajakan terakru bagi pajakan yang diiktiraf di dalam Penyata Kedudukan Kewangan sejurus sebelum tarikh mula pemakaian.

Amendments to* MFRS 119 *Employee Benefits Plan Amendment, Curtailment or Settlement

Pindaan ini menentukan bagaimana entiti-entiti menentukan perbelanjaan persaraan apabila berlaku perubahan kepada suatu rancangan manfaat persaraan ditentukan.

Apabila perubahan kepada suatu rancangan – pindaan, pengurangan atau penyelesaian – berlaku, MFRS 119 menghendaki entiti untuk mengukur semula liabiliti (atau aset) manfaat bersih yang ditetapkan. Pindaan ini menghendaki entiti untuk:

- mengira kos perkhidmatan lampau atau pendapatan atau kerugian atas penyelesaian yang dikira dengan mengukur manfaat liabiliti (aset) yang ditentukan dengan menggunakan andaian yang telah dikemas kini. Entiti harus mengabaikan kesan had tertinggi aset.

- mengira kos perkhidmatan semasa dan faedah atau pulangan bersih ke atas manfaat liabiliti (aset) yang ditentukan dengan menggunakan andaian yang dikemas kini.

Pindaan ini diguna pakai secara prospektif. Ia hanya diguna pakai terhadap pindaan, pengurangan atau penyelesaian bagi suatu rancangan, yang berlaku pada atau selepas permulaan tempoh tahunan di mana pemakaian pindaan kepada MFRS 119 ini bermula. Pindaan kepada MFRS 119 mesti diguna pakai bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019, tetapi ia boleh diguna pakai lebih awal jika suatu entiti memilih untuk berbuat demikian.

Pemakaian pindaan ini tidak memberi kesan kepada penyata kewangan PIDM.

Amendments to* MFRS 9 *Prepayment Features with Negative Compensation

Pindaan kepada MFRS 9 ini menjelaskan bahawa bagi tujuan menilai sama ada ciri prabayaran memenuhi syarat SPPI, pihak yang melaksanakan opsyen boleh membayar atau menerima pampasan yang munasabah untuk prabayaran tanpa mengira sebab untuk prabayaran tersebut. Dalam erti kata lain, ciri-ciri prabayaran dengan pampasan negatif tidak secara automatiknya menggagalkan ujian SPPI.

Pindaan ini akan diguna pakai bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019, di mana pemakaian lebih awal adalah dibenarkan. Terdapat peruntukan peralihan khusus yang tersedia, tetapi bergantung kepada masa pindaan ini diguna pakai untuk pertama kali, berbanding dengan pemakaian asal MFRS 9.

Pemakaian pindaan ini tidak memberi kesan kepada penyata kewangan PIDM.

Berikut adalah piawaian perakaunan dan pindaan terbitan MASB, yang berkuat kuasa dalam tempoh pelaporan kewangan semasa, tetapi pada masa ini, tidak berkaitan dengan operasi PIDM:

MFRS, Taksiran dan Pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau 1 Januari 2019:

- *Amendments to* MFRS 3 *Business Combinations (Annual Improvements 2015-2017 Cycle)*
- *Amendments to* MFRS 11 *Joint Arrangements (Annual Improvements 2015-2017 Cycle)*
- *Amendments to* MFRS 112 *Income Taxes (Annual Improvements 2015-2017 Cycle)*
- *Amendments to* MFRS 123 *Borrowing Costs (Annual Improvements 2015-2017 Cycle)*
- *Amendments to* MFRS 128 *Long-term Interests in Associates and Joint Ventures*
- *IC Interpretation* 23 *Uncertainty over Income Tax Treatments*

Piawaian MFRS baharu dan disemak semula, Tafsiran dan Pindaan yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran kepada rangka kerja MFRS terbitan MASB, yang akan berkuat kuasa pada tempoh pelaporan kewangan masa hadapan tetapi pada masa ini tidak berkaitan dengan operasi PIDM:

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.3 Pelaksanaan Piawaian MFRS baharu dan yang disemak semula, Tafsiran dan Pindaan (sambungan)

MFRS, Tafsiran dan Pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2020:

- *Amendments* to MFRS 3 *Definition of a Business*

MFRS, Tafsiran dan Pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021:

- MFRS 17 *Insurance Contracts*

Berikut adalah pindaan dan tafsiran terbitan MASB yang akan berkuatkuasa bagi tempoh pelaporan kewangan masa hadapan dan belum diterima pakai oleh PIDM di dalam penyata kewangan ini:

MFRS, Tafsiran dan Pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2020:

- *Amendments to* MFRS 101 *Definition of Material*
- *Amendments to* MFRS 108 *Definition of Material*
- *The Conceptual Framework for Financial Reporting ("Conceptual Framework")*
- *Interest Rate Benchmark Reform (Amendments to MFRS 9, MFRS 139 and MFRS 7)*

Amendments to* MFRS 101 dan MFRS 108 *Definition of Material

Pindaan ini menggantikan takrifan material dengan memasukkan konsep 'mengaburkan' maklumat material dengan memasukkan maklumat tidak material, sebagai sebahagian daripada takrifan baharu. Tahap bagi *materiality* yang mempengaruhi pengguna juga telah berubah daripada 'boleh mempengaruhi' kepada 'dijangka dapat mempengaruhi secara munasabah'.

Takrifan material dalam MFRS 108 telah digantikan dengan rujukan kepada takrifan material dalam MFRS 101. Pindaan ini tidak bertujuan untuk mengubah konsep pendasar *materiality* dalam Piawaian MFRS.

Pindaan ini diguna pakai secara prospektif bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2020, dengan pemakaian lebih awal dibenarkan.

The Conceptual Framework for Financial Reporting ("Conceptual Framework")

Rangka kerja ini telah disemak semula dengan tujuan utama untuk membantu IASB untuk membangunkan IFRS yang berasaskan konsep yang konsisten dan membolehkan penyedia untuk membangunkan dasar perakaunan yang konsisten di mana sesuatu isu tidak ditangani oleh MFRS. Konsep rangka kerja adalah bukan MFRS dan tidak melangkaui mana-mana MFRS.

Perubahan utama ke atas rangka kerja adalah seperti berikut:

- Tujuan umum objektif pelaporan kewangan - penjelasan bahawa objektif pelaporan kewangan adalah untuk memberikan maklumat yang berguna kepada pengguna penyata kewangan untuk keputusan peruntukan sumber dan penilaian pengawasan pengurusan.

- Ciri-ciri kualitatif maklumat kewangan yang berguna - mengembalikan semula konsep-konsep kehati-hatian apabila membuat keputusan tentang keadaan yang tidak menentu dan konsep "*substance over form*" untuk memastikan penyataan keadaan ekonomi yang sebenar.

- Penjelasan mengenai entiti pelaporan untuk pelaporan kewangan - pengenalan takrif baru entiti pelapor, yang mungkin menjadi entiti undang-undang atau sebahagian entiti undang-undang.

- Unsur-unsur penyata kewangan - definisi aset dan liabiliti telah diperhalusi. Panduan dalam menentukan unit akaun untuk aset dan liabiliti telah ditambah, dengan mempertimbangkan jenis kontrak pelaksana dan bahan kontrak.

- Pengiktirafan dan penyahiktirafan - ambang kebarangkalian pengiktirafan aset atau liabiliti telah dialih keluar. Panduan baru mengenai penyahiktirafan aset dan liabiliti telah ditambah.

- Pengukuran - penjelasan mengenai faktor yang perlu dipertimbangkan apabila memilih asas pengukuran telah disediakan.

- Pembentangan dan pendedahan - penjelasan bahawa penyata keuntungan atau kerugian adalah sumber utama maklumat mengenai prestasi kewangan entiti bagi tempoh pelaporan. Pada prinsipnya, kitar semula pendapatan / perbelanjaan termasuk dalam pendapatan komprehensif lain untuk penyata keuntungan atau kerugian diperlukan sekiranya ini menghasilkan maklumat yang lebih relevan atau representasi penyata keuntungan atau kerugian yang lebih dipercayai.

Pindaan kepada Rujukan bagi *Conceptual Framework* dalam Piawaian MFRS:

MASB juga mengeluarkan Pindaan kepada Rujukan bagi Konsep Rangka Kerja dalam Piawaian MFRS ('Amendments'), untuk mengemas kini rujukan dan petikan empat belas (14) Piawaian yang menjelaskan versi Konsep Rangka Kerja ini, yang mana tarikh efektif di atas digunakan. Pindaan tersebut hendaklah digunakan secara retrospektif mengikut MFRS 108 melainkan pemakaian retrospektif tidak praktikal atau melibatkan kos atau usaha yang tidak wajar.

PIDM sedang menilai kesan pindaan di atas dan penggunaan Rangka Kerja, tetapi tidak menjangkakan impaknya adalah material.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.3 Pelaksanaan Piawaian MFRS baharu dan yang disemak semula, Tafsiran dan Pindaan (sambungan)

Perubahan dalam ***Interest Rate Benchmark Reform (Amendments to MFRS 9, MFRS 139 and MFRS 7)*** adalah seperti berikut:

- Ubah suai keperluan perakaunan lindung nilai tertentu supaya entiti akan menggunakan keperluan perakaunan lindung nilai itu dengan mengandaikan bahawa penanda aras kadar faedah yang mana aliran tunai yang dilindung nilai dan aliran tunai dari instrumen lindung nilai yang didasarkan tidak akan diubah akibat daripada pembaharuan penanda aras kadar faedah.

- Adalah wajib bagi semua hubungan lindung nilai yang secara langsung dipengaruhi oleh pembaharuan penanda aras kadar faedah.

- Tidak bertujuan memberi pelepasan daripada apa-apa akibat lain yang timbul hasil reformasi penanda aras kadar faedah (jika hubungan lindung nilai tidak lagi memenuhi syarat untuk perakaunan lindung nilai atas alasan selain dari yang ditentukan oleh pindaan, pemberhentian perakaunan lindung nilai diperlukan).

- Memerlukan pendedahan khusus mengenai sejauh mana hubungan lindung nilai entiti dipengaruhi oleh pindaan.

Pemakaian pindaan ini tidak memberi kesan kepada penyata kewangan PIDM.

3. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN KETARA

Penyediaan penyata kewangan PIDM secara amnya tidak memerlukan pihak Pengurusan membuat penilaian, anggaran dan andaian yang mempengaruhi amaun yang dilaporkan kecuali bagi perkara yang dibincangkan di bawah serta pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh pelaporan. Sekiranya penilaian diperlukan, ketidaktentuan tentang andaian dan anggaran yang digunakan boleh menyebabkan hasil yang akan memerlukan pelarasan ketara terhadap amaun bawaan aset atau liabiliti berkenaan pada masa hadapan.

3.1 Penilaian yang dibuat dalam mengguna pakai polisi perakaunan

Bagi proses mengguna pakai polisi perakaunan PIDM, pihak Pengurusan, selain daripada perkara yang melibatkan anggaran, telah membuat penilaian berikut yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun yang diiktiraf di dalam penyata kewangan:

(a) Tiada penggabungan hasil pelaburan dalam subsidiari-subsidiari

Menurut MFRS 10 *Consolidated Financial Statements*, penggabungan keputusan operasi subsidiari-subsidiari dengan syarikat induk diperlukan apabila syarikat induk mempunyai 'kawalan' ke atas subsidiari-subsidiarinya. Bagi wujudnya kawalan tersebut, pelabur perlu memenuhi kriteria berikut:

(i) kuasa ke atas pelaburan;

(ii) pendedahan, atau hak, terhadap pulangan serba berubah daripada penglibatannya dalam pelaburan tersebut; dan

(iii) keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas pelaburan untuk mempengaruhi jumlah pulangan pelabur.

PIDM merupakan badan resolusi bagi semua institusi ahli dengan kuasa intervensi atau resolusi kegagalan yang luas. Subsidiari-subsidiari telah ditubuhkan sebagai medium bagi PIDM untuk menjalankan sebarang aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan dan bukannya untuk tujuan pelaburan. Sebarang pulangan daripada subsidiari-subsidiari tersebut adalah untuk manfaat Kumpulan Dana Perlindungan masing-masing, yang akan digunakan untuk aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan pada masa hadapan. PIDM, sebagai sebuah entiti, mempunyai pendedahan kewangan serta hak yang terhad kepada pulangan serba berubah daripada pelaburannya di dalam subsidiari-subsidiari tersebut. Sebaliknya, pendedahan kewangan serta hak kepada pulangan serba berubah tersebut dihubungkait secara langsung kepada Kumpulan Dana Perlindungan yang berkenaan. Walaupun PIDM mempunyai hak untuk menggunakan wang dalam Kumpulan Dana Perlindungan untuk menampung apa-apa perbelanjaan yang ditanggung dalam menjalankan operasinya, perbelanjaan ini adalah terhad dan ditadbir oleh Akta PIDM.

Memandangkan perkara seperti di atas, kriteria untuk mempunyai 'kawalan' seperti yang ditakrifkan dalam MFRS 10 tidak dipenuhi, justeru penyata kewangan disatukan tidak disediakan. Walau bagaimanapun, ringkasan maklumat kewangan bagi setiap subsidiari dinyatakan di Nota 7 dalam penyata kewangan.

(b) Klasifikasi aset kewangan – penilaian model perniagaan

Klasifikasi dan pengukuran aset kewangan bergantung kepada hasil penilaian model perniagaan dan ujian SPPI (rujuk Nota 2.2 (a)). PIDM menentukan model perniagaan pada tahap yang mencerminkan kaedah pengurusan aset kewangan untuk mencapai matlamat perniagaan tertentu. Penilaian ini termasuk pertimbangan yang mencerminkan semua bukti yang relevan termasuk kaedah penilaian dan pengukuran prestasi aset serta cara risiko yang berkaitan dengan aset tersebut diuruskan. PIDM terus memantau kesesuaian model perniagaan yang diguna pakai bagi aset-aset ini bagi menentukan sama ada terdapat perubahan dalam model perniagaan serta perubahan prospektif kepada klasifikasi aset tersebut. Tiada perubahan diperlukan bagi tempoh pelaporan semasa.

3. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN KETARA (SAMBUNGAN)

3.1 Penilaian yang dibuat dalam mengguna pakai polisi perakaunan (sambungan)

(c) Komitmen pajakan operasi

PIDM telah memeterai satu kontrak sewaan yang tidak boleh dibatalkan bagi penggunaan ruang pejabat dan pelbagai peralatan pejabat. PIDM telah menentukan, berdasarkan penilaian terhadap terma-terma dan syarat-syarat perjanjian, tempoh pajakan yang melibatkan sebahagian besar daripada hayat aset-aset dan tidak ada opsyen pembelian termasuk di dalam kontrak. Oleh kerana tiada pemindahan risiko dan ganjaran pemilikan aset-aset ini kepada PIDM, maka kontrak-kontrak ini diambil kira sebagai pajakan operasi.

3.2 Sumber utama ketidakpastian anggaran

Andaian utama berkenaan masa hadapan dan sumber utama ketidakpastian anggaran lain pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko ketara dan yang boleh menyebabkan pelarasan ketara kepada amaun bawaan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya dibincangkan seperti di bawah:

Kerugian penjejasan nilai ke atas aset kewangan

Pengukuran kerugian penjejasan nilai di bawah MFRS 9 bagi semua kategori aset kewangan memerlukan pertimbangan. Khususnya, anggaran diperlukan bagi jumlah dan tempoh aliran tunai masa hadapan dan nilai cagaran apabila menentukan kerugian penjejasan nilai dan penilaian peningkatan risiko kredit yang ketara. Anggaran ini didorong oleh beberapa faktor yang mana perubahannya yang boleh menyebabkan tahap peruntukan yang berbeza.

Pengiraan ECL PIDM merupakan output model yang kompleks dengan beberapa anggapan pendasar mengenai pilihan input boleh ubah dan kebergantungannya. Unsur-unsur model ECL yang dianggap sebagai pertimbangan dan anggaran perakaunan termasuk:

- Penentuan kriteria bagi peningkatan dalam risiko kredit yang ketara;
- Pembangunan model ECL, termasuk pelbagai rumusan dan pilihan input;
- Penetapan hubungan antara senario makroekonomi dan input ekonomi yang relevan kepada kelas aset kewangan, seperti KDNK, dan kesan terhadap PD, EAD dan LGD;
- Pembahagian aset kewangan apabila ECL masing-masing dinilai secara kolektif; dan
- Penentuan bilangan dan wajaran relatif bagi senario berpandangan ke hadapan, untuk mendapatkan anggaran ECL.

Apabila mengukur ECL, PIDM menggunakan maklumat berpandangan hadapan yang munasabah dan disokong, yang berdasarkan kepada andaian pergerakan KDNK pada masa hadapan.

Kerugian akibat kegagalan merupakan anggaran kerugian yang timbul dari peristiwa kegagalan. Ia adalah berdasarkan perbezaan antara aliran tunai berkontrak yang perlu dibayar dan yang dijangka akan diterima oleh PIDM, dengan mengambil kira aliran tunai daripada cagaran dan peningkatan kredit yang penting.

Kebarangkalian kegagalan merupakan input utama dalam mengukur ECL. Kebarangkalian kegagalan merupakan anggaran kebarangkalian berlakunya sesuatu kegagalan sepanjang tempoh masa tertentu, di mana pengiraannya merangkumi data sejarah serta andaian dan jangkaan keadaan masa hadapan.

Nota 22 (e) menyatakan sumber sensitiviti utama ECL terhadap perubahan input dan andaian utama.

Rancangan manfaat ditentukan – Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang

Obligasi Rancangan Manfaat Persaraan Jangka Panjang, dikira berdasarkan unjuran kaedah kredit unit yang ditentukan oleh aktuari bertauliah. Penilaian aktuari adalah berdasarkan kepada pelbagai andaian yang mungkin berbeza dengan perkembangan sebenar pada masa hadapan. Andaian yang diguna-pakai termasuklah penentuan kadar diskaun, kenaikan gaji pada masa hadapan, kadar pusingan pekerja, kadar kematian dan kadar kehilangan upaya. Kesemua andaian akan disemak pada setiap tarikh pelaporan.

Aset berkaitan hak penggunaan dan liabiliti pajakan

Kedudukan aset berkaitan hak penggunaan dan liabiliti pajakan PIDM bergantung kepada penilaian semasa pihak pengurusan terhadap jumlah pembayaran pajakan bagi tempoh pajakan yang dijangka dan berdasarkan andaian terhadap kadar peminjaman tambahan yang sesuai digunakan sebagai kadar diskaun.

Ketidakpastian mengenai amaun bawaan ini berkaitan terutamanya kepada penilaian pihak pengurusan terhadap kepastian munasabah dalam melaksanakan pelanjutan kontrak pajakan yang boleh diperbaharui. Disebabkan oleh ketidakpastian ini, terdapat kemungkinan bahawa, pada penghujung tempoh kontrak pajakan yang tidak boleh dibatalkan pada tarikh hadapan, hasil akhir mungkin berbeza menurut keputusan sebenar pelanjutan. Pihak pengurusan telah menilai dan yakin bahawa pelanjutan untuk pembaharuan akan dilaksanakan dan telah mencerminkan andaian dalam pengukuran aset berkaitan hak penggunaan dan liabiliti pajakan. Andaian tersebut dinilai secara minimum, pada setiap tarikh pelaporan atau apabila terdapat petunjuk yang mungkin menyebabkan perubahan dalam andaian.

4. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

a. Baki pada akhir tahun kewangan

	2019		
	Jumlah RM'000	**Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000**	**Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000**
Akaun-akaun perbankan operasi	**1,162**	**1,091**	**71**
Penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap	**71,017**	**44,790**	**26,227**
Jumlah tunai dan kesetaraan tunai	**72,179**	**45,881**	**26,298**

	2018		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Akaun-akaun perbankan operasi	1,088	566	522
Penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap	132,035	113,630	18,405
Jumlah tunai dan kesetaraan tunai	133,123	114,196	18,927

4. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI (SAMBUNGAN)

b. Penyata Aliran Tunai (kaedah tidak langsung)

	2019		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Lebihan bersih operasi bagi tahun semasa	**504,743**	**373,803**	**130,940**
Pelarasan bagi:			
Susut nilai hartanah dan peralatan	**8,019**	**5,382**	**2,637**
Susut nilai aset berkaitan hak penggunaan	**4,989**	**3,950**	**1,039**
Penilaian semula Rancangan Persaraan Jangka Panjang	**273**	**209**	**64**
Lebihan bersih diselaraskan sebelum perubahan dalam modal kerja	**518,024**	**383,344**	**134,680**
Perubahan dalam akaun belum bayar	**749**	**330**	**419**
Perubahan dalam aset lain	**(472)**	**(327)**	**(145)**
Pembayaran kos kewangan pajakan	**(1,254)**	**(993)**	**(261)**
Tunai dijana daripada operasi	**517,047**	**382,354**	**134,693**
Pertambahan / pelunasan bersih bagi sekuriti pelaburan	**37,001**	**22,054**	**14,947**
Perubahan dalam pendapatan pelaburan dan pulangan belum diterima	**(8,844)**	**(6,351)**	**(2,493)**
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	**545,204**	**398,057**	**147,147**
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan	**1,450,596**	**773,146**	**677,450**
Pembelian sekuriti pelaburan	**(2,049,966)**	**(1,234,251)**	**(815,715)**
Hasil daripada jualan hartanah dan peralatan	**47**	**47**	**–**
Pembelian hartanah dan peralatan	**(2,406)**	**(1,815)**	**(591)**
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	**(601,729)**	**(462,873)**	**(138,856)**
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PINJAMAN			
Pembayaran balik prinsipal liabiliti pajakan	**(4,419)**	**(3,499)**	**(920)**
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pinjaman	**(4,419)**	**(3,499)**	**(920)**
(Pengurangan) / penambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	**(60,944)**	**(68,315)**	**7,371**
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	**133,123**	**114,196**	**18,927**
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	**72,179**	**45,881**	**26,298**

4. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI (SAMBUNGAN)

b. Penyata Aliran Tunai (kaedah tidak langsung)

	2018		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Lebihan bersih operasi bagi tahun semasa	488,366	373,163	115,203
Pelarasan bagi:			
Susut nilai hartanah dan peralatan	7,445	5,147	2,298
Susut nilai aset berkaitan hak penggunaan	4,938	3,911	1,027
Penilaian semula Rancangan Persaraan Jangka Panjang	(113)	(89)	(24)
Lebihan bersih diselaraskan sebelum perubahan dalam modal kerja	500,636	382,132	118,504
Perubahan dalam akaun belum bayar	(4,288)	(3,177)	(1,111)
Perubahan dalam aset lain	165	279	(114)
Pembayaran kos kewangan pajakan	(1,487)	(1,178)	(309)
Tunai dijana daripada operasi	495,026	378,056	116,970
Pertambahan / pelunasan bersih bagi sekuriti pelaburan	55,189	32,848	22,341
Perubahan dalam pendapatan pelaburan dan pulangan belum diterima	(5,285)	(4,773)	(512)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	544,930	406,131	138,799
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan	4,639,207	2,695,679	1,943,528
Pembelian sekuriti pelaburan	(5,067,377)	(2,999,433)	(2,067,944)
Hasil daripada jualan hartanah dan peralatan	–	–	–
Pembelian hartanah dan peralatan	(5,673)	(3,849)	(1,824)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(433,843)	(307,603)	(126,240)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PINJAMAN			
Pembayaran balik prinsipal liabiliti pajakan	(4,127)	(3,268)	(859)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pinjaman	(4,127)	(3,268)	(859)
Penambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	106,960	95,260	11,700
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	26,163	18,936	7,227
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	133,123	114,196	18,927

5. PELABURAN

	2019		
	Jumlah RM'000	**Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000**	**Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000**
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	**4,213,246**	**2,528,997**	**1,684,249**
Sekuriti Hutang Swasta	**235,012**	**153,962**	**81,050**
	4,448,258	**2,682,959**	**1,765,299**
Tambah: Akresi diskaun selepas pelunasan premium	**(11,080)**	**(7,406)**	**(3,674)**
Jumlah pelaburan pada kos yang dilunaskan	**4,437,178**	**2,675,553**	**1,761,625**
Tolak : Peruntukan kerugian kredit dijangka	**–**	**–**	**–**
Jumlah pelaburan bersih	**4,437,178**	**2,675,553**	**1,761,625**

	2018		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	3,627,444	2,096,036	1,531,408
Sekuriti Hutang Swasta	255,658	143,424	112,234
	3,883,102	2,239,460	1,643,642
Tambah: Akresi diskaun selepas pelunasan premium	(9,535)	(3,948)	(5,587)
Jumlah pelaburan pada kos yang dilunaskan	3,873,567	2,235,512	1,638,055
Tolak : Peruntukan kerugian kredit dijangka	–	–	–
Jumlah pelaburan bersih	3,873,567	2,235,512	1,638,055

Pelaburan adalah dalam denominasi Ringgit Malaysia dan diiktiraf pada kos terlunas.

Penjejasan nilai pelaburan

Tiada perubahan dalam teknik anggaran atau andaian ketara telah dibuat dalam tempoh pelaporan semasa bagi menilai peruntukan kerugian bagi aset kewangan ini.

Berdasarkan pada penilaian semula, tiada peruntukan kerugian kredit telah diiktiraf sepanjang tahun ke atas pelaburan PIDM yang telah diiktiraf pada kos terlunas, disebabkan oleh kesannya yang tidak ketara.

Nota 22 (e) memperincikan amaun bawaan kasar, peruntukan kerugian serta asas pengukuran kerugian kredit yang dijangka bagi setiap aset kewangan ini mengikut gred penilaian risiko kredit.

6. ASET LAIN

	2019		
	Jumlah RM'000	**Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000**	**Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000**
a. Aset kewangan			
Pendapatan pelaburan belum terima	**48,209**	**29,944**	**18,265**
Deposit	**2,434**	**2,242**	**192**
Akaun belum terima lain	**315**	**247**	**68**
Jumlah sub aset kewangan	**50,958**	**32,433**	**18,525**
b. Aset bukan kewangan			
Prabayaran	**2,855**	**1,898**	**957**
Aset bukan kewangan lain	**213**	**154**	**59**
Jumlah sub aset bukan kewangan	**3,068**	**2,052**	**1,016**
Jumlah aset lain	**54,026**	**34,485**	**19,541**

	2018		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
a. Aset kewangan			
Pendapatan pelaburan belum terima	39,365	23,593	15,772
Deposit	2,274	2,120	154
Akaun belum terima lain	131	94	37
Jumlah sub aset kewangan	41,770	25,807	15,963
b. Aset bukan kewangan			
Prabayaran	2,727	1,846	881
Aset bukan kewangan lain	213	154	59
Jumlah sub aset bukan kewangan	2,940	2,000	940
Jumlah aset lain	44,710	27,807	16,903

Termasuk dalam akaun belum terima lain adalah baki antara-dana sebanyak RM0.2 juta (2018: RM0.03 juta) untuk aktiviti-aktiviti operasi harian.

Penjejasan nilai aset kewangan lain

Tiada perubahan dalam teknik anggaran atau andaian ketara telah dibuat dalam tempoh pelaporan semasa bagi menilai peruntukan kerugian bagi aset kewangan ini.

Berdasarkan pada penilaian semula, tiada peruntukan kerugian kredit telah diiktiraf sepanjang tahun ke atas aset kewangan yang telah diiktiraf pada kos terlunas, disebabkan oleh kesannya yang tidak ketara.

Nota 22 (e) memperincikan amaun bawaan kasar, peruntukan kerugian serta asas pengukuran kerugian kredit yang dijangka bagi setiap aset kewangan ini mengikut gred penilaian risiko kredit.

7. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI

	2019		
	Jumlah RM'000	**Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000**	**Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000**
Kos			
Saham tidak tersenarai	**–***	**–**	**–**
Jumlah pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	**–***	**–**	**–**

	2018		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Kos			
Saham tidak tersenarai	–*	–	–
Jumlah pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	–*	–	–

* Jumlah modal berbayar sebanyak RM10 (RM2 untuk setiap lima subsidiari) adalah di bawah ambang nilai bundaran.

Butir-butir subsidiari-subsidiari tersebut adalah seperti berikut:

Nama subsidiari	**Negara diperbadankan**	**Aktiviti utama**	**Tarikh diperbadankan**	**Kepentingan pemilikan efektif**	**Status**
The Federal Asset Management Agency of Malaysia Berhad**	Malaysia	Syarikat pengurusan aset	8 Jun 2012	100%	Dorman
The Federal Commercial Bank of Malaysia Berhad**	Malaysia	Institusi perantara	22 Jun 2012	100%	Dorman
The Federal Islamic Bank of Malaysia Berhad**	Malaysia	Institusi perantara	22 Jun 2012	100%	Dorman
The National PIDM Insurance Corporation of Malaysia Berhad**	Malaysia	Institusi perantara	20 Jun 2012	100%	Dorman
The Federal Takaful Corporation of Malaysia Berhad**	Malaysia	Institusi perantara	22 Jun 2012	100%	Dorman

** Diaudit oleh firma audit luaran, Tetuan Khairuddin Hasyudeen & Razi.

7. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Nama para Pengarah yang berkhidmat dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 untuk semua subsidiari ialah:

- Rafiz Azuan bin Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif, PIDM
- Lim Yam Poh, Ketua Pegawai Operasi, PIDM

Subsidiari-subsidiari di atas telah diperbadankan sebagai sebahagian daripada usaha PIDM untuk memastikan kesediaan operasi bagi melaksanakan sebarang aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan. Selaras dengan seksyen 10 Akta PIDM, PIDM boleh menubuhkan subsidiari sekiranya perlu bagi tujuan untuk menjalankan fungsi, kuasa dan kewajipannya. Lima buah subsidiari, iaitu sebuah syarikat pengurusan aset dan empat institusi perantara, telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai syarikat awam berhad menurut syer. Subsidiari-subsidiari tersebut diperbadankan awal sebelum berlakunya sebarang kegagalan institusi ahli, dan oleh itu akan kekal dorman sehingga diaktifkan untuk pelaksanaan aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan yang perlu.

Objektif dan tujuan khusus subsidiari-subsidiari tersebut adalah seperti berikut:

Nama subsidiari	Objektif / Tujuan
The Federal Asset Management Agency of Malaysia Berhad	Subsidiari ini telah ditubuhkan untuk menjalankan perniagaan sebagai sebuah syarikat pengurusan aset dan mempunyai kuasa untuk memperoleh, mengambil alih kawalan, mengurus, melupuskan, menjual, berurusan dengan, berurus niaga dan beroperasi secara berterusan atau sebaliknya, aset, liabiliti, urus niaga, akujanji dan hal ehwal institusi ahli sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta PIDM, sama ada melalui pengurusan, perjanjian, instrumen, atau selainnya menurut Akta PIDM dan mana-mana undang-undang lain yang berkenaan.
Institusi perantara (IP) Institusi perantara merupakan sebuah medium resolusi di bawah Akta PIDM yang membolehkan PIDM untuk memindahkan urus niaga, aset dan liabiliti institusi ahli yang bermasalah atau mengalami kegagalan kepada institusi perantara, apabila tidak ada pembeli serta-merta atau apabila tindakan resolusi melibatkan institusi ahli yang kompleks. Institusi perantara ini bertujuan sebagai institusi khas sementara untuk memelihara nilai francais perniagaan institusi ahli yang bermasalah atau mengalami kegagalan. Institusi perantara ini akan beroperasi secara konservatif, dan kemudiannya dijual kepada pembeli sektor swasta. Setelah pengaktifan dan penubuhan sesebuah institusi perantara di bawah Akta PIDM dengan kelulusan Menteri Kewangan, institusi perantara tersebut akan beroperasi sebagai sebuah institusi kewangan berlesen penuh.	
The Federal Commercial Bank of Malaysia Berhad	Subsidiari ini, apabila diaktifkan, akan beroperasi sebagai sebuah bank berlesen untuk menjalankan dan menguruskan semua urus niaga perbankan komersial seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
The Federal Islamic Bank of Malaysia Berhad	Subsidiari ini, apabila diaktifkan, akan beroperasi sebagai sebuah bank Islam berlesen untuk menjalankan dan menguruskan semua urus niaga perbankan Islam seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
The National PIDM Insurance Corporation of Malaysia Berhad	Subsidiari ini, apabila diaktifkan, akan beroperasi sebagai sebuah syarikat insurans berlesen untuk menjalankan atau menguruskan semua urus niaga insurans, jaminan dan indemniti seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
The Federal Takaful Corporation of Malaysia Berhad	Subsidiari ini, apabila diaktifkan, akan beroperasi sebagai sebuah pengendali Takaful berlesen untuk menjalankan atau menguruskan semua jenis urus niaga Takaful dan takaful semula seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

7. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Selaras dengan seksyen 35 Akta PIDM, keputusan kewangan subsidiari-subsidiari tidak digabungkan dengan penyata kewangan PIDM. Penyediaan penyata kewangan gabungan PIDM dan subsidiari-subsidiarinya tidak akan memberikan maklumat yang berguna dan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan dan prestasi kewangan PIDM. Ini adalah kerana pendedahan kewangan serta kesan perlaksanaan sebarang intervensi atau resolusi kegagalan sesebuah institusi ahli akan hanya memberi kesan kepada Kumpulan Dana tertentu yang berkaitan dengan institusi ahli tersebut.

Maklumat lanjut boleh didapati di Nota 3.1(a).

Di masa subsidiari-subsidiari kekal dorman, perbelanjaan pentadbiran akan ditanggung secara terus oleh PIDM di peringkat korporat. Butiran perbelanjaan pentadbiran subsidiari-subsidiari adalah seperti berikut:

	2019 **RM**	2018 RM
Butiran Perbelanjaan		
Yuran Audit	**19,610**	16,960
Yuran Perunding Setiausaha Syarikat	**14,756**	13,605
Jumlah perbelanjaan subsidiari-subsidiari	**34,366**	30,565

Perbelanjaan pentadbiran subsidiari-subsidiari dinyatakan di dalam fi penasihat dan perundingan di Nota 16 di dalam perbelanjaan lain.

8. HARTANAH DAN PERALATAN

	Tanah RM'000	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan motor RM'000	Ubah suai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan* RM'000	Jumlah RM'000
	2019							
Kos								
Baki pada 1 Januari 2019	**4,718**	**17,281**	**49,635**	**4,138**	**1,170**	**10,304**	**1,435**	**88,681**
Penambahan	**–**	**–**	**161**	**–**	**–**	**98**	**2,116**	**2,375**
Reklasifikasi / Pelarasan	**–**	**–**	**2,726**	**–**	**–**	**–**	**(2,731)**	**(5)**
Jualan	**–**	**–**	**–**	**–**	**(240)**	**–**	**–**	**(240)**
Pelupusan	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**
Hapus kira	**–**	**–**	**(272)**	**–**	**–**	**–**	**–**	**(272)**
Baki pada 31 Disember 2019	**4,718**	**17,281**	**52,250**	**4,138**	**930**	**10,402**	**820**	**90,539**
Susut nilai terkumpul								
Baki pada 1 Januari 2019	**–**	**691**	**38,587**	**3,380**	**758**	**9,165**	**–**	**52,581**
Caj bagi tahun semasa	**–**	**346**	**6,848**	**152**	**186**	**487**	**–**	**8,019**
Reklasifikasi / Pelarasan	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**
Jualan	**–**	**–**	**–**	**–**	**(240)**	**–**	**–**	**(240)**
Pelupusan	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**
Hapus kira	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**
Baki pada 31 Disember 2019	**–**	**1,037**	**45,435**	**3,532**	**704**	**9,652**	**–**	**60,360**
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2019	**4,718**	**16,244**	**6,815**	**606**	**226**	**750**	**820**	**30,179**
	2018							
Kos								
Baki pada 1 Januari 2018	4,718	17,281	43,418	4,042	983	10,304	2,721	83,467
Penambahan	–	–	641	96	190	–	4,348	5,275
Reklasifikasi / Pelarasan	–	–	5,629	–	–	–	(5,634)	(5)
Jualan	–	–	(23)	–	(3)	–	–	(26)
Pelupusan	–	–	(30)	–	–	–	–	(30)
Hapus kira	–	–	–	–	–	–	–	–
Baki pada 31 Disember 2018	4,718	17,281	49,635	4,138	1,170	10,304	1,435	88,681
Susut nilai terkumpul								
Baki pada 1 Januari 2018	–	345	32,429	3,230	586	8,602	–	45,192
Caj bagi tahun semasa	–	346	6,211	150	175	563	–	7,445
Reklasifikasi / Pelarasan	–	–	–	–	–	–	–	–
Jualan	–	–	(23)	–	(3)	–	–	(26)
Pelupusan	–	–	(30)	–	–	–	–	(30)
Hapus kira	–	–	–	–	–	–	–	–
Baki pada 31 Disember 2018	–	691	38,587	3,380	758	9,165	–	52,581
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2018	4,718	16,590	11,048	758	412	1,139	1,435	36,100

8. HARTANAH DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

Sepanjang tahun semasa, PIDM telah menjual kenderaan bermotor yang telah disusut nilai sepenuhnya berjumlah RM46,618. Keuntungan daripada jualan aset ini telah dinyatakan sebagai pendapatan lain dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain.

Aset yang masih dalam pembinaan berjumlah RM819,662 (2018: RM1,434,996), terdiri daripada:

	2019 RM	2018 RM
Sistem Penilaian Risiko versi 2	**80,465**	714,011
Sistem Portal Industri	**57,505**	318,310
Lain-lain Sistem Teknologi Maklumat	**681,692**	402,675
Jumlah	**819,662**	1,434,996

Selepas pengiktirafan awal, tanah pegangan bebas dinyatakan pada kos. Pada 31 Disember 2019, nilai saksama tanah pegangan bebas adalah RM9,700,000 berdasarkan penilaian profesional yang dijalankan pada April 2019 oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Nilai saksama tanah pegangan bebas ditentukan menggunakan kedua-dua kaedah kos dan kaedah pembandingan. Ini bermakna penilaian yang dilaksanakan oleh jurunilai adalah berdasarkan pada harga pasaran semasa aktif, dan dilaraskan bagi halangan ketidakbolehpasaran dan syarat lain yang relevan kepada tanah pegangan bebas. Pada tahun 2018, nilai saksama tanah pegangan bebas adalah berdasarkan pada penilaian profesional yang telah dijalankan oleh jurunilai berdaftar berdasarkan penilaian yang sama seperti yang dinyatakan di atas.

PIDM akan melakukan penilaian terhadap tanah pegangan bebas secara berkala bagi memastikan nilai bawaan yang dinyatakan di dalam penyata kewangan kekal relevan tanpa sebarang penjejasan nilai. PIDM akan membuat ketentuan bagi memastikan kaedah penilaian dan anggaran adalah sejajar dengan keadaan pasaran semasa.

Penilaian input yang tidak dapat diperhatikan:

	2019 RM	2018 RM
Harga bagi satu meter persegi	**1,500 – 1,800**	1,300 – 1,700

Penambahan / (pengurangan) ketara di dalam anggaran harga bagi setiap satu meter persegi akan menyebabkan nilai saksama yang ketara tinggi / (rendah).

Pengimbangan semula nilai saksama – Tahap 3 nilai saksama

	2019 RM'000	2018 RM'000
Kos pada 1 Januari	**4,718**	4,718
Kos pada 31 Disember	**4,718**	4,718
Nilai saksama pada 31 Disember	**9,700**	8,200

8. HARTANAH DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

a. Kumpulan Dana Insurans Deposit

	Tanah RM'000	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan motor RM'000	Ubah suai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan* RM'000	Jumlah RM'000
	2019							
Kos								
Baki pada 1 Januari 2019	**3,155**	**14,046**	**39,604**	**3,905**	**974**	**9,234**	**1,282**	**72,200**
Penambahan	**–**	**–**	**126**	**–**	**–**	**75**	**1,574**	**1,775**
Reklasifikasi / Pelarasan	**–**	**–**	**2,291**	**–**	**–**	**–**	**(2,295)**	**(4)**
Jualan	**–**	**–**	**–**	**–**	**(240)**	**–**	**–**	**(240)**
Pelupusan	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**
Hapus kira	**–**	**–**	**(208)**	**–**	**–**	**–**	**–**	**(208)**
Baki pada 31 Disember 2019	**3,155**	**14,046**	**41,813**	**3,905**	**734**	**9,309**	**561**	**73,523**
Susut nilai terkumpul								
Baki pada 1 Januari 2019	**–**	**561**	**33,092**	**3,293**	**646**	**8,324**	**–**	**45,916**
Caj bagi tahun semasa	**–**	**281**	**4,446**	**122**	**147**	**386**	**–**	**5,382**
Reklasifikasi / Pelarasan	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**
Jualan	**–**	**–**	**–**	**–**	**(240)**	**–**	**–**	**(240)**
Pelupusan	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**
Hapus kira	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**
Baki pada 31 Disember 2019	**–**	**842**	**37,538**	**3,415**	**553**	**8,710**	**–**	**51,058**
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2019	**3,155**	**13,204**	**4,275**	**490**	**181**	**599**	**561**	**22,465**
	2018							
Kos								
Baki pada 1 Januari 2019	3,155	14,046	35,701	3,829	824	9,234	1,912	68,701
Penambahan	–	–	505	76	150	–	2,821	3,552
Reklasifikasi / Pelarasan	–	–	3,451	–	–	–	(3,451)	–
Jualan	–	–	(23)	–	–	–	–	(23)
Pelupusan	–	–	(30)	–	–	–	–	(30)
Hapus kira	–	–	–	–	–	–	–	–
Baki pada 31 Disember 2019	3,155	14,046	39,604	3,905	974	9,234	1,282	72,200
Susut nilai terkumpul								
Baki pada 1 Januari 2019	–	280	28,971	3,173	509	7,889	–	40,822
Caj bagi tahun semasa	–	281	4,174	120	137	435	–	5,147
Reklasifikasi / Pelarasan	–	–	–	–	–	–	–	–
Jualan	–	–	(23)	–	–	–	–	(23)
Pelupusan	–	–	(30)	–	–	–	–	(30)
Hapus kira	–	–	–	–	–	–	–	–
Baki pada 31 Disember 2019	–	561	33,092	3,293	646	8,324	–	45,916
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2019	3,155	13,485	6,512	612	328	910	1,282	26,284

8. HARTANAH DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

b. Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

	Tanah RM'000	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan motor RM'000	Ubah suai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan* RM'000	Jumlah RM'000
	2019							
Kos								
Baki pada 1 Januari 2019	**1,563**	**3,235**	**10,031**	**233**	**196**	**1,070**	**153**	**16,481**
Penambahan	**–**	**–**	**35**	**–**	**–**	**23**	**542**	**600**
Reklasifikasi / Pelarasan	**–**	**–**	**435**	**–**	**–**	**–**	**(436)**	**(1)**
Jualan	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**
Pelupusan	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**
Hapus kira	**–**	**–**	**(64)**	**–**	**–**	**–**	**–**	**(64)**
Baki pada 31 Disember 2019	**1,563**	**3,235**	**10,437**	**233**	**196**	**1,093**	**259**	**17,016**
Susut nilai terkumpul								
Baki pada 1 Januari 2019	**–**	**130**	**5,495**	**87**	**112**	**841**	**–**	**6,665**
Caj bagi tahun semasa	**–**	**65**	**2,402**	**30**	**39**	**101**	**–**	**2,637**
Reklasifikasi / Pelarasan	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**
Jualan	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**
Pelupusan	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**
Hapus kira	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**
Baki pada 31 Disember 2019	**–**	**195**	**7,897**	**117**	**151**	**942**	**–**	**9,302**
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2019	**1,563**	**3,040**	**2,540**	**116**	**45**	**151**	**259**	**7,714**
	2018							
Kos								
Baki pada 1 Januari 2019	1,563	3,235	7,717	213	159	1,070	809	14,766
Penambahan	–	–	136	20	40	–	1,527	1,723
Reklasifikasi / Pelarasan	–	–	2,178	–	–	–	(2,183)	(5)
Jualan	–	–	–	–	(3)	–	–	(3)
Pelupusan	–	–	–	–	–	–	–	–
Hapus kira	–	–	–	–	–	–	–	–
Baki pada 31 Disember 2019	1,563	3,235	10,031	233	196	1,070	153	16,481
Susut nilai terkumpul								
Baki pada 1 Januari 2019	–	65	3,458	57	77	713	–	4,370
Caj bagi tahun semasa	–	65	2,037	30	38	128	–	2,298
Reklasifikasi / Pelarasan	–	–	–	–	–	–	–	–
Jualan	–	–	–	–	(3)	–	–	(3)
Pelupusan	–	–	–	–	–	–	–	–
Hapus kira	–	–	–	–	–	–	–	–
Baki pada 31 Disember 2019	–	130	5,495	87	112	841	–	6,665
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2019	1,563	3,105	4,536	146	84	229	153	9,816

9. ASET BERKAITAN HAK PENGGUNAAN

PIDM memajak beberapa aset termasuk bangunan dan peralatan pejabat.

PIDM mempunyai kontrak penyewaan bagi penggunaan ruang pejabat di Tingkat 11, 12, 13, 15 dan 16, Menara Axiata, Kuala Lumpur Sentral. PIDM telah memperbaharui perjanjian penyewaannya mulai 1 Januari 2018 yang mana akan tamat pada 31 Disember 2021, dengan opsyen untuk diperbaharui bagi tempoh 2 tahun seterusnya (Tempoh Penyewaan Ketiga) pada kadar sewa pasaran semasa, tertakluk kepada kenaikan maksimum sebanyak 10%. Tiada klausa pilihan pembelian dimasukkan dalam kontrak. Tiada juga halangan yang dikenakan ke atas PIDM dengan mengadakan kontrak penyewaan ini.

PIDM juga telah mengadakan pajakan untuk pelbagai peralatan pejabat di bawah kontrak pajakan yang tidak boleh dibatalkan. Pajakan ini mempunyai tempoh pajakan sehingga lima tahun dan termasuk sama ada peruntukan bagi pembaharuan secara automatik jika PIDM tidak memberikan notis penamatan tiga bulan sebelum tamatnya terma utama, atau tidak termasuk peruntukan bagi pembaharuan secara automatik. Bagi kedua-dua jenis terma pajakan, tiada pilihan pembelian atau klausa peningkatan yang termasuk dalam kontrak pajakan.

a. Aset berkaitan hak penggunaan

		2019			
	Nota	**Bangunan RM'000**	**Tempat Letak Kenderaan RM'000**	**Peralatan Pejabat RM'000**	**Jumlah RM'000**
Baki pada 1 Januari 2019		**22,952**	**500**	**472**	**23,924**
Tambahan		**–**	**–**	**102**	**102**
Susut nilai aset berkaitan hak penggunaan	16	**(4,591)**	**(100)**	**(298)**	**(4,989)**
Jumlah dibawa bersih		**18,361**	**400**	**276**	**19,037**

		2018			
	Nota	Bangunan RM'000	Tempat Letak Kenderaan RM'000	Peralatan Pejabat RM'000	Jumlah RM'000
Amaun dinyatakan semula pada pengiktirafan awal		27,543	600	719	28,862
Susut nilai aset berkaitan hak penggunaan	16	(4,591)	(100)	(247)	(4,938)
Jumlah dibawa bersih		22,952	500	472	23,924

b. Perbelanjaan berkaitan pajakan yang dikenakan ke atas Keuntungan atau Kerugian

		2019		
	Nota	**Jumlah RM'000**	**Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000**	**Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000**
Susut nilai aset berkaitan hak penggunaan	16	**4,989**	**3,950**	**1,039**
Kos kewangan pajakan	16	**1,254**	**993**	**261**
Perbelanjaan berkaitan pajakan aset nilai rendah*		**13**	**10**	**3**
Jumlah perbelanjaan berkaitan pajakan		**6,256**	**4,953**	**1,303**

9. ASET BERKAITAN HAK PENGGUNAAN (SAMBUNGAN)

b. Perbelanjaan berkaitan pajakan yang dikenakan ke atas Keuntungan atau Kerugian (sambungan)

		2018		
	Nota	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Susut nilai aset berkaitan hak penggunaan	16	4,938	3,911	1,027
Kos kewangan pajakan	16	1,487	1,178	309
Perbelanjaan berkaitan pajakan aset nilai rendah*		8	6	2
Jumlah perbelanjaan berkaitan pajakan		6,433	5,095	1,338

Pelaburan	5	**3.45**	**78,750**	**501,393**	**690,831**	**1,270,974**
31 Disember 2018						
Kadar tetap						
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	3.36	3,646	3,400	–	7,046
Pelaburan	5	3.80	348,606	131,630	751,367	1,231,603
Dana Perlindungan Insurans Hayat						
31 Disember 2019						
Kadar tetap						
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	**3.48**	**5,101**	**8,700**	**–**	**13,801**
Pelaburan	5	**3.45**	**13,556**	**108,872**	**278,322**	**400,750**
31 Disember 2018						
Kadar tetap						
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	3.41	2,771	3,150	–	5,921
Pelaburan	5	3.80	112,931	49,516	169,686	332,133

22. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

b. Risiko kadar faedah dan risiko pulangan (sambungan)

	Nota	KEPPB %	Dalam tempoh 3 bulan RM'000	4 - 12 bulan RM'000	13 – 36 bulan RM'000	Jumlah RM'000
Dana Perlindungan Takaful Am						
31 Disember 2019						
Kadar tetap						
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	**3.46**	**774**	**700**	**–**	**1,474**
Pelaburan	5	**3.48**	**–**	**7,220**	**18,991**	**26,211**
31 Disember 2018						
Kadar tetap						
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	3.47	741	1,620	–	2,361
Pelaburan	5	3.80	4,704	3,942	14,188	22,834
Dana Perlindungan Takaful Keluarga						
31 Disember 2019						
Kadar tetap						
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	**3.44**	**369**	**1,800**	**–**	**2,169**
Pelaburan	5	**3.49**	**–**	**15,352**	**48,338**	**63,690**
31 Disember 2018						
Kadar tetap						
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	3.50	749	2,850	–	3,599
Pelaburan	5	3.85	6,438	9,176	35,871	51,485

Berdasarkan kepada portfolio pelaburan PIDM pada 31 Disember 2019, jadual berikut menunjukkan bagaimana kesan terhadap lebihan bersih daripada kenaikan atau penurunan 50 mata asas dalam KEPPB.

	Lebihan Bersih						
	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
Kenaikan 50 mata asas							
- 31 Disember 2019	**21,957**	**10,715**	**2,358**	**6,473**	**1,954**	**138**	**319**
- 31 Disember 2018	18,681	8,918	1,831	6,008	1,566	115	243
Penurunan 50 mata asas							
- 31 Disember 2019	**(21,957)**	**(10,715)**	**(2,358)**	**(6,473)**	**(1,954)**	**(138)**	**(319)**
- 31 Disember 2018	(18,681)	(8,918)	(1,831)	(6,008)	(1,566)	(115)	(243)

22. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

c. Risiko kecairan

Risiko kecairan PIDM berkait rapat dengan keupayaan PIDM memenuhi obligasinya apabila diperlukan, tanpa menyebabkan kerugian yang tidak boleh diterima. Ini mungkin disebabkan ketidakupayaan untuk membubarkan aset apabila diperlukan atau memperoleh pembiayaan untuk memenuhi keperluan kecairannya. Sejumlah besar dana daripada kumpulan dana yang diperuntukkan untuk tujuan pelaburan telah dilaburkan dalam sekuriti jangka pendek sekuriti Kerajaan, yang merupakan aset mudah tunai sedia untuk dipasarkan. PIDM berusaha untuk menguruskan profil kematangan sekuriti ini secara berterusan bagi memastikan terdapat dana yang mencukupi pada setiap masa, untuk menampung keperluan modal kerja harian atau untuk menangani mana-mana pendedahan risiko kewangan mengikut had pendedahan yang diluluskan. Jadual berikut menetapkan aset jangka pendek PIDM dan profil liabiliti matang.

		2019					
	Nota	**Kurang Dari 30 Hari RM'000**	**31 – 60 Hari RM'000**	**60 – 90 Hari RM'000**	**Lebih Dari 90 Hari Tetapi Kurang Dari 36 Bulan RM'000**	**Lebih Dari 36 Bulan* RM'000**	**Jumlah RM'000**
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	**27,752**	**8,500**	**14,627**	**21,300**	**–**	**72,179**
Pelaburan	5	**–**	**–**	**39,989**	**4,397,189**	**–**	**4,437,178**
Lain-lain aset	6a	**11,167**	**16,330**	**4,706**	**16,321**	**2,434**	**50,958**
Akaun belum bayar	11a	**(1,089)**	**(888)**	**–**	**(1,719)**	**–**	**(3,696)**
Aset jangka pendek bersih		**37,830**	**23,942**	**59,322**	**4,433,091**	**2,434**	**4,556,619**

		2018					
	Nota	Kurang Dari 30 Hari RM'000	31 – 60 Hari RM'000	60 – 90 Hari RM'000	Lebih Dari 90 Hari Tetapi Kurang Dari 36 Bulan RM'000	Lebih Dari 36 Bulan* RM'000	Jumlah RM'000
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	32,623	15,000	12,300	73,200	–	133,123
Pelaburan	5	31,253	274,035	435,849	3,132,430	–	3,873,567
Lain-lain aset	6a	5,941	16,820	6,861	9,875	2,273	41,770
Akaun belum bayar	11a	(680)	(2,172)	–	(1,366)	–	(4,218)
Aset jangka pendek bersih		69,137	303,683	455,010	3,214,139	2,273	4,044,242

PIDM juga mempunyai rangka kerja pembiayaan untuk menguruskan keperluan pembiayaan aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Objektif utama rangka kerja itu adalah untuk memastikan PIDM mempunyai sumber kewangan mencukupi bagi operasi Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang kukuh dan mantap. Rangka kerja pembiayaan itu juga mengambil kira peranan PIDM dalam jaringan keselamatan kewangan dan kuasa perundangannya berkaitan dengan sumber pembiayaan serta objektif yang jelas bagi sumber pembiayaan dalaman dan luaran.

i. **Pembiayaan dalaman** disediakan menerusi pengumpulan lebihan bersih operasi selepas perbelanjaan. Pengumpulan lebihan bersih dikreditkan ke dalam Dana perlindungan masing-masing sebagai rizab bagi memenuhi obligasi masa depan yang mungkin timbul hasil daripada penyediaan program perlindungan konsumer kewangan.

ii. **Pembiayaan luaran** boleh diperolehi menerusi pinjaman daripada Kerajaan, pinjaman daripada pasaran modal atau sumber-sumber lain yang dianggap perlu dan sesuai. Akta PIDM memberi kuasa kepada PIDM untuk meminjam atau memperolehi dana bagi memenuhi obligasinya. PIDM boleh meminjam daripada Kerajaan dengan kelulusan Menteri Kewangan dengan terma dan syarat seperti yang ditentukan oleh Menteri Kewangan.

Tiada perubahan kepada pendedahan PIDM terhadap risiko kecairan atau cara risiko ini diuruskan dan diukur.

22. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

d. Risiko pasaran

Risiko pasaran PIDM berkait rapat dengan risiko kerugian yang disebabkan oleh perubahan negatif dalam nilai pegangan aset berikutan pergerakan dalam kadar atau harga pasaran. Risiko pasaran bagi PIDM termasuk risiko yang berkaitan dengan pelaburan. Pendedahan risiko pasaran PIDM boleh berubah semasa operasi biasa atau kesan daripada aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan. Semasa operasi biasa, PIDM melabur di dalam sekuriti jangka pendek dan sederhana yang bertujuan untuk dipegang sehingga matang. Oleh itu, pendedahan PIDM kepada risiko pasaran dalam konteks pelaburan ini ialah minimum.

Tiada perubahan kepada pendedahan PIDM terhadap risiko pasaran atau cara risiko ini diuruskan dan diukur.

e. Risiko kredit

PIDM melabur dalam Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia, yang secara amnya dianggap sebagai aset berisiko rendah. PIDM tidak menjangkakan pihak yang berurusan dengannya akan gagal dalam pembayaran dan oleh itu, menganggap risiko kredit ke atas aset pelaburannya amat minimum.

Selain sekuriti pelaburan Kerajaan, PIDM juga mempunyai pelaburan dalam Sekuriti Hutang Swasta yang merupakan sebahagian daripada aset pelaburan yang dipindahkan daripada bekas Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans yang sebelum ini ditadbir urus oleh Bank Negara Malaysia. Pelaburan ini telah dipindahkan kepada PIDM dalam tahun 2011 dan merangkumi Sekuriti Hutang Swasta yang diterbitkan oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan yang terus mengekalkan penarafan AAA atau tiada penarafan pada tahun semasa.

	Bekas Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans	
2019 **Pelaburan dalam Sekuriti Hutang Swasta** **– Nilai prinsipal (RM'000)**	**–**	**10,000**
2018 Pelaburan dalam Sekuriti Hutang Swasta – Nilai prinsipal (RM'000)	20,000	10,000
Penarafan Sekuriti Hutang Swasta	**AAA**	**Tiada penarafan**

Selain daripada portfolio IGSF, PIDM juga memegang Sekuriti Hutang Swasta lain yang dikeluarkan oleh entiti yang berkaitan dengan kerajaan selaras dengan Polisi Pelaburan. Pada 31 Disember 2019, nilai utama Sekuriti Hutang Swasta ini berjumlah RM226 juta.

PIDM secara berterusan memantau kedudukan kredit penerbit Sekuriti Hutang Swasta untuk sebarang penurunan harga dalam penilaian kredit.

Dalam menentukan kerugian kredit yang dijangkakan bagi aset-aset ini, PIDM telah mengambil kira sejarah pengalaman kegagalan, kedudukan kewangan pihak berkaitan, serta prospek masa hadapan industri di mana penerbit sekuriti dan nota beroperasi. Maklumat tersebut diperolehi daripada laporan pakar ekonomi, laporan penganalisis kewangan. Juga jika perlu, dalam menganggarkan kebarangkalian berlaku kegagalan setiap aset kewangan bagi tempoh masa penilaian kerugian masing-masing, serta kerugian apabila berlaku kegagalan bagi setiap kes, pertimbangan diberi kepada pelbagai sumber luaran mengenai maklumat ekonomi sebenar dan yang diramalkan.

Maklumat penarafan kredit dibekalkan oleh agensi penarafan bebas yang tersedia dan, jika tidak tersedia, PIDM menggunakan maklumat kewangan yang tersedia kepada pihak awam dan rekod PIDM sendiri untuk menilai pihak berkaitan utamanya.

22. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

e. Risiko kredit (sambungan)

Rangka kerja semasa PIDM berkenaan penggredan risiko kredit merangkumi kategori berikat:

Kategori	Huraian	Asas bagi pengiktirafan peruntukan kerugian kredit
Berbayar / baik	Pihak terbabit mempunyai risiko kegagalan yang rendah dan tidak mempunyai amaun lampau tempoh	ECL 12 bulan
Meragukan	Amaun adalah >30 hari lampau tempoh atau terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal	ECL jangka hayat – tidak terjejas kredit
Mungkir	Amaun adalah >90 hari lampau tempoh dan terdapat bukti yang menunjukkan aset adalah terjejas kredit	ECL jangka hayat – terjejas kredit
Hapus kira	Terdapat bukti bahawa penghutang mengalami kesukaran kewangan yang teruk dan PIDM tidak mempunyai prospek realistik untuk pulih	Amaun hapus kira

Jadual di bawah memperincikan kualiti kredit aset kewangan PIDM serta pendedahan maksimum PIDM terhadap risiko kredit mengikut gred penarafan risiko kredit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 dan 31 Disember 2018.

	Nota	Penarafan kredit luar	Penarafan kredit dalam	ECL 12-bulan atau jangka hayat
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	5	*Sovereign*	Berbayar / baik	ECL 12-bulan
Sekuriti Hutang Swasta	5	AAA	Berbayar / baik	ECL 12-bulan
Pendapatan pelaburan belum terima	6	*Sovereign* & AAA	Berbayar / baik	ECL 12-bulan
Aset dan akaun belum terima lain	6	Tidak berkenaan	Berbayar / baik	ECL 12-bulan

Analisa sensitiviti

Asas dan huraian umum mengenai input dan andaian utama dalam menentukan dan mengukur ECL dinyatakan dalam Nota 2.2 (a) (i) hingga (v) di bawah ***Penjejasan nilai aset kewangan***. Seperti yang dinyatakan dalam Nota 3.2 mengenai sumber utama anggaran ketidakpastian, pengiraan ECL merupakan keluaran model kompleks dengan sebilangan andaian pendasar mengenai pilihan input boleh ubah dan kebergantungannya, dan oleh itu, adalah sensitif kepada perubahan dalam andaian utama dan input boleh ubah ini.

Memandangkan aset kewangan PIDM terutamanya terdiri daripada aset berkaitan pelaburan, termasuk akaun pendapatan pelaburan belum terima, andaian yang paling ketara yang memberi kesan kepada peruntukan ECL adalah yang memberi kesan kepada kebarangkalian kegagalan (PD) dan kerugian akibat kegagalan (LGD) aset-aset tersebut.

Aset pelaburan PIDM terutamanya adalah aset berisiko rendah yang terdiri daripada Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia. Satu-satunya kategori aset pelaburan yang mungkin lebih terdedah kepada penjejasan nilai berkaitan risiko kredit adalah ke atas Sekuriti Hutang Swasta yang dipegang oleh PIDM yang diberi penarafan minimum AAA. Oleh itu, bagi tujuan melaksanakan analisa sensitiviti, satu-satunya senario yang diandaikan adalah penurunan satu tahap dalam penarafan kredit, iaitu daripada AAA kepada AA1, yang mana memberi kesan sepadan kepada PD yang berkenaan. Walau bagaimanapun, penurunan satu tahap ini tidak bermaksud penjejasan nilai yang ketara yang memerlukan peruntukan ECL jangka hayat.

Berkenaan dengan LGD, bagi tujuan melaksanakan analisa sensitiviti, dua senario diandaikan iaitu peningkatan dan penurunan LGD masing-masing sebanyak 10%.

22. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

e. Risiko kredit (sambungan)

Kesan ke atas keuntungan atau kerugian PIDM yang timbul daripada pergerakan PD dan LGD seperti yang dinyatakan di atas adalah seperti berikut:

Anggapan PD adalah asas pergerakan penarafan kredit dari AAA kepada AA1, tetapi kekal dalam Tahap 1 – (ECL 12-bulan).

31 Disember 2019	**Nota**	**LGD meningkat 10% RM'000**	**LGD menurun 10% RM'000**
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	5	**–**	**–**
Sekuriti Hutang Swasta	5	**(47)**	**(9)**
Pendapatan Pelaburan belum terima	6	**(1)**	**–****
Aset dan akaun belum terima lain	6	**–***	**–***
Penambahan / (Penurunan) dalam lebihan bersih		**(48)**	**(9)**

31 Disember 2018	Nota	LGD meningkat 10% RM'000	LGD menurun 10% RM'000
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	5	–	–
Sekuriti Hutang Swasta	5	(110)	(18)
Pendapatan Pelaburan belum terima	6	(2)	–**
Aset dan akaun belum terima lain	6	–*	–*
Penambahan / (Penurunan) dalam lebihan bersih		(112)	(18)

* Kesan pergerakan pada PD dan LGD ke atas pengiraan ECL bagi kelas aset kewangan kekal tidak ketara.
** Amaun adalah di bawah ambang nilai bundaran.

23. NILAI SAKSAMA

PIDM mempunyai rangka kerja dan polisi yang mapan yang memberi panduan mengenai penilaian praktikal, prinsip dan pendekatan analitikal bagi penubuhan penilaian berhemat instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama.

Nilai saksama instrumen kewangan ialah jumlah yang mana instrumen tersebut boleh ditukar atau diselesaikan antara pihak-pihak berpengetahuan dan bersetuju dalam transaksi wajar, selain daripada jualan paksa atau pembubaran. Penilaian instrumen kewangan ditentukan dengan merujuk kepada harga yang tersenarai dalam pasaran aktif atau dengan menggunakan teknik-teknik penilaian berdasarkan input boleh cerap atau input tidak boleh dicerap. Pertimbangan pengurusan telah dijalankan dalam memilih dan menggunapakai parameter, andaian dan teknik-teknik pemodelan yang sesuai yang mana beberapa atau kesemua input parameter tidak boleh dicerap dalam memperoleh nilai saksama.

Di samping itu, PIDM terus memantapkan reka bentuk dan metodologi serta proses pengesahan yang digunakan untuk menghasilkan penilaian. Model penilaian disahkan secara dalaman dan luaran, dengan semakan berkala bagi memastikan model masih sesuai untuk diguna.

Penilaian nilai saksama

i. Tahap 1: Sebut harga

Merujuk kepada instrumen kewangan yang terdapat dalam pasaran aktif sekiranya sebut harga adalah mudah dan boleh didapati daripada pertukaran, peniaga, broker, perkhidmatan penetapan harga atau agensi kawal selia. Harga tersebut juga perlu mewakili urus niaga pasaran sebenar dan kerap berlaku pada asas wajar. Instrumen kewangan sedemikian termasuk sekuriti kerajaan yang aktif diniagakan.

ii. Tahap 2: Teknik penilaian menggunakan input boleh diperhatikan

Merujuk kepada input selain daripada sebut harga yang termasuk dalam Tahap 1 yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung (iaitu harga) atau secara tidak langsung (iaitu diperoleh daripada harga). Contoh Tahap 2 instrumen kewangan termasuk bon korporat dan bon kerajaan yang lain.

iii. Tahap 3: Teknik penilaian menggunakan input tidak boleh diperhatikan secara ketara

Merujuk kepada instrumen kewangan yang mana nilai saksama diukur menggunakan input pasaran tidak boleh diperhatikan secara ketara. Teknik penilaian adalah konsisten dengan Tahap 2. Teknik penilaian yang dipilih menggabungkan andaian sendiri PIDM dan datanya. Contoh instrumen Tahap 3 termasuk bon korporat dalam pasaran yang kurang kecairan.

Kelas dan kategori instrumen kewangan dan nilai saksamanya

Jadual berikut menggabungkan maklumat mengenai:
- kelas instrumen kewangan berdasarkan jenis dan ciri-ciri;
- amaun bawaan instrumen kewangan; dan
- tahap hierarki nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan yang mana nilai saksamanya didedahkan.

23. NILAI SAKSAMA (SAMBUNGAN)

Kelas dan kategori instrumen kewangan dan nilai saksamanya (sambungan)

31 Disember 2019

	Nilai bawaan	**Nilai saksama**		
		Tahap		
		1	**2**	**3**
	RM'000	**RM'000**	**RM'000**	**RM'000**
Aset kewangan – Kos dilunaskan				
Pelaburan (Nota 5)	**4,437,178**	**–**	**4,458,160**	**–**
Tunai dan kesetaraan tunai (Nota 4)	**72,179**	Nilai saksama menghampiri nilai bawaan disebabkan oleh kematangan jangka pendek instrumen tersebut		
Aset kewangan lain (Nota 6a)	**50,958**			
Jumlah aset kewangan	**4,560,315**			
Liabiliti kewangan - Kos dilunaskan				
Liabiliti kewangan lain (Nota 11a)	**3,696**	Nilai saksama menghampiri nilai bawaan disebabkan oleh kematangan jangka pendek instrumen tersebut		
Liabiliti pajakan (Nota 10)	**20,418**	**–**	**–**	**–**
Jumlah liabiliti kewangan	**24,114**			

31 Disember 2018

	Nilai bawaan	Nilai saksama		
		Tahap		
		1	2	3
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Aset kewangan – Kos dilunaskan				
Pelaburan (Nota 5)	3,873,567	–	3,870,969	–
Tunai dan kesetaraan tunai (Nota 4)	133,123	Nilai saksama menghampiri nilai bawaan disebabkan oleh kematangan jangka pendek instrumen tersebut		
Aset kewangan lain (Nota 6a)	41,770			
Jumlah aset kewangan	4,048,460			
Liabiliti kewangan - Kos dilunaskan				
Liabiliti kewangan lain (Nota 11a)	4,218	Nilai saksama menghampiri nilai bawaan disebabkan oleh kematangan jangka pendek instrumen tersebut		
Liabiliti pajakan (Nota 10)	24,735	–	–	–
Jumlah liabiliti kewangan	28,953			

23. NILAI SAKSAMA (SAMBUNGAN)

Kelas dan kategori instrumen kewangan dan nilai saksamanya (sambungan)

Nilai saksama pelaburan adalah lebih rendah daripada jumlah bawaannya disebabkan oleh sensitiviti harga sekuriti ini yang timbul daripada pergerakan kadar faedah dan kadar pulangan, dan bukan disebabkan oleh kemerosotan kredit sekuriti tersebut. Oleh kerana pelaburan ini dipegang-hingga-matang, pendedahan risiko yang timbul daripada pergerakan kadar faedah dan kadar pulangan tidak memberi impak yang ketara kepada penyata kewangan. Rujuk kepada Nota 22 (b) mengenai pendedahan pengurusan risiko kadar faedah dan kadar risiko pulangan.

Nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama (tetapi pendedahan nilai saksama adalah diperlukan)

Nilai saksama instrumen kewangan yang diklasifikasi sebagai Tahap 2 ke atas ditentukan dengan menggunakan input yang boleh diperhatikan. Khususnya, bagi pelaburan pada kos terlunas, nilai saksama yang didedahkan menunjukkan nilai pasarannya pada penghujung tahun kewangan dan ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran yang ditunjukkan yang diperolehi daripada agensi penetapan harga bon.

24. LIABILITI LUAR JANGKA

Pendedahan kepada kerugian

Di bawah Akta PIDM, PIDM terdedah kepada kerugian akibat menginsuranskan deposit di bawah Sistem Insurans Deposit serta polisi insurans dan sijil takaful di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Bagaimanapun, pendedahan ini tidak boleh ditentukan atau dianggarkan dengan sebarang kadar penerimaan yang boleh diyakini.

Sepanjang tahun, tiada kejadian berlaku yang memerlukan PIDM membuat peruntukan khusus di dalam penyata kewangan selaras dengan MFRS 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Sebagai sebahagian daripada mandat, PIDM melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk memastikan sebarang kemusykilan berkenaan perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera.

Jika suatu institusi ahli dianggap tidak berdaya maju oleh badan kawal selia, PIDM diberi mandat dan mempunyai kuasa yang perlu untuk campur tangan dan menyelesaikan institusi ahli dengan cara yang meminimumkan kerugian kepada sistem kewangan.

Meskipun peruntukan tidak dicatatkan melainkan kejadian tertentu berlaku, PIDM terus meningkatkan rizab Kumpulan Dana menerusi pengumpulan lebihan bersih operasi tahunan daripada aktiviti-aktiviti operasi.

Lebihan terkumpul disimpan di dalam setiap Kumpulan Dana bagi memenuhi kewajipan untuk menampung kerugian apabila ianya berlaku. Seperti yang dibincangkan di dalam penyata kewangan Nota 12, PIDM telah menubuhkan rangka kerja Dana Sasaran bagi memastikan tahap dana yang mencukupi untuk membiayai jangkaan kerugian bersih dari aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan.

Sekiranya sesuatu Kumpulan Dana tersebut tidak mencukupi bagi memenuhi kewajipannya, PIDM, sebagai sebuah badan berkanun mempunyai kuasa untuk meminjam daripada Kerajaan atau menerbitkan sekuriti hutang awam bagi mengumpul dana serta mentaksir dan mengenakan premium yang lebih tinggi dengan kelulusan Menteri Kewangan.

Pendedahan operasi

Pada tahun 2018, kontraktor utama yang bertanggungjawab terhadap pembinaan pusat pemulihan bencana PIDM telah membuat tuntutan terhadap PIDM melalui prosiding timbang tara. PIDM telah memfailkan kes pembelaan dan membuat tuntutan balas terhadap kontraktor utama tersebut. Pendedahan tuntutan terhadap PIDM adalah kira-kira RM1.2 juta. Pada tahun kewangan 2019, perbicaraan timbang tara telah selesai. Namun begitu, sehingga 31 Disember 2019, keputusan bagi prosiding timbang tara masih belum diperolehi. Selepas mengambil kira nasihat yang sewajarnya daripada penasihat undang-undang, walaupun berkemungkinan tuntutan tersebut boleh berjaya, kebarangkaliannya masih rendah. Oleh itu, tiada peruntukan telah dibuat di dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

GLOSARI ISTILAH

Dana Insurans Deposit Islam

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada bank ahli yang menyediakan perbankan Islam atau bank perdagangan ahli yang menyediakan perkhidmatan perbankan Islam dan pulangan yang dibuat, ditolak kos operasi bagi Sistem Insurans Deposit Islam.

Dana Insurans Deposit Konvensional

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada bank ahli yang menyediakan perkhidmatan perbankan konvensional dan faedah diperoleh, ditolak kos operasi bagi Sistem Insurans Deposit konvensional.

Dana Perlindungan Insurans Am

Semua levi yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan insurans am dan faedah diperoleh, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana Perlindungan Insurans Hayat

Semua levi yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan operasi perniagaan insurans hayat dan faedah diperoleh, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana Perlindungan Takaful Am

Semua levi yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan takaful am dan pulangan dibuat, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana Perlindungan Takaful Keluarga

Semua levi yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan takaful keluarga dan pulangan dibuat, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana sasaran

Dana sasaran, pada umumnya, merupakan tahap dana terkumpul yang diperlukan bagi menanggung kerugian yang dijangkakan daripada aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan dengan sewajarnya.

Indeks Keterlibatan Berterusan

Kekuatan hubungan kakitangan terhadap organisasi berdasarkan komitmen dalam mencapai matlamat kerja, pemberdayaan dan pengalaman kerja yang menggalakkan kesejahteraan.

Institusi ahli

Ahli PIDM yang terdiri daripada ahli penginsurans dan bank ahli.

Ahli penginsurans

Semua syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk menjalankan perniagaan insurans hayat atau am di Malaysia, serta pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk menjalankan perniagaan takaful keluarga atau am di Malaysia. Keahlian adalah wajib di bawah Akta PIDM. Senarai penuh ahli penginsurans boleh didapati di laman web PIDM.

Bank ahli

Semua bank perdagangan yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, dan semua institusi perbankan Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Keahlian adalah wajib di bawah Akta PIDM. Senarai penuh bank ahli boleh didapati di laman web PIDM.

Intervensi dan resolusi kegagalan

Intervensi merujuk kepada tindakan yang diambil oleh PIDM ke atas sesebuah institusi ahli bagi menangani masalah tertentu yang dihadapi institusi ahli. Tindakan ini biasanya diambil sebelum sebarang resolusi kegagalan diambil ke atas institusi ahli tersebut.

Resolusi kegagalan merujuk kepada tindakan bagi menangani sesebuah institusi ahli yang gagal yang telah diisytiharkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai tidak berdaya maju.

Jaringan keselamatan kewangan

Lazimnya merangkumi fungsi insurans deposit, pengawalseliaan dan penyeliaan berhemat, dan pemberi pinjaman usaha akhir (*lender of last resort*).

Jumlah Deposit Diinsuranskan

Jumlah deposit yang dilindungi oleh PIDM dalam institusi ahli.

Kumpulan Dana Insurans Deposit

Merujuk kepada Dana Insurans Deposit Konvensional dan Dana Insurans Deposit Islam.

Kumpulan Dana Perlindungan

Merujuk kepada Dana Insurans Deposit Konvensional, Dana Insurans Deposit Islam, Dana Perlindungan Insurans Am, Dana Perlindungan Insurans Hayat, Dana Perlindungan Takaful Am, dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga.

Kumpulan Dana Perlindungan Islam

Merujuk kepada Dana Insurans Deposit Islam, Dana Perlindungan Takaful Am, dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga.

Kumpulan Dana Perlindungan Takaful

Merujuk kepada Dana Perlindungan Takaful Am dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga.

Manfaat insurans

Jumlah yang dibayar untuk perlindungan polisi yang ditanggung oleh sesebuah syarikat insurans atas mana-mana individu dalam operasi biasa perniagaan insurans bagi syarikat insurans tersebut.

Manfaat takaful

Jumlah yang dibayar untuk perlindungan sijil takaful yang ditanggung pengendali takaful atas mana-mana individu dalam operasi biasa perniagaan takaful bagi pengendali takaful tersebut.

Mata wang asing

Mana-mana mata wang selain Ringgit Malaysia, iaitu wang Malaysia.

Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1

Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 dikira sebagai peratusan daripada Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 bank ahli daripada aset berwajaran risiko mengikut Rangka Kerja Kecukupan Modal Bank Negara Malaysia. Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 adalah modal kualiti tertinggi untuk bank ahli, manakala aset berwajaran risiko dikira berdasarkan pengagregatan aset bank berwajaran terhadap faktor-faktor yang berkaitan dengan risiko bank. Keperluan kawal selia minimum untuk Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 adalah 4.5%.

Pembayaran balik

Proses yang dilaksanakan oleh PIDM untuk membayar balik deposit yang diinsuranskan kepada pendeposit yang layak, atau manfaat yang dilindungi kepada benefisiari takaful atau individu yang diinsuranskan yang layak bagi institusi ahli yang tidak berdaya maju menurut seksyen 56 dan 57, serta seksyen 80 dan 81 Akta PIDM.

Pemilik polisi

Individu yang mempunyai hak milik sah kepada polisi insurans termasuk pemilik serah hak, wakil persendirian pemilik polisi yang telah meninggal dunia dan penerima anuiti.

Pemilik sijil takaful

Individu yang mempunyai hak milik sah kepada sijil takaful termasuk pemilik serah hak, wakil persendirian pemilik sijil yang telah meninggal dunia dan penerima anuiti.

Pengurusan risiko organisasi

Rangka kerja ini diterima pakai secara menyeluruh dalam organisasi bertujuan memastikan dan menunjukkan bahawa risiko utama sesebuah entiti dikenal pasti, dinilai, diurus, dipantau dan dilaporkan secara konsisten dan berterusan.

Penjejasan nilai

Penjejasan nilai merujuk kepada peruntukan kerugian bagi jangkaan kerugian kredit (*expected credit losses* - ECL) ke atas aset pinjaman atau pembiayaan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysia Financial Reporting Standards – MFRS) 9. Sebelum 1 Januari 2018, penjejasan nilai aset pinjaman atau pembiayaan diukur menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) 139.

Prinsip Syariah

Undang-undang Islam, berasaskan al-Quran, Sunnah (hadis dan perlakuan Nabi Muhammad s.a.w.), Ijma' (persetujuan cendekiawan Islam) dan Qiyas (perumpamaan).

Sistem Insurans Deposit

Sistem yang ditubuhkan oleh PIDM untuk melindungi pendeposit terhadap kehilangan deposit yang diinsuranskan yang ditempatkan dengan bank ahli dan bagi menyelesaikan bank ahli, sekiranya berlaku kegagalan bank ahli.

Sistem Levi Berbeza

Sistem yang mengenakan levi kepada ahli penginsurans pada kadar yang berbeza, berdasarkan profil risiko masing-masing.

Sistem Levi Berbeza bagi Pengendali Takaful

Sistem yang mengenakan levi kepada pengendali takaful pada kadar yang berbeza, berdasarkan profil risiko masing-masing.

Sistem Penilaian Risiko

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk menilai tahap dan kawalan risiko institusi ahli dan menyediakan kedua-dua risiko semasa (risiko agregat) dan prospek (arah risiko) institusi ahli. Ini adalah supaya risiko baru muncul dapat dikenal pasti dan tindakan diambil tepat pada masanya, sebelum risiko tersebut menjadi kenyataan.

Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

Sistem yang ditubuhkan oleh PIDM untuk melindungi pemilik sijil takaful dan polisi insurans terhadap kehilangan manfaat takaful atau insurans yang layak dan bagi menyelesaikan ahli penginsurans, sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans.

Sistem Premium Berbeza

Sistem yang mengenakan premium kepada bank ahli pada kadar yang berbeza, berdasarkan profil risiko masing-masing.

Sistem Sokongan Pemilik Polisi

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk mengekalkan butiran pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku pembayaran balik.

SUMBER DANA DAN KEUPAYAAN KEWANGAN

Rangka Kerja Pembiayaan

Sebagai sebuah badan berkanun, sumber pembiayaan dan keupayaan masa depan bagi memenuhi liabiliti dan komitmen sekiranya berbangkit, jelas dinyatakan dalam Akta PIDM. Penting sekali bagi kami untuk mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk mentadbir dan mengendalikan secara efektif Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang kukuh dan mapan. Keperluan terhadap sumber kewangan yang tersedia adalah kritikal dalam memastikan kami berupaya memenuhi obligasi dengan tahap keyakinan yang tinggi apabila perlu. Sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumer kewangan, kami mempunyai pendedahan secara langsung kepada kerugian akibat fungsi melindungi deposit yang disimpan di bank-bank ahli serta manfaat takaful dan insurans yang disediakan oleh ahli penginsurans. Bagi tahun semasa, tiada sebarang peristiwa yang memerlukan kami merekodkan peruntukan khusus di dalam penyata kewangan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards – MFRS) *MFRS 137 Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets.*

Rangka kerja pembiayaan kami menekankan perlunya sumber kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan mandatnya secara efektif serta menangani pendedahan risiko yang dihadapi. Objektif utama rangka kerja pembiayaannya adalah untuk:

(a) memastikan ketersediaan sumber kewangan yang mencukupi bagi membolehkan kami membiayai operasi harian; dan

(b) membina rizab bagi memastikan kami berupaya memenuhi obligasi masa depan kepada pendeposit serta pemilik sijil takaful dan polisi insurans. Rangka kerja pembiayaan tersebut, mengambil kira peranan kami sebagai salah satu daripada anggota jaringan keselamatan kewangan dan kuasa perundangan kami berkaitan dengan sumber pembiayaan, serta menyediakan objektif yang jelas bagi sumber pembiayaan dalaman dan luaran.

Pembiayaan Dalaman

Dana dalaman kami dibangunkan menerusi pengumpulan lebihan bersih daripada operasi. Lebihan bersih tahunan dikreditkan dan dikumpulkan dalam Dana masing-masing sebagai rizab bagi memenuhi obligasi masa depan yang mungkin berbangkit akibat daripada menyediakan sistem perlindungan konsumer kewangan. Seperti dinyatakan sebelum ini, perbelanjaan operasi dikreditkan kepada Dana masing-masing mengikut asas peruntukan kos seperti dihuraikan dalam Nota 2.2(f)(2) kepada penyata kewangan dan tiada percampuran antara Dana-dana tersebut.

Objektif Dana Sasaran dan Prinsip-prinsip Panduan

Terma dana sasaran atau nisbah rizab sasaran secara umum merujuk kepada tahap dana dalaman yang disasar untuk dikumpul dalam jangka masa panjang bagi mencapai matlamat dan memenuhi mandat kami. Dana sasaran diwujudkan untuk menampung jangkaan kerugian bersih yang timbul daripada mana-mana aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan. Objektif membangunkan rangka kerja dana sasaran adalah untuk: (a) menyediakan asas dalam menilai kecukupan paras semasa Dana-dana; dan (b) mengenal pasti pendekatan yang sistematik untuk menentukan paras sasaran Dana masing-masing.

Rangka kerja dana sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit, Dana Perlindungan Insurans Am dan Dana Perlindungan Insurans Hayat, masing-masing diwujudkan pada tahun 2011, 2015 dan 2016. Rangka kerja dana sasaran bagi Dana Perlindungan Takaful Am dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga disiapkan dan dilaksanakan dalam tahun 2018.

Pembangunan rangka kerja dana sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit, Dana Perlindungan Insurans Am, Dana Perlindungan Insurans Hayat, Dana Perlindungan Takaful Am dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga adalah berdasarkan prinsip-prinsip panduan yang sama, seperti berikut:

(a) **Prinsip Pertama:** Dana sasaran perlu diwujudkan untuk menangani kegagalan berkala dan bukan kegagalan sistemik.

(b) **Prinsip Kedua:** Dana sasaran hendaklah menampung kerugian bersih yang mungkin dijangka timbul daripada aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan.

(c) **Prinsip Ketiga:** Secara optimumnya, penentuan paras dana sasaran perlu mengimbangi kesan terhadap pihak pemegang kepentingan, dari segi saiz dana sasaran dan rangka masa bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.

(d) **Prinsip Keempat:** Paras dana sasaran perlu ditetapkan sebagai “jajaran” dan bukannya amaun yang mutlak.

Pendekatan Model Dana Sasaran

Dalam membangunkan dana sasaran, kami menerima pakai kedua-dua pemodelan statistik dan pendekatan mengikut budi bicara bagi menentukan jajaran dana sasaran:

(a) Pendekatan pemodelan statistik

Kami menerima pakai model statistik Nilai-pada-Risiko dalam membangunkan rangka kerja dana sasaran. Di bawah pendekatan pemodelan statistik ini, Nilai-pada-Risiko ditentukan untuk menilai pendedahan kami kepada kerugian bersih berpandukan anggaran kebarangkalian kegagalan institusi ahli, pendedahan semasa kegagalan, korelasi kegagalan dan kemungkinan pemulihan berlaku dalam sebarang tindakan intervensi dan resolusi kegagalan ke atas institusi ahli yang tidak berdaya maju. Bagi menentukan kecukupan tahap dana untuk menampung kerugian bersih, berdasarkan tahap keyakinan tertentu, kami memanfaatkan simulasi Monte Carlo yang digunakan dalam model statistik Nilai-pada-Risiko. Simulasi berkenaan menggunakan bilangan senario kerugian yang ketara untuk membina agihan kerugian statistik bertujuan untuk menentukan paras dana sasaran yang mampu menampung kerugian atau memenuhi kos insolvensi dalam tempoh masa dan paras keyakinan yang tertentu.

(b) Pendekatan mengikut budi bicara

Dalam menentukan jajaran dana sasaran, kami juga mengambil kira faktor kualitatif lain seperti mandat dan kuasa perundangan kami, landskap dan persekitaran industri perbankan dan insurans operasi serta rejim kawal selia dan penyeliaan kewangan di Malaysia. Faktor-faktor kualitatif ini digunakan secara langsung dalam model statistik atau digunakan dalam penentuan jajaran dana sasaran.

Risiko dan Sensitiviti terhadap Pemodelan Dana Sasaran

Proses penganggaran paras dana sasaran tertakluk kepada ketidakpastian kerana input-input kepada model tersebut adalah berdasarkan kepada set andaian. Justeru, model tersebut berasaskan dan bergantung kepada beberapa faktor utama seperti berikut:

Jadual 1: Faktor-faktor Sensitif Utama Model Dana Sasaran

Persekitaran Operasi

Model tersebut berasaskan kepada andaian bahawa persekitaran operasi institusi ahli tidak berubah dengan ketara dalam jangka masa terdekat. Ini termasuk keadaan ekonomi dan profil risiko setiap institusi ahli, landskap industri kewangan dan juga rejim pengawalseliaan. Perubahan ketara atau drastik kepada ciri-ciri ini atau ciri-ciri yang lain mungkin menghasilkan paras dana sasaran dalam jajaran tertentu yang berbeza berbanding apa yang diperlukan sebelumnya. Namun demikian, persekitaran operasi akan dikaji semula dan disahkan berdasarkan model yang digunakan pada setiap tahun.

Mandat dan kuasa

Mandat dan kuasa yang ditentukan dalam Akta PIDM, antara lainnya, membolehkan kami melaksanakan intervensi dan resolusi terhadap institusi ahli bermasalah dengan segera bagi meminimumkan kesan kegagalan institusi tersebut terhadap sistem kewangan. Pemodelan dan anggaran dana sasaran dibuat berdasarkan mandat dan kuasa semasa yang digariskan dalam Akta PIDM. Sebarang perubahan ketara terhadap mandat dan kuasa kami mungkin menjejaskan andaian yang dibuat menggunakan model, dan seterusnya anggaran paras dana sasaran. Bagaimanapun, kami tidak menjangka berlakunya sebarang perubahan ketara dalam mandat dan kuasa kami dalam tempoh terdekat ini.

Dana sasaran ini tidak statik dan akan dikaji semula serta disahkan setiap tahun bagi memastikan paras dana ini adalah relevan dan sejajar dengan sebarang perubahan andaian atau input yang digunakan.

Pemboleh Ubah Input Utama bagi Model Statistik

Model statistik ini menentukan jangkaan kerugian menggunakan pemboleh ubah input utama berikut:

Jadual 2: Pemboleh Ubah Input Utama dan Andaian bagi Pemodelan Dana Sasaran

Pemboleh Ubah Input Utama	Dana-dana				
	Kumpulan Dana Insurans Deposit	**Dana Perlindungan Insurans Am**	**Dana Perlindungan Insurans Hayat**	**Dana Perlindungan Takaful Am**	**Dana Perlindungan Takaful Keluarga**
Kebarangkalian Kegagalan *(Probability of Default - PD)*	Kami menggunakan kadar kegagalan purata seperti yang dilaporkan oleh Institusi Penilaian Kredit Luaran dalam kajian kegagalan tahunan mereka. Kadar purata kegagalan ditanda aras dengan penarafan risiko paling konservatif dengan mengambil kira penarafan risiko kawal selia institusi ahli dan penilaian penarafan dalaman kami.				
Kerugian Akibat Kegagalan *(Loss Given Default - LGD)*	Pertimbangan kemungkinan pemulihan berdasarkan andaian pembubaran institusi ahli, selepas mengambil kira pendedahan risiko berkaitan terutamanya risiko kredit dan pasaran ketika pelaksanaan pemulihan aset.				
Pendedahan Semasa Kegagalan *(Exposure At Default - EAD)*	Kami mengambil kira dua pendekatan kepada intervensi, iaitu pendekatan secara pembubaran, atau resolusi urus niaga yang berterusan. Jumlah Deposit Diinsuranskan (pada had RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli) dan kemungkinan permodalan semula bank ahli adalah digunakan sebagai proksi bagi Pendedahan Semasa Kegagalan.	Kami mengambil kira beberapa komponen pendedahan sebagai proksi bagi Pendedahan Semasa Kegagalan, untuk menunjukkan jumlah pendedahan kewangan terhadap kami sekiranya berlaku kegagalan mana-mana ahli penginsurans am. Pendedahan Semasa Kegagalan menunjukkan pendedahan tuntutan dan liabiliti premium ahli penginsurans am seperti yang diterima pakai dalam Rangka Kerja Risiko Berasaskan Modal bagi Penginsurans, bersama-sama dengan pendedahan risiko operasi dan kos yang bakal terlibat sekiranya berlaku pembubaran ahli penginsurans am.	Kami mengambil kira liabiliti penilaian aktuari untuk ahli penginsurans hayat sebagai proksi untuk menentukan Pendedahan Semasa Kegagalan, tanpa mengira manfaat insurans yang dilindungi oleh PIDM. Pendedahan Semasa Kegagalan menunjukkan risiko kepada ahli penginsurans hayat dalam sebarang penilaian terkurang liabiliti insurans dan pengalaman tuntutan yang menjejaskan, melebihi daripada jumlah rizab yang disediakan.	Kami mengambil kira beberapa komponen pendedahan sebagai proksi Pendedahan Semasa Kegagalan, untuk menunjukkan jumlah pendedahan kewangan kepada PIDM sekiranya berlaku kegagalan mana-mana ahli takaful. Proksi bagi Pendedahan Semasa Kegagalan bertujuan untuk meminimumkan risiko ahli takaful dalam sebarang penilaian terkurang liabiliti takaful dan pengalaman tuntutan yang menjejaskan, melebihi daripada jumlah rizab yang disediakan. Pendedahan Semasa Kegagalan juga mengambil kira pendedahan risiko operasi dan kos yang bakal terlibat sekiranya berlaku pembubaran sesebuah ahli takaful.	

Pemboleh Ubah Input Utama	Dana-dana				
	Kumpulan Dana Insurans Deposit	Dana Perlindungan Insurans Am	Dana Perlindungan Insurans Hayat	Dana Perlindungan Takaful Am	Dana Perlindungan Takaful Keluarga
Pendedahan Semasa Kegagalan *(Exposure At Default – EAD)* (sambungan)				Pendedahan Semasa Kegagalan mempertimbangkan jumlah liabiliti peserta dana takaful am dan liabiliti perbelanjaan dana pengendali. Bagi liabiliti dana takaful am, termasuk liabiliti tuntutan dan liabiliti caruman daripada Dana Risiko Peserta seperti yang diterima pakai dalam Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Pengendali Takaful.	Kami mengambil kira jumlah liabiliti peserta dana takaful keluarga dan liabiliti perbelanjaan dana pengendali sebagai proksi dalam menentukan Pendedahan Semasa Kegagalan, tanpa mengira manfaat insurans yang kami lindungi. Pendedahan dikira berkenaan dengan peserta dana takaful keluarga terdiri daripada Liabiliti Penilaian Aktuari daripada Dana Risiko Peserta dan nilai terkumpul dalam Dana Pelaburan Peserta (bagi sijil-sijil selain yang berkaitan pelaburan).

Pengurusan Dana Perlindungan apabila Mencapai Paras Dana Sasaran

Apabila Dana Sasaran mencapai jajaran tinggi, kami boleh mempertimbangkan pengurangan kadar premium atau levi atau memberi rebat premium atau levi, antaranya berdasarkan penilaian persekitaran ekonomi dan keadaan industri. Dalam pengurusan pengumpulan Dana-dana, penting bagi kami untuk memastikan rangka kerja Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli atau rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi ahli penginsurans, terus memberikan insentif kepada institusi ahli supaya mereka memperbaiki profil risiko dan agar ahli baharu juga membayar premium atau levi terhadap deposit atau manfaat yang dilindungi oleh kami.

Pembiayaan Luaran

Kami boleh mendapatkan dana luaran sama ada menerusi pinjaman daripada Kerajaan, pasaran modal atau sumber-sumber lain sekiranya perlu dan wajar. Akta PIDM memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menyediakan pinjaman bagi tujuan memenuhi obligasi kami. Pinjaman seumpama ini akan mengikut terma dan syarat yang ditentukan oleh Menteri Kewangan. Pembiayaan juga boleh diperolehi daripada pasaran modal, melalui penerbitan sekuriti hutang, yang juga merupakan salah satu pilihan apabila keadaan persekitaran atau pasaran adalah kondusif untuk berbuat demikian.

PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA

Aras 12, Menara Axiata, No. 9, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur

Tel: 603 2173 7436 / 2265 6565 Faks: 603 2173 7527 / 2260 7432
Talian Maklumat Bebas Tol: 1-800-88-1266 Emel: info@pidm.gov.my

www.pidm.gov.my